

Sejarah Perundangan Islam

ALIRAN AL-ḤADĪTH & ALIRAN AL-RA'Y DALAM FIQH

Irwan Mohd Subri



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

Sejarah Perundangan Islam

**ALIRAN AL-ḤADĪTH
& ALIRAN AL-RA'Y
DALAM FIQH**

Sejarah Perundangan Islam

ALIRAN AL-HADĪTH & ALIRAN AL-RA'Y DALAM FIQH

IRWAN BIN MOHD SUBRI

Sarjana Muda Syariah Islamiyyah (Universiti al-Azhar)

Sarjana Pengajian Islam (Syariah) (Universiti Kebangsaan Malaysia)



Penerbit

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Bandar Baru Nilai

Negeri Sembilan

2006

Cetakan pertama 2006
© Hak cipta terpelihara Kolej Universiti Islam Malaysia 2006

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
Penerbit KUIM,
Kolej Universiti Islam Malaysia,
Bangunan Pentadbiran,
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan.
Tel : 06-798 8045 / Faks : 06-798 8054

Reka Letak & Urus Cetak:
AMPANG PRESS SDN. BHD.
6, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
Batu 3½ Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel : 03-9284 9448 / Faks : 03-9284 9105
e-mel: ampress@streamyx.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam- Penerbitan

Irwan Mohd Subri

Sejarah perundangan Islam : aliran *al-hadith* dan aliran *al-ra'y* dalam fiqh
Mengandungi indeks

Bibliografi ms.

1. Islamic Law –History. 2. Islam Doctrines. 3. Hadith –Criticism
Interpretation, etc. 4. Islamic sects. I. Judul.
340.59

ISBN 983-2950-23-6

Kandungan

Penghargaan . . . vii

Senarai Singkatan . . . ix

Jadual Transliterasi . . . xi

Pendahuluan . . . xv

BAB 1 ALIRAN *AL-ḤADĪTH* DAN *AL-RA'Y*

Pendahuluan . . . 17

Kemunculan Aliran *al-Ḥadīth* dan *al-Ra'y* . . . 21

Aliran *al-Ḥadīth* . . . 23

Definisi Hadis dan *Ahl al-Ḥadīth* . . . 23

Tokoh-Tokoh Aliran *al-Ḥadīth* . . . 25

Aliran *al-Ra'y* . . . 30

Definisi *al-Ra'y* dan *Ahl al-Ra'y* . . . 30

Pendapat Ulama Tentang *al-Ra'y* . . . 32

Tokoh-Tokoh Aliran *al-Ra'y* . . . 34

Kesimpulan . . . 37

BAB 2 METODE ALIRAN *AL-ḤADĪTH* DAN ALIRAN *AL-RA'Y*

Pendahuluan . . . 43

Aliran *al-Ḥadīth* . . . 45

Sebab-Sebab Berkembangnya Aliran *al-Ḥadīth* . . . 46

Metode Fuqaha *al-Ḥadīth* dalam Istinbat Hukum . . . 48

Aliran *al-Ra'y* . . . 54

Sebab-Sebab Berkembangnya Aliran *al-Ra'y* . . . 55

Metode Fuqaha *al-Ra'y* dalam Istinbat Hukum . . . 56

Contoh-Contoh Pertentangan Pendapat antara Aliran
al-Ḥadīth dan *al-Ra'y* . . . 60

Asas Perbezaan antara Aliran *al-Ḥadīth* dan
Aliran *al-Ra'y* . . . 65

Kesimpulan . . . 67

BAB 3 PENGARUH ALIRAN *AL-HADĪTH* DAN *AL-RA'Y*
TERHADAP IMAM-IMAM MAZHAB

Pendahuluan . . . 75

Imam Abu Hanifah . . . 77

Pengaruh Aliran *al-Ra'y* Terhadap Imam
Abū Hanifah . . . 70

Pengaruh Latar Belakang Hidup (Tempat dan
Suasana) . . . 80

Pengaruh Guru . . . 81

Metode Imam Abu Hanifah dalam Istiḥbat
Hukum . . . 82

Imam Malik bin Anas . . . 84

Pengaruh Aliran *al-Ḥadīth* Terhadap Imam Malik . . . 86

Pengaruh Latar Belakang Hidup (Tempat dan
Suasana) . . . 87

Pengaruh Sabda Rasulullah SAW . . . 87

Pengaruh Guru . . . 88

Metode Imam Malik dalam Istiḥbat Hukum . . . 90

Imam al-Shafi'i . . . 92

Pengaruh Aliran *al-Ḥadīth* dan Aliran *al-Ra'y*
Terhadap Imam Shafi'i . . . 93

Pengaruh Aliran *al-Ḥadīth* . . . 94

Pengaruh Aliran *al-Ra'y* . . . 95

Metode Imam Shafi'i dalam Istiḥbat Hukum . . . 97

Imam Ahmad bin Hanbal . . . 98

Pengaruh Aliran *al-Ḥadīth* dan Aliran *al-Ra'y*
Terhadap Imam Ahmad bin Hanbal . . . 101

Pengaruh Aliran *al-Ḥadīth* . . . 102

Pengaruh Aliran *al-Ra'y* . . . 103

Metode Imam Ahmad bin Hanbal dalam Istiḥbat
Hukum . . . 104

BAB 4 PENUTUP . . . 113

Rujukan . . . 121

Indeks . . . 127

Penghargaan

Alhamdulillah puji-pujian hanya untuk Allah SWT dengan taufik dan inayahnya dapat penulis menghirup udara yang nyaman sebagai seorang mukmin.

Dalam menyempurnakan buku ini, penulis merakamkan selaut penghargaan kepada Dr. Amir Husin Mohd Nor yang banyak memberi panduan, nasihat dan teguran untuk menyiapkan buku ini. Semoga Allah membalas dengan kebaikan berlipat ganda kepada beliau.

Penghargaan khusus kepada isteri tercinta Nor Sakinah, anakanda Itmi'nan, ayahanda Mohd Subri, bonda Kalthom, adinda-adinda, Mohd Syifaa', Mohd Dzaidin, Nur Masyitah dan Nur Rabiatul Adawiyah atas sokongan moral dan material yang tidak ternilai.

Tidak lupa budi dan usaha Ustaz Yusuf bin Man dan isterinya Mak Njang Fauziah dalam mendidik penulis hingga tercapai cita-cita untuk melahirkan imam Shafi'i kedua.

Akhir bicara, sekali lagi terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dalam memberi bantuan dan sumbangan dalam masa penulis menyiapkan buku ini. Wassalam.

Senarai Singkatan

A.S	°Alayh al-Salām
bil.	Bilangan
ed.	Edisi
H	Hijrah
M	Masihi
mrj°	Murāja°ah
jil.	Jilid
pnyt.	Penyunting
ptrj.	Penterjemah
R.A	Raḍiya Allah °anhu / °anhā / °anhum
SAW	Salla Allāh °alayh wa sallam
SWT	Ṣubhānahu wa Ta°ālā
t.pt	Tanpa penerbit
t.th	Tanpa tahun
t.tp	Tanpa tempat
terj.	Terjemahan
thq.	Taḥqīq
tlq.	Ta°līq

Jadual Transliterasi

1. Huruf

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا	‘	فَار	fa`r
ب	b	بُرْد	burd
ت	t	تَلَّ	tall
ث	th	ثَوْب	thawb
ج	j	جِدَار	jidār
ح	h	حَلِيب	ḥalīb
خ	kh	خَادِم	khādim
د	d	دِيك	dīk
ذ	dh	ذَهَب	dhahab
ر	r	رَفِيق	rafiq
ز	z	زَمِيل	zamīl
س	s	سَلَام	salām
ش	sh	شَعْب	sha`b
ص	s	صَخْر	ṣakhr
ض	d	ضَيْق	ḍayq
ط	t	طَالِب	ṭālib
ظ	z	ظَالِم	ẓālim
ع	‘	عَقْل	‘aql
غ	gh	غُلَام	ghulām
ف	f	فِيل	fil
ق	q	قَلْب	qalb
ك	k	كَلَام	kalām
ل	l	لُبَّ	lubb
م	m	مَال	māl
ن	n	نَجْم	najm
ه	h	هَوَل	hawl
و	w	وَرَق	waraq
ي	y	يَمَّ	yamm

2. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا	a	كَتَبَ	kataba
ي	i	عَلِمَ	‘alima
و	u	غَلِبَ	ghuliba

3. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
اِي	a	عَالِمٌ فَتَى	‘alim, fata
يِي	i	عَالِمٌ دَاعِي	‘alim, da‘i
وِي	u	عَالِمٌ أَدْعُو	‘ulum, ad‘u

4. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
اُو	aw	نَوْمٌ	nawm
اَي	ay	لَيْلٌ	layl
اَيِي	iy	شَافِعِيّ	shafi‘iy (di akhir)
اُوِي	uw	عُلُوٌّ	‘uluw (di akhir)

5. Pengecualian

- 5.1 Huruf ء (hamzah) yang terletak pada awal perkataan arab ditransliterasikan kepada huruf “a”, bukannya ‘.

Contoh	Transliterasi
أَكْبَرُ	akbar (bukannya ‘akbar)

- 5.2 Huruf ة (ta’ marbutah) dalam perkataan yang tiada ال (al) dan disandarkan kepada perkataan lain yang mempunyai ال (al) pada permulaan perkataan itu, ditransliterasikan kepada huruf “t”.

Contoh

Transliterasi

مَكْتَبَةُ الْإِمَامِ

maktabat al-imam

Sekiranya huruf ة (ta' marbutah) dalam satu perkataan yang mempunyai ال (al) atau dalam perkataan akhir dalam satu ayat, ia ditransliterasikan kepada huruf "h".

Contoh

Transliterasi

1. المكتبة الأهلية al-maktabah al-ahliyyah
2. قلعة qal^{ah}
3. دار وهبة dār wahbah

Pendahuluan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله العلي القدير والصلاة والسلام على رسوله البشير النذير وعلى آله وصحبه الذين آمنوا ولم يرتابوا ولو متقال الشعير وعلى من نهج نهجهم من المؤمنين إلى يوم الأخير ، أما بعد:

Alhamdulillah puji-pujian hanya untuk Allah SWT dengan taufik dan inayahnya dapat penulis menghirup udara yang nyaman sebagai seorang mukmin.

Evolusi fiqh Islam adalah satu perkara yang unik. Apa yang berlaku sejak daripada zaman Nabi Muhammad SAW, zaman para sahabat R.A, zaman tabiin dan zaman tabi tabiin merupakan bukti yang kukuh kepada kita tentang perkara tersebut.

Dari segi sejarahnya, pada zaman permulaan iaitu pada zaman Rasulullah SAW, hanya baginda seorang sahaja yang mempunyai kuasa untuk memutuskan sebarang hukum kepada umat Islam. Ijtihad ketika itu boleh dikatakan hampir tidak ada, lantaran para sahabat R.A masih boleh merujuk kepada Nabi SAW dalam masalah-masalah mereka. Hanya setelah para sahabat R.A terpaksa berjauhan daripada Rasulullah SAW, maka ijtihad mula berkembang dan selalunya apabila mereka pulang semula ke Madinah, mereka akan menceritakan tentang ijtihad mereka kepada Rasulullah SAW. Baginda akan mengakuinya sekiranya ia betul dan akan menjelaskan perkara yang sebenarnya sekiranya ia salah.

Pada zaman sahabat R.A selepas kewafatan Rasulullah SAW, apabila berlaku permasalahan di kalangan mereka, maka para ulama sahabat akan merujuk kepada isi kandungan al-Quran. Sekiranya mereka tidak mendapati hukum dalamnya, mereka akan mencari dalam al-Sunnah. Sekiranya mereka tidak mendapati hukum dalamnya, mereka akan berijtihad berdasarkan apa yang mereka faham daripada kehendak-kehendak syarak.

Pada zaman ini sudah ada beberapa aliran pemikiran atau metode yang digunakan oleh para ulama sahabat dalam memutuskan hukum. Ini dapat dilihat melalui pendapat-pendapat yang dikeluarkan oleh mereka. Ia disebabkan berlakunya beberapa perkara baru yang tidak pernah

berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Para ulama di kalangan sahabat sendiri pun tidak semuanya sehaluan dalam mengeluarkan pendapat-pendapat tentang masalah yang berlaku di kalangan mereka.

Zaman tabi'in tidak banyak berbeza dengan zaman sahabat R.A kerana dua zaman ini berdekatan, tambahan pula kebanyakan ulama tabi'in merupakan anak murid kepada sahabat R.A. Metode mereka dalam istinbat hukum adalah sama dengan metode para sahabat R.A dan mereka juga berpandukan kepada fatwa ulama-ulama sahabat. Dengan berkembang pesat kuasa Islam ke serata tempat pada zaman ini, kita dapat melihat kelahiran dua aliran iaitu aliran ahlu Madinah dan aliran ahlu Iraq yang turut merencanakan perkembangan ilmu fiqh.

Aliran ahlu Madinah atau *ahl-al-ḥadīth* dilihat lebih cenderung kepada penggunaan sunnah dalam istinbat mereka dan amat jarang sekali mereka menggunakan akal dalam ijtihad serta mereka tidak gemar untuk membincangkan masalah-masalah fiqh andaian. Manakala aliran ahlu Iraq atau *ahl al-ra'y* lebih cenderung untuk menggunakan akal (qiyas) dalam istinbat hukum dan dilihat agak tegas dalam penerimaan hadis sebagai hujah dalam istinbat mereka. Ini kerana tempat mereka begitu jauh dengan Madinah, jadi mereka berhati-hati dalam penerimaan sebarang hadis yang datang kepada mereka. Mereka juga sering memperkatakan tentang masalah-masalah fiqh andaian sehingga mereka digelar sebagai fuqaha andaian.

Perkara menarik yang dapat dilihat dari tiga zaman di atas ialah walaupun kaedah-kaedah penghasilan hukum atau yang dikenali sebagai Usul al-Fiqh belum lagi dibuat atau dibukukan, tetapi para ulama pada zaman-zaman itu mampu memutuskan hukum bersesuaian dengan ruh syarak. Keistimewaan itu lahir dari bakat dan kebolehan mereka dalam memahami nas-nas al-Quran dan al-Sunnah dengan hati yang suci dan tulus.

Penyusunan dan pembukuan kaedah-kaedah penghasilan hukum itu mula dilakukan pada zaman tabi'in atau lebih dikenali zaman imam-imam mujtahidin. Ini disebabkan perubahan besar telah berlaku dalam kehidupan umat Islam pada zaman itu. Banyak perkara-perkara baru yang muncul dalam kehidupan umat Islam, menyebabkan perlunya lebih banyak ijtihad yang perlu dibuat. Ini memaksa imam-imam mujtahidin membuat beberapa kaedah tertentu untuk memudahkan mereka dalam menghasilkan hukum. Dengan itu lahirlah satu ilmu yang diberi nama Usul al-Fiqh.

BAB 1

Aliran al-Hadīth dan al-Ra'y

Keagungan fiqh Islam yang dibangga-banggakan oleh umat Islam mempunyai sejarahnya tersendiri. Ia bermula dengan perutusan Nabi akhir zaman, iaitu Nabi Muhammad SAW. Selaku seorang manusia yang diutuskan untuk menjadi Rasul, baginda telah diperintahkan untuk menyampaikan ajaran Islam yang terdiri dari akidah, syariat dan akhlak kepada umat manusia keseluruhannya. Segala perintah dan larangan dalam agama Islam telah diturunkan oleh Allah SWT kepada baginda melalui perantaraan Malaikat Jibril A.S selaku pembawa wahyu.

Sumber tashrik pada zaman Rasulullah SAW hanyalah dua iaitu al-Quran al-Karim dan al-Sunnah. Umat Islam tidak berhajat kepada sumber tashrik yang lain pada zaman ini, kerana Rasulullah sahaja yang memberi fatwa dan menerangkan hukum-hakam agama kepada mereka.¹ Rasulullah dianggap mempunyai kuasa mutlak dalam memutuskan sebarang keputusan berdasarkan wahyu Allah. Manakala orang lain tidak mempunyai hak untuk berbuat demikian.

Apabila turun ayat al-Quran, Rasulullah SAW tidak perlu bersusah payah berijtihad untuk memahami kandungan ayat tersebut dan melaksanakannya. Ini disebabkan kemampuan Rasulullah dalam memahami makna dan uslub ayat itu yang dianugerahkan oleh Allah kepada baginda.

Sekiranya wahyu tidak diturunkan, Rasulullah akan berijtihad untuk mendapatkan hukum. Lebih-lebih lagi jika keadaan memerlukan hukuman segera. Segala ijtihad Rasulullah SAW tetap mendapat perhatian Allah. Allah merestui ijtihad yang betul dan segera menegur jika ia tidak tepat.²

Pada permulaannya, setiap hukum diputuskan oleh Rasulullah SAW melalui wahyu atau ijtihadnya dan orang lain tidak boleh campur tangan. Umat Islam tidak berijtihad untuk mengetahui hukum kerana mereka masih boleh merujuk kepada baginda untuk

bertanyakan masalah-masalah mereka. Hanya setelah keadaan terlalu mendesak untuk mereka berijtihad sendiri atau mereka terpaksa berjauhan daripada Rasulullah SAW, barulah ijtihad dilihat berkembang.

Ijtihad para sahabat itu adakalanya dilakukan di hadapan Nabi dan adakalanya pada masa ketiadaannya. Ada di kalangan mereka yang berijtihad dengan keizinannya dan ada pula tanpa keizinannya.³ Walau bagaimanapun, para sahabat akan merujuk semua ijtihad mereka kepada Rasulullah. Baginda akan merestui ijtihad mereka sekiranya ia menepati kehendak syarak dan memperbetulkannya sekiranya ia salah dengan menjelaskan cara atau perkara yang sebenarnya.⁴

Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, perkembangan fiqh bertambah pesat. Badran Abu al-Aynayn menyatakan bahawa perkembangan fiqh ini adalah perlu kerana pada zaman Rasulullah SAW, baginda hanya hidup di Semenanjung Tanah Arab yang menyaksikan adat dan cara hidup orang-orang Arab hampir sama dan tidak banyak berbeza. Jadi permasalahan yang timbul tidak begitu banyak.

Pada zaman sahabat R.A, berlaku pembukaan kota-kota baru yang memperlihatkan tamadun asing bercampur dengan tamadun Arab. Ini menyebabkan timbul isu-isu baru yang tidak pernah terjadi pada zaman sebelumnya dan memerlukan hukum. Jadi hajat dan keperluan menuntut supaya para sahabat lebih kerap berijtihad terhadap masalah-masalah itu. Fiqh pada zaman ini mula mengorak langkah dengan lebih luas lagi.⁵

Walaupun bagaimanapun, para sahabat R.A masih meneruskan tradisi mereka pada zaman Rasulullah SAW dalam mengistinbat sebarang hukum. Mereka akan merujuk al-Quran terlebih dahulu untuk mengetahui hukum. Jikalau tiada hukum dalamnya mereka akan merujuk kepada sunnah Rasulullah SAW. Sekiranya mereka masih tidak menemui hukum melalui sunnah Nabi itu, mereka tidak hanya berpeluk tubuh tanpa berbuat sesuatu. Untuk mengatasi masalah yang ketiadaan nas ini, mereka akan berijtihad secara jamaah sebolehnya dengan menggunakan fikiran (*al-ra'y*) mereka untuk mendapatkan hukum. Begitulah metode yang digunakan para sahabat R.A dalam mengistinbat hukum.

Sumber tashrik (perundangan) asas pada zaman ini ialah al-Quran dan al-Sunnah. Di samping itu, para sahabat kerap mengadakan perbincangan antara mereka serta menggunakan ijmak dan qiyas ketika ketiadaan nas. Bertitik tolak daripada inilah, ijmak dan qiyas juga menjadi sumber hukum pada zaman sahabat. Dengan demikian, sumber hukum yang diiktiraf dan diterima pakai ialah al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas.⁶

Namun tidak semua para sahabat bersepakat dalam semua hal. Terdapat perbezaan dalam memahami pengertian beberapa ayat al-Quran di kalangan mereka. Perbezaan kefahaman ini membawa kepada berbezanya dari segi amalan mereka dengan ayat-ayat itu. Perbezaan ini disebabkan oleh perbezaan persediaan masing-masing dan perbezaan cara berfikir.⁷

Ada di antara para sahabat yang sangat berhati-hati untuk meriwayatkan hadis daripada Rasulullah, tetapi sebaliknya tidak segan-segan memberikan pendapatnya sendiri secara ijtihad. Mereka ini merasa sensitif dan takut kalau-kalau apa yang mereka riwayatkan itu tidak tepat lalu mereka tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang disifatkan sebagai berdusta terhadap Nabi.

Terdapat juga daripada kalangan para sahabat mereka yang bersikap berhati-hati dalam melakukan ijtihad. Mereka tidak akan melakukan amalan itu kecuali dalam ruang lingkup yang sempit dan dalam keadaan-keadaan yang terpaksa.⁸ Mereka ini lebih mengutamakan riwayat hadis sekiranya ada. Bertitik tolak daripada sikap para sahabat inilah, ia menjadi faktor kepada kemunculan aliran *al-hadīth* dan aliran *al-ra'y*.

Walaupun ijtihad fiqh mula berkembang dan berbilangnya sumber-sumber hukum pada zaman ini, tetapi ia hanya berlaku kepada perkara-perkara yang benar-benar terjadi sahaja.⁹ Manakala permasalahan-permasalahan andaian¹⁰ (*fiqh taqdīriyy*) tidak pula diperbincangkan oleh para sahabat R.A untuk diketahui hukumnya.¹¹

Selepas kewafatan empat Khulafa' Rashidin, pada tahun 41H bermulalah era zaman sahabat biasa¹² dan tabiin di mana fiqh pada zaman ini tidak banyak bezanya dengan zaman sebelumnya. Mereka masih mengikut metode yang digunakan oleh para sahabat dalam fiqh sebelum ini. Ini kerana mereka menerima pendidikan fiqh daripada guru-guru yang terdiri daripada para sahabat R.A yang

agung, jadi metode istinbat hukum mereka adalah sama. Al-Quran, Sunnah, ijmak dan qiyas merupakan rujukan utama mereka.¹³ Di samping itu juga, mereka juga mengambil kira pendapat atau keputusan-keputusan yang dibuat oleh sahabat R.A.

Zaman ini adalah kesinambungan daripada zaman Khulafa' Rashidin R.A dari segi *sultat al-tashrī'iyah* (kuasa penggubalan), metode istinbat hukum dan juga sumber-sumber hukumnya .

Namun, dasar syura pada zaman ini tidak lagi diamalkan sepenuhnya. Sebab itulah cara istinbat hukum pada zaman ini banyak dilakukan oleh orang perseorangan dan tidak secara jamaah¹⁴ seperti sebelum ini.¹⁵ Jadi dengan banyaknya orang yang berijtihad sudah pasti berlaku banyak perselisihan pendapat yang tidak dapat dielakkan.

Zaman ini yang dikenali dengan banyaknya perselisihan pendapat di kalangan fuqahnya mempunyai sebab-sebab tertentu yang mendorong kepada perselisihan itu, antaranya ialah:

- i. Perselisihan orang Islam di dalam perkara melantik kepimpinan (*khilāfah*), siapakah yang layak untuk memegang jawatan itu yang menyebabkan mereka terpecah kepada tiga kumpulan besar iaitu Syiah, Khawarij dan Ahlu al-Sunnah Wa al-Jamaah. Setiap kumpulan mempunyai pengaruh dan kekuatan tersendiri dan masing-masing ingin mempertahankan pendapatnya.
- ii. Bertebaranannya para ulama di serata tempat di kota-kota tertentu dan mereka tidak lagi tinggal sekelompok seperti dahulu.
- iii. Wujudnya dua aliran fiqh ketika itu. Yang pertama lebih menumpukan pengamalan dengan hadis dan ia lebih dikenali sebagai *ahl al-ḥadīth*. Yang kedua pula lebih menggunakan qiyas dalam pemahaman nas dan ia dikenali sebagai *ahl al-ra'y*.
- iv. Banyak periwayatan hadis pada zaman ini kerana keperluan yang mendesak.
- v. Timbul golongan yang memalsukan hadis dengan mengambil peluang ketika orang Islam mula menerima riwayat hadis. Mereka melakukan penipuan tentang hadis dengan menurut hawa nafsu mereka dan mereka-reka percakapan dalam bentuk hadis.

- vi. Timbul golongan hamba yang mendalami ilmu agama. Orang Islam yang merdeka terpaksa menghormati golongan hamba ini dengan mempelajari dan meminta fatwa daripada mereka walaupun orang-orang yang merdeka ini terkenal dengan sifat ketaksuban taraf ketika itu.¹⁶

Faktor-faktor di atas, walaupun ia adalah antara sebab kepada perselisihan pendapat antara ulama-ulama, namun sebenarnya ia lebih merancakkan perkembangan fiqh di kalangan umat Islam.

Kemunculan Aliran *al-Ḥadīth* dan *al-Ra'y*

Kemunculan aliran *al-ḥadīth* dan *al-ra'y* berlaku pada zaman sahabat R.A di mana ia bermula dengan wujudnya dua aliran dalam ijtihad. Aliran pertama beranggapan bahawa hukum-hukum ini ada alasan-alasan tertentu dan seluruh hukum disyariatkan untuk menjamin kepentingan hamba Allah (*maṣāliḥ al-'ibād*). Kepentingan itu pula berubah mengikut perubahan masa dan tempat, maka tidak hairanlah kalau hukum syarak berubah kerana perubahan kepentingan.¹⁷

Aliran ini menyelami secara mendalam untuk mengetahui *aghrād (maqāsid) al-sharī'ah* (objektif-objektif syarak) tanpa bersandarkan kepada zahir nas semata-mata. Pendukung aliran ini dikenali sebagai *ahl al-ra'y*. Ia didokong oleh sekumpulan sahabat yang diketuai oleh Umar bin al-Khattab dan Abdullah bin Mas'ud.¹⁸

Aliran kedua agak konservatif¹⁹, ia hanya tertumpu kepada melaksanakan kehendak-kehendak nas dan tidak terkeluar daripada lingkungan nas kecuali terpaksa. Aliran ini amat berhati-hati kerana takut tergelincir dari landasan nas. Pendokong aliran ini dikenali sebagai *ahl al-ḥadīth* dan diketuai oleh Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Umar dan Zayd bin Thabit.

Oleh kerana sahabat-sahabat ini tinggal di daerah tertentu untuk menyebarkan ilmu pengetahuan Islam maka penduduk negeri itu terpengaruh dengan cara dan ilmu fiqh mereka. Penduduk-penduduk Madinah mengambil ilmu daripada Zayd bin Thabit, Abdullah bin Abbas dan Abdullah bin Umar. Di Iraq, pula mereka mempelajari daripada Abdullah bin Mas'ud dan rakan-rakannya.²⁰ Ilmu pengetahuan Islam terpancar daripada sahabat-sahabat tersebut.

Pada asasnya kedua-dua aliran ini sebenarnya telahpun wujud dalam diri para sahabat R.A sejak pada zaman Rasulullah SAW lagi. Bukti jelas yang dapat kita lihat ialah daripada peristiwa peperangan Bani Qurayzah, ketika Rasulullah memerintahkan umat Islam supaya bergegas ke Bani Qurayzah dan baginda bersabda:

لا يصلين أحد العصر إلا في بني قريظة، فأدرك بعضهم العصر في الطريق، فقال بعضهم لا نصلي حتى نأتيها، وقال بعضهم بل نصلي لم يرد منا ذلك، فذكر للنبي صلى الله عليه وسلم فلم يعنف واحدا منهم²¹

Maksudnya: “Jangan seorang pun bersembahyang asar melainkan di perkampungan Bani Qurayzah. Lalu sebahagian daripada mereka mendapati bahawa waktu asar telah masuk ketika di pertengahan jalan. Sebahagian mereka berkata, “kita tidak akan bersembahyang asar hinggalah kita sampai di sana”. Sebahagian lagi berkata, “kita bersembahyang sahaja di sini kerana Nabi tidak menghendaki yang demikian itu daripada kita”. Lalu perkara ini disebut kepada Nabi SAW tetapi baginda tidak mencela (menyalahkan) seorang pun daripada mereka”.

Sebahagian daripada tentera muslimin yang memahami perintah Rasulullah secara zahir, mereka tidak menunaikan sembahyang asar sehinggalah mereka sampai ke Bani Qurayzah walaupun waktu asar telah luput. Manakala sebahagian lagi memahami perintah itu dari segi maknanya yang tersirat iaitu berdasarkan fikiran (*al-ra'y*) dan ijtihad mereka, beranggapan bahawa maksud daripada perintah itu ialah gesaan supaya bergegas ke tempat tersebut dan mereka mengambil pendirian untuk menunaikan sembahyang asar terlebih dahulu di pertengahan jalan supaya perjalanan lebih cepat, walaupun pada zahirnya perbuatan mereka menyalahi perintah Rasulullah SAW.²² Apabila Rasulullah SAW diberitahu perkara ini, baginda tidak menyalahkan mana-mana pihak kerana ia adalah hasil dari ijtihad masing-masing.

Satu perkara yang perlu diberi perhatian iaitu *manhaj al-hadith* dan *manhaj al-ra'y*; kadang-kadang disebut oleh sesetengah penulis sebagai “*madrasat al-hadith*” dan “*madrasat al-ra'y*” dalam tulisan mereka. Bukanlah maksud madrasah di sini, ia berbentuk bangunan

khusus atau tempat yang disediakan untuk belajar (sekolah), tetapi yang dimaksudkan dengan madrasah di sini ialah komited para fuqaha dengan satu metode yang disukainya sekalipun masjid secara umumnya menjadi tempat perhimpunan ulama dan di situ halaqah-halaqah pengajian diadakan.²³

Aliran al-Hadīth

Untuk mengetahui aliran *al-hadīth* dengan mendalam, adalah wajar untuk memahami definisi hadis terlebih dahulu, seterusnya memahami pula siapakah yang dimaksudkan dengan *ahl al-hadīth*.

Definisi Hadis dan ahl al-Hadīth

Al-hadīth pada bahasa, membawa beberapa makna, antaranya ialah:

- i. *Al-khabar qalīluhu wa kathīruhu*: iaitu berita sama ada sedikit ataupun banyak. Kata jamaknya ialah *ahādith*.²⁴
- ii. *Kullu mā yutahaddath bihi min kalām wa khabar*: iaitu setiap apa yang dicakapkan daripada percakapan dan berita.²⁵
- iii. *Hadīth* (baharu) lawannya ialah *qadīm* (kekal abadi).²⁶

Hadis mengikut istilah ahli-ahli usul ialah segala perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasulullah SAW. Daripada takrif yang tersebut di atas dapat difahami bahawa yang dikatakan hadis ialah mengandungi 3 perkara yang tersebut yang didapati daripada Rasulullah SAW, tetapi sesetengah ulama pula menambah dengan “sifat” menjadikan semuanya empat perkara iaitu perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat Rasulullah SAW.

Sebab-sebab dinamakan hadis menurut al-Zamakhshari kerana perawinya ketika meriwayatkan hadis berkata, “*haddathani*” (diceritakan) kepada aku bahawa Nabi bersabda...”. Manakala menurut pendapat al-Qurmani, dinamakan sesuatu yang lahir daripada Rasulullah SAW itu hadis kerana dilihat dari segi kebaruannya dan kerana dilihat perimbangannya dengan al-Quran al-Karim itu qadim (azali) dan hadis itu baharu (*hadīth* bukannya *qadīm*).²⁷

Untuk menjadikan sesebuah hadis itu diterima, ia hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Bersambung sanad semua perawinya daripada awal sanad hingga ke akhirnya.
- ii. Semua perawi hendaklah mempunyai sifat adil.
- iii. Semua perawi hendaklah mempunyai sifat *mundabit* (tepat penghafalan).
- iv. Tidak ada kepelikan pada hadis itu. Yang dimaksudkan di sini ialah walaupun perawi itu bersifat adil dan tepat, dia hendaklah tidak disanggah oleh mana-mana perawi lain yang lebih dipercayai atau riwayatnya tidak menyalahi riwayat ramai perawi yang diterima. Sekiranya berlaku penyanggahan atau pertembungan maka hadis itu dianggap lemah dan pelik.
- v. Tidak ada aib yang mencatitkan hadis itu, iaitu aib tersembunyi yang pada zahirnya hadis itu kelihatan selamat daripada cacat cela. Tetapi setelah diperhatikan dengan teliti, didapati ada aib. Contohnya, satu hadis yang diriwayatkan melalui satu riwayat secara *marfū*²⁸ terus kepada Nabi SAW pada satu ketika, dan pada ketika yang lain ia diriwayatkan secara *mawqūf*²⁹ terhenti kepada salah seorang sahabat. Dengan sebab ini, riwayat *mawqūf* tidak diterima jika hendak dinisbahkan dengan riwayat yang *marfū*³⁰.

Manakala yang dimaksudkan dengan *ahl al-ḥadīth* pula ialah *al-muḥaddithūn*.³¹ Maksud *al-muḥaddithūn* ialah orang-orang yang pakar dalam bidang hadis dan ilmunya. Sebab itulah Saad Fahmi menakalkan pendapat Tahir al-Jaza'iri bahawa *al-muḥaddith* ialah orang yang pakar tentang hadis dari segi *riwāyah*³² dan *dirāyah*³³. Beliau juga menakalkan pendapat Fath al-Din bin Sayyid al-Nas yang juga berpendapat sedemikian dan Fath al-Din menambah, *al-muḥaddith* juga menghimpun riwayat-riwayat hadis dan meneliti serta memerhati tentang perawi-perawi dan riwayat-riwayat pada zamannya.³⁴

Tetapi makna *ahl al-ḥadīth* pada ulama fiqh dan yang dimaksudkan di dalam perbahasan ini ialah golongan ulama fiqh yang cenderung kepada berpegang dengan nas-nas sahaja dalam istinbat mereka. Sekiranya ketiadaan nas dalam satu-satu masalah mereka tidak akan mengeluarkan fatwa dan hukum.³⁵ Golongan

ulama ini dikenali sebagai fuqaha *al-hadīth* dan aliran ini berpusat di Hijaz.

Tidak hairanlah aliran ini berkembang di Hijaz khususnya Madinah kerana ia adalah tempat hijrah Rasulullah SAW dan juga tempat turunnya wahyu serta penggubalan Tashrik. Di situlah terhimpunnya hadis-hadis (sunnah) Rasulullah SAW yang lahir dari mulut baginda. Begitu juga para Khulafa' Rashidin membuat keputusan, sebahagian besar daripada kepimpinan mereka dengan berpandukan sunnah baginda yang menjadi pelengkap kepada al-Quran.³⁶

Fuqaha *al-hadīth* juga dikenali sebagai golongan yang realistik dalam hukum, iaitu mereka hanya membincangkan permasalahan-permasalahan yang berlaku sahaja. Manakala masalah-masalah yang tidak atau belum berlaku, mereka seboleh-bolehnya ingin menjauhi diri daripada membincangkannya kerana bimbang akan menggunakan fikiran yang tidak menepati kehendak syarak. Sebab itulah aliran ini lebih yakin menggunakan nas-nas hadis dalam istinbat mereka. Mereka akan mendiamkan diri daripada mengeluarkan fatwa apabila mereka tidak mendapati hukum melalui nas.

Tokoh-tokoh Aliran *al-Hadīth*

Ulama-ulama sahabat R.A yang memberi fatwa lebih dari 130 orang termasuk lelaki dan perempuan. Antara yang paling ramai memberi fatwa ialah Umar bin al-Khattab, Ali bin Abu Talib, Abdullah bin Mas'ud, A'ishah Ummu al-Mu'minin, Zayd bin Thabit, Abdullah bin Abbas dan Abdullah bin Umar.

Yang pertengahan dalam memberi fatwa ialah Abu Bakar al-Siddiq, Ummu Salamah, Uthman bin Affan, Abu Said al-Khudri, Abu Musa al-Ash'ari, Jabir bin Abdullah, Muaz bin Jabal, Abdullah bin Amru bin al-As dan Abdullah bin al-Zubayr.

Manakala yang sedikit memberi fatwa seperti Abu al-Darda', Abu Ubaydah bin al-Jarrah, al-Nu'man bin al-Bashir, Ubayy bin Kaab, Abu Talhah, Abu Zarr, Safiyyah, Hafsa, Ummu Habibah dan lain-lain.

Ini adalah ulama-ulama sahabat yang selalu atau pernah memberi fatwa kepada umat Islam pada zaman itu. Tokoh-tokoh

aliran *al-ḥadīth* daripada golongan sahabat R.A ialah seperti Abdullah bin Umar, Zayd bin Thabit, Abdullah bin Abbas, Ummu al-Mu'minin A'ishah, Abu Hurayrah, al-Zubayr bin al-Awwam, Abdullah bin Amru bin al-As dan lain-lain lagi. Mereka ini seringkali berpegang dengan nas-nas dan tidak mengeluarkan fikiran sendiri kecuali dalam keadaan terdesak.³⁷

Manakala tokoh-tokoh daripada golongan tabiin juga ramai, namun yang masyhurnya ialah:

- i. Said bin al-Musayyib al-Makhzumi. Beliau merupakan seorang yang alim dalam bidang fiqh dan fatwa. Disebabkan beliau memahami secara mendalam dalam bidang tersebut menyebabkan beliau sering mengeluarkan fatwa pada saat orang lain (*fuqaha al-ḥadīth*) agak ketakutan dalam mengeluarkan fatwa hinggalah beliau digelar Said al-Jari' (yang berani). Salah seorang daripada guru Imam Malik iaitu Yahya bin Said pernah belajar dengannya. Beliau wafat tahun 94H.
- ii. Urwah bin al-Zubayr bin al-Awwam al-Asadi, anak kepada Asma' binti Abu Bakar dan cucu kepada Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq. Beliau amat alim dalam bidang hadis di samping ilmu fiqh kerana beliau mampu mengingat semua hadis yang ada pada Ummu al-Mu'minin A'ishah. Antara anak muridnya ialah Ibnu Shihab al-Zuhri iaitu salah seorang dari guru Imam Malik. Ibnu Shihab al-Zuhri pernah menyifatkan gurunya itu umpama lautan dalam bidang hadis yang tidak akan kekeringan jika divedok airnya. Urwah pernah menulis kitab dalam fiqh dan hadis tetapi beliau membakarnya ketika peristiwa peperangan *al-Ḥarrah*³⁸ namun kemudian beliau menyesali tindakannya itu. Beliau wafat tahun 94H.
- iii. Abu Bakar bin Abd al-Rahman bin al-Harith bin Hisham al-Makhzumi. Alim dalam bidang fiqh dan hadis. Seorang yang zuhud dan suka beribadat sehingga beliau digelar sebagai *rāhib Quraysh* (pendeta Quraish). Beliau mengambil hadis daripada Ummu al-Mu'minin A'ishah dan Ummu Salamah. Beliau wafat tahun 94H.
- iv. Al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar. Datuknya iaitu Sayyidina Abu Bakar adalah khalifah pertama selepas Rasulullah SAW. Beliau juga alim dalam bidang fiqh dan hadis.

Beliau belajar dan meriwayatkan hadis daripada emak saudaranya Ummu al-Mu'minin A'ishah dan Abdullah bin Abbas. Anak muridnya Abu al-Zinad (Abdullah bin Zakwan) pernah berkata, "Aku tidak pernah melihat orang yang lebih alim daripadanya (al-Qasim) dan tidak orang yang terlebih tahu tentang hadis daripadanya. Kehebatan al-Qasim terserlah dalam hadis apabila beliau mampu mendatangkan hadis sebelum berbicara dengan al-Quran dalam sesuatu masalah. Abu al-Zinad ialah salah seorang guru Imam Malik. Beliau wafat tahun 106H.

- v. Ubayd Allah bin Abdullah bin Utbah bin Mas'ud al-Huzali. Seorang yang mempunyai jiwa yang lembut dan seorang penyair. Beliau meriwayatkan hadis daripada Ummu al-Mu'minin A'ishah, Abdullah bin Abbas dan Abu Hurayrah. Beliau juga menguasai bidang fiqh dan hadis. Beliau rapat dengan khalifah Umar bin Abd al-Aziz dan sering menasihatinya serta dianggap guru kepada Umar. Beliau wafat tahun 98H.
- vi. Sulayman bin Yasar. Bekas hamba kepada Ummu al-Mu'minin Maymunah binti Harith, kemudiannya dibebaskan. Beliau belajar daripada Zayd bin Thabit, Abdullah bin Umar dan Abu Hurayrah. Disebabkan beliau adalah hamba kepada Ummu al-Mu'minin Maymunah, beliau tidak ketinggalan untuk belajar daripadanya serta daripada Ummu al-Mu'minin A'ishah dan Ummu Salamah. Beliau juga rapat dengan khalifah Umar bin Abd al-Aziz dan menjadi orang kepercayaan. Umar bin Abd al-Aziz pernah melantik Sulayman menjadi pengurus pasar Madinah ketika beliau menjadi gabenor di situ. Walaupun beliau bekas hamba, namun disebabkan ilmu yang dimilikinya, Allah telah mengangkat martabatnya sehingga menjadi seorang ulama yang masyhur di Madinah. Beliau wafat pada tahun 107H.
- vii. Kharijah bin Zayd bin Thabit. Anak kepada seorang sahabat yang agung iaitu Zayd bin Thabit. Tidak hairanlah beliau dididik oleh ayahnya sehingga mampu menguasai ilmu fiqh dan hadis. Beliau lebih menguasai bidang fiqh malah beliau amat pakar di dalam bidang faraid (harta pusaka) dan sering menjadi rujukan orang ramai untuk mengetahui masalah faraid. Seperti

Abu Bakar bin Abd al-Rahman bin al-Harith, beliau juga mengambil jalan uzlah dan beribadat hingga akhir hayatnya. Beliau wafat pada tahun 100H.³⁹

Ketujuh-tujuh ulama tadi dikenali sebagai *fuqahā' al-sab'ah* (tujuh Fuqaha) yang terkenal di Madinah. Mereka menyampaikan ilmu kepada masyarakat yang tinggal di kawasan itu⁴⁰ dan masyarakat mendapat manfaat yang besar daripada ilmu-ilmu mereka.

Selain daripada tujuh ulama tabiin yang masyhur di Madinah, ulama-ulama lain yang dianggap sebagai fuqaha *al-hadīth* ialah Salim bin Abdullah bin Umar (wafat 106H), Abban bin Uthman bin Affan, Abu Salamah bin Abd al-Rahman bin Awf, Ali bin al-Husayn bin Ali bin Abu Talib dan Nafi' hamba kepada Abdullah bin Umar. Selepas itu datang pula ulama seperti Abu Bakar Muhammad bin Amru bin Hazm, dua anaknya iaitu Muhammad dan Abdullah, Abdullah bin Uthman bin Affan, dua orang anak Muhammad bin al-Hanafiyah, Ja'far bin Muhammad bin Ali bin al-Husayn, Abdullah bin al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar al-Siddiq, Muhammad bin Muslim bin Shihab al-Zuhri dan lain-lain.⁴¹

Kemudiannya datang pula seorang ulama yang bernama Malik bin Anas yang dikenali sebagai *Imām Dār al-Hijrah*. Beliau dianggap pendokong kepada aliran *al-hadīth* di mana beliau mempelajari ilmu daripada lima orang ulama yang terkenal iaitu Rabi'ah bin Abu Abd al-Rahman (wafat 136H), Ibnu Shihab al-Zuhri⁴² (wafat 124H), Abu al-Zinad (Abdullah bin Zakwan, wafat 131H), Yahya bin Said al-Ansari (wafat 146H) dan Nafi' hamba kepada Abdullah bin Umar (wafat 117H).

Ulama berlima ini mengambil ilmu daripada *fuqahā' al-sab'ah* dan *fuqahā' al-sab'ah* pula menuntut ilmu daripada para sahabat R.A.⁴³ Gabungan ilmu yang mantap ini menghasilkan satu aliran dalam fiqh iaitu aliran *al-hadīth* yang kemudiannya menjadi pegangan Imam Malik dalam mazhabnya.

Imam Malik berasa lebih yakin dengan apa yang diamalkan oleh fuqaha Madinah. Ia merangkumi fiqh, tashrik dan muamalat (transaksi). Ini kerana pada pendapat beliau, al-Quran yang mengandungi syariat dan kaedah-kaedah Islam turun di Madinah. Penduduknya adalah golongan pertama yang menerima taklif dan

beramal dengannya. Mereka juga mentaati perintah dan suruhan Rasulullah SAW, seterusnya mereka berada di bawah kepemimpinan Khulafa' Rashidin yang mengikuti sunnah baginda SAW. Begitu juga dengan tabi'in yang menuruti jejak langkah para sahabat R.A. Sudah tentu penduduk Madinah lebih memahami suasana yang berlaku dan lebih diyakini berbanding orang yang tidak pernah merasai suasana itu.⁴⁴

Imam Malik dianggap imam di kalangan *al-muḥaddithūn* dan orang yang pertama membukukan hadis menerusi kitabnya *al-Muwatṭā'*. Kitab itu merangkumi hadis dan fiqh yang menghimpunkan antara kesempurnaan agama dan meraikan kepentingan manusia (*maṣāliḥ al-nās*) serta mampu menyusun kehidupan mereka.⁴⁵

Al-Ak telah menakalkan pendapat Syeikh al-Syah Waliyyullah al-Dahlawi dalam kitab *al-Musaffa*:

ومن اليقين أنه ليس بيد أحد اليوم كتاب من كتب الفقه أقوى من الموطأ لأن فضل الكتاب إما يكون باعتبار المؤلف أو من جهة التزام الصحة أو باعتبار الشهرة أو من جهة القبول أو باعتبار حسن الترتيب واستيعاب المقاصد ونحو ذلك وكل ذلك يوجد في الموطأ

Maksudnya: “*Sesungguhnya kita berasa yakin bahawa tidak ada kitab fiqh yang amat baik selain daripada kitab al-Muwatṭā'* berdasarkan kelebihan dari segi pengarangnya sendiri atau pengarangnya berkomited dengan hadis-hadis sahih atau masyhur atau penerimaan orang ramai terhadap kitab itu atau susunannya yang baik serta meliputi semua maksud yang dikehendaki. Semuanya ada di dalam kitab al-Muwatṭā'”⁴⁶.

Walaupun begitu terdapat juga di kalangan fuqaha *al-ḥadīth* yang tidak takut mengeluarkan fatwa seperti Said bin al-Musayyib dan al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar daripada *fuqahā' al-sab'ah*. Sebab itulah ada di antara guru imam Malik yang berfatwa berdasarkan fikirannya seperti Rabi'ah bin Abu Abd al-Rahman dan Yahya bin Sa'id.⁴⁷ Jikalau dilihat biodata *fuqahā' al-sab'ah*, kita mendapati kesemuanya menguasai bidang fiqh di samping ilmu hadis. Ini bererti tidak semua fuqaha *al-ḥadīth* menolak penggunaan akal dalam istinbat mereka tetapi dalam ruang lingkup yang terbatas dan tidak meluas.

Aliran *al-Ra'y*

Sebelum melangkah lebih jauh lagi, adalah lebih baik sekiranya kita mengetahui makna *al-ra'y* dan juga siapakah yang dimaksudkan dengan *ahl al-ra'y*.

Definisi *al-Ra'y* dan *Ahl al-Ra'y*

Perkataan *al-ra'y* berasal dari kalimah *ra'ā yarā ra'yan wa rukyatan wa rā'atan wa rikyānan*. Kata jamaknya ialah *arā'* dan *ar'ā'*.⁴⁸ Daripada segi bahasa, ia membawa beberapa maksud, antaranya ialah:

- i. *Al-ru'yah: al-naẓar bi al-ʿayn wa bi al-qalb*: iaitu memandang dengan mata dan dengan hati.⁴⁹
- ii. *Ra'ā ra'yan: i'taqada bi al-ʿaql*: iaitu iktikad dengan akal.⁵⁰
- iii. *Al-ru'yah: al-muʿāyanah (al-musyāhadah), al-naẓar, al-i'tibar*: iaitu meneliti dan iktibar.⁵¹
- iv. *Al-ra'y: al-ʿaql wa al-tadbīr*: iaitu akal dan tadbir. Contohnya lelaki itu bagus ra'yunya, iaitu elok tadbirnya.⁵²
- v. *Al-ra'y: al-hukm*, iaitu hukum. Contohnya, jangan kamu mengeluarkan *al-ra'y* sebelum mengkajinya, iaitu hukum.⁵³

Al-Ra'y daripada segi istilah pula seperti yang ditakrifkan oleh Ibnu Qayyim al-Jawziyyah:

ما يراه القلب بعد فكر وتأمل وطلب لمعرفة وجه الصواب مما تتعارض فيه الأمارات

Maksudnya: *Apa yang diputuskan oleh hati selepas penelitian dan pengkajian untuk mencapai kebenaran melalui tanda-tanda atau bukti yang berlainan.*⁵⁴

Namun apabila diperhatikan pendapat-pendapat Usuliyyun, kita dapati mereka berselisih pendapat tentang definisi *al-ra'y*. Ada yang menamakannya *ijtihad*, ada yang menamakannya *qiyas*, malah ada yang menggunakan kalimah *al-ra'y* itu sendiri. Di sini timbul persoalan, adakah *al-ra'y* itu sama maknanya dengan *ijtihad*?

Sesetengah ulama menjadikannya sebahagian daripada *ijtihad* dan ada pula yang mengatakan ia sama maknanya dengan *ijtihad*

kerana kedua-duanya (*al-ra'y* dan *ijtihād*) adalah hasil usaha seorang mujtahid.⁵⁵ Jadi definisi yang sesuai menurut Dr. Idris Jum'ah bagi *al-ra'y* ialah definisi *ijtihād*⁵⁶ itu sendiri yang diberikan oleh Imam al-Amidi iaitu:

استفراغ الوسع في طلب الظن بشيء من الأحكام الشرعية على وجه يحس من النفس العجز عن المزيد فيه

Maksudnya: *Menggunakan sepenuhnya daya dalam mengagak sesuatu hukum syarak dengan sekira-kira diri berasa tidak mampu untuk mengetahui lebih lagi.*⁵⁷

Ada juga ulama yang memilih mafhum *al-ra'y* dalam erti kata yang lebih luas lagi iaitu *qiyas*. *Ijtihād* dengan fikiran juga merangkumi perkara yang tidak dinaskan dan juga perkara yang dinaskan.⁵⁸

Maksud *aṣḥāb al-ra'y* ialah *aṣḥāb al-qiyās wa al-ta'wīl* (fuqaha *qiyas* dan *takwil*) iaitu golongan fuqaha yang menggunakan fikiran mereka dalam masalah yang mereka tidak menjumpai dalil hadis atau *athar*.⁵⁹

Manakala maksud *ahl al-ra'y* pada ulama *fiqh* ialah golongan fuqaha yang berpegang kepada fikiran. Apabila mereka tidak mendapati *nas*, mereka tidak berdiam diri sahaja tanpa berbuat apa-apa.⁶⁰ Mereka akan menggunakan fikiran mereka melalui metode-metode tertentu seperti *qiyas* untuk mendapatkan hukum. Golongan ini dikenali sebagai fuqaha *al-ra'y* dan aliran ini berkembang di Iraq.

Aliran ini berpendapat bahawa hukum-hukum syarak mempunyai alasan yang boleh dicapai melalui akal (*ma'qūlah al-ma'nā*), merangkumi kepentingan-kepentingan awam, terbina di atas kaedah-kaedah yang kukuh (*uṣūl muḥkamah*) dan sebab-sebab yang konsisten (*'ilal ḍabīḥah*). Jadi, fuqaha aliran ini mengkaji sebab-sebab dan hikmah-hikmah di sebalik hukum yang disyarakkan kerananya dan menjadikan hukum itu berkisar sekitar faktor wujud atau tiadanya sebab-sebab tersebut. Kadang-kadang mereka menolak sesetengah hadis yang berlawanan dengan sebab-sebab itu.⁶¹ Berlainan dengan fuqaha *al-ḥadīth* yang lebih menumpukan kajian terhadap lafaz *nas* lebih daripada kajian terhadap sebab-sebab tersebut kecuali apabila mereka tidak mendapati *nas*.⁶²

Fuqaha aliran *al-ra'y* bukan sahaja berijtihad dan memberi fatwa mengenai hukum-hukum yang terus mahu dilaksanakan atau mengenai kes-kes yang sudah benar-benar berlaku, malah sebaliknya mereka juga memperkatakan dan berijtihad mengenai kes-kes andaian yang belum berlaku lagi. Hasil ijtihad seperti ini telah melahirkan suatu bentuk fiqh yang dikenali kemudiannya sebagai fiqh andaian (*fiqh taqdīriyy*).⁶³

Pendapat Ulama Tentang *al-Ra'y*

Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dan Ibnu Abd al-Barr berpendapat bahawa penggunaan fikiran dalam fiqh Islam telahpun bermula sejak pada zaman Rasulullah SAW lagi. Banyak contoh yang diberikan untuk menyokong pendapat ini, antaranya peristiwa Saad bin Muaz yang membuat keputusan supaya dibunuh orang lelaki dari Bani Qurayzah yang memerangi Nabi SAW berdasarkan ijtihadnya.⁶⁴ Keputusannya ini telah diakui oleh baginda melalui sabdanya:

لقد حكمت بحكم الله من فوق سبع سماوات⁶⁵

Maksudya: *Engkau telah berhukum dengan hukum Allah yang diturunkan dari tujuh petala langit.*

Manakala Ibnu Hazm al-Andalusi dan Ibnu Khaldun pula berpendapat, penggunaan *al-ra'y* hanya diterima selepas zaman Nabi SAW iaitu pada zaman sahabat R.A. Ini kerana menurut Ibnu Khaldun sumber tashrik pada zaman Nabi SAW hanyalah al-Quran dan al-Sunnah. Kemudian pada zaman sahabat R.A timbul pula ijmak dan qiyas (fikiran).⁶⁶

Namun dapat disimpulkan bahawa perselisihan antara dua pendapat di atas hanyalah perselisihan *lafzi* (lafaz) sahaja, bukan perselisihan *haqiqi* kerana tidak ada siapa yang dapat mengingkari bahawa makna *al-ra'y* sebenarnya ialah memahami, menjelaskan dan menerangkan nas. Dengan erti kata lain *al-ra'y* itu memahami, mentafsirkan dan menjelaskan agama. Jadi penggunaan fikiran dalam bentuk ijtihad memang telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW, tetapi ia tidak menjadi sumber tashrik selagi ia tidak diperakui oleh al-Quran atau al-Sunnah. Inilah yang dikatakan oleh Ibnu Qayyim.

Pendapat Ibnu Khaldun pula bermaksud, penggunaan fikiran dalam bentuk qiyas. Ini memang timbul pada zaman para sahabat R.A.⁶⁷

Ibnu Qayyim al-Jawziyyah membahagikan pendapat yang berasaskan fikiran kepada tiga bahagian iaitu fikiran dikeji, fikiran terpuji, dan fikiran yang diragukan. Ketiga-tiga bahagian ini telah dibahaskan oleh ulama terdahulu. Mereka menggunakan bahagian yang kedua, beramal dan berfatwa dengannya. Bahagian yang pertama amat dicela dan mereka menegah dari beramal dan berfatwa dengannya. Manakala bahagian yang ketiga pula, para ulama membenarkan beramal dengannya ketika darurat sahaja. Mereka tidak mewajibkan sesiapaupun untuk beramal dengannya dan tidak pula melarang daripada meninggalkannya. Mereka memberi pilihan sama ada untuk beramal dengannya ataupun tidak.⁶⁸

Mengenai pendapat ulama tentang pengamalan *al-ra'y*, Dr. Idris Jum'ah berkata:

*“Jumhur ulama telah bersepakat bahawa fikiran ditegah dalam bab iktikad dan tauhid. Manakala di dalam fiqh dan furuk ia dibenarkan sebagai mencontohi para sahabat dan tabiin kecuali Dawud bin Ali al-Zahiri, beliau menafikan bolehnya menggunakan fikiran di dalam iktikad dan fiqh”.*⁶⁹

Dalam lipatan sejarah, kita mendapati para sahabat menggunakan fikiran mereka di dalam masalah yang ketiadaan nas untuk menutup keperluan mereka di dalam tashrik dan dalam menghadapi perkara-perkara yang baru timbul bersandarkan kepada kehendak-kehendak syarak dan kaedah-kaedah umumnya. Antara para sahabat yang masyhur dalam menggunakan fikiran dalam fatwa mereka ialah Abu Bakar, Umar, Ibnu Mas'ud, Zayd bin Thabit, Ubayy bin Kaab dan Muaz bin Jabal. Sahabat yang luas dalam penggunaan fikiran ialah Umar.⁷⁰

Maksud para sahabat menggunakan fikiran ialah untuk mencari kebenaran tanpa ada sebarang desakan hawa nafsu atau kepentingan peribadi. Inilah yang dimaksudkan dengan fikiran terpuji. Pengriwayatan daripada beberapa orang sahabat yang mencela penggunaan fikiran, bertujuan untuk menjauhkan orang yang tidak berkelayakan dalam istinbat hukum daripada menggunakan fikiran mereka dalam agama. Bukanlah maksud mereka mencela

penggunaan fikiran, dan menolaknya sama sekali. Fikiran yang diamalkan oleh mereka ialah fikiran terpuji dan yang dicela ialah fikiran yang dikeji.⁷¹

Fikiran terkeji ialah penggunaan akal yang menyalahi kehendak syarak dan bertunjangkan hawa nafsu. Sekiranya dibiarkan berterusan tanpa sekatan ia akan membawa kerosakan yang besar kepada umat Islam dan Islam itu sendiri. Sebab itulah syarak menghalang daripada penggunaan akal yang melampaui batas dan syarak telah meletakkan batas-batas tertentu dalam penggunaan akal ini dan yang paling utama ia tidak menyalahi kehendak syarak. Apa yang pasti tidak semua orang mampu menilai pandangan akal yang betul mengikut timbangan syarak kecuali orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan oleh Allah SWT.

Tokoh-tokoh Aliran *al-Ra'y*

Tokoh-tokoh aliran *al-ra'y* dari kalangan sahabat R.A ialah seperti Abdullah bin Mas'ud, Ali bin Abu Talib, Saad bin Abu Waqqas, Ubayy bin Kaab dan Muaz bin Jabal. Sebenarnya di Kufah sahaja terdapat lebih dari tiga ratus orang sahabat R.A, antara lainnya ialah Abu Musa al-Ash'ari, Ammar bin Yasir, Huzayfah bin al-Yaman, Anas bin Malik, al-Mughirah bin Shu'bah dan Imran bin Husayn.⁷²

Aliran ini tercetus daripada amalan seorang sahabat agung yang dianggap sebagai imam dalam aliran ini iaitu Umar bin al-Khattab, kemudiannya didokong kuat oleh Abdullah bin Mas'ud.⁷³

Abdullah bin Mas'ud telah menjadikan Umar sebagai idolanya kerana beliau amat tertarik dengan aliran pemikiran Umar. Ini mungkin disebabkan dua faktor, yang pertama ialah pengakuan Rasulullah SAW sendiri terhadap kekuatan akal Umar dan ketepatannya dalam memutuskan perkara yang benar. Yang kedua pula ialah pemikiran Ibnu Mas'ud adalah sama dengan pemikiran Umar sehinggakan mereka berdua dianggap sebagai tonggak satu aliran yang dikenali sebagai aliran *al-ra'y*.⁷⁴

Manakala tokoh aliran ini dari kalangan tabiin pula ialah seperti Abidah bin Qays al-Salmani (wafat 72H), Amru bin Maymun al-Awdi (wafat 74H), Zirr bin Hubaysh (wafat 82H), Abu Abd al-Rahman Abdullah bin Habib al-Sulami (wafat 72H), Suwayd bin

Ghafalah al-Mazhiji (wafat 82H), Alqamah bin Qays al-Nakha'i, al-Aswad bin Yazid al-Nakha'i, Masruq bin al-Ajda' al-Hamdani, Ubaydah bin Amru al-Salmani, Shurayh al-Qadi, Ibrahim al-Nakha'i, Amru bin Shurahbil al-Hamdani (wafat 104H), Said bin Jubayr, al-Harith bin Qays al-Ja'fi, Amir al-Sya'bi dan al-Hakam bin Utaybah.⁷⁵ Boleh dikatakan bahawa kesemua mereka ini berguru dengan Abdullah bin Mas'ud.

Berikut adalah biodata beberapa orang tokoh fuqaha *al-ra'y* yang masyhur:

- i. Abu A'ishah Masruq bin al-Ajda' bin Malik al-Hamdani. Bapanya al-Ajda' telah dinamakan oleh Umar bin al-Khattab sebagai Abd al-Rahman kerana makna al-Ajda' ialah syaitan. Masruq mengambil ilmu daripada Abu Bakar, Umar, Ali, Abdullah bin Mas'ud, Khabab bin al-Art, Ubayy bin Kaab, Abdullah bin Amru, A'ishah dan Ubayd bin Umayr. Beliau amat alim dalam ilmu agama terutamanya dalam fatwa. Beliau juga seorang yang zuhud dan menjawat jawatan kadi, tetapi tidak mengambil gaji kerana beliau beranggapan bahawa menyelesaikan pertelingkahan antara manusia lebih baik daripada mengawasi sempadan dan menjaga perbatasan. Dalam masalah pertikaian antara Muawiyah dan Ali, beliau mengambil sikap berkecuali dan tidak berpihak kepada mana-mana pihak. Beliau wafat pada tahun 63H di Wasit.
- ii. Abu Shabal Alqamah bin Qays al-Nakha'i. Bapa saudara sebelah ibu kepada Ibrahim al-Nakha'i dan bapa saudara sebelah ayah kepada al-Aswad. Dilahirkan pada zaman Nabi SAW tetapi tidak pernah melihat baginda. Belajar daripada Umar, Uthman, Ibnu Mas'ud, Ali dan Abu al-Darda'. Beliau mempelajari al-Quran daripada Ibnu Mas'ud dan mempunyai suara yang merdu. Beliau juga seorang yang warak, cerdik, kuat ingatan, zuhud, tawaduk, dipercayai dan juga banyak mengetahui hadis. Wafat di Kufah pada tahun 62H.
- iii. Abu Abdullah Ibrahim bin Yazid bin Qays bin al-Aswad al-Nakha'i. Menerima ilmu daripada Alqamah, Masruq, al-Aswad dan beberapa orang lagi. Pernah berjumpa dengan Ummu al-Mu'minin A'ishah ketika beliau kecil. Beliau tidak gemar meriwayatkan hadis dengan lafaz, bahkan beliau lebih suka

- meriwayatkan hadis dengan makna. Ini bukan bermakna beliau merendah-rendahkan taraf hadis, tetapi beliau takut menyampaikan apa yang tidak Nabi SAW katakan yang menyebabkan beliau berdusta ke atas baginda. Begitu juga beliau tidak gemar berbincang menggunakan fikiran dalam masalah qadar seperti kaum al-Murji'ah. Beliau wafat pada tahun 96H pada zaman pemerintahan al-Walid bin Abd al-Malik⁷⁶.
- iv. Ubaydah bin Amru al-Salmani al-Muradi. Beliau memeluk Islam ketika pembukaan kota Mekah di Yaman. Mengambil ilmu daripada Ali dan Abdullah bin Mas'ud. Al-Sha'bi berkata bahawa beliau (Ubaydah) selalu bertentangan pendapat dengan Shurayh dalam *al-qada'* (kehakiman). Al-Ajali pula berkata bahawa beliau salah seorang sahabat Abdullah bin Mas'ud yang qari dan memberi fatwa kepada orang ramai. Beliau wafat pada tahun 92H.
 - v. Shurayh bin al-Harith al-Kandi al-Qadi. Umar bin al-Khattab R.A telah melantiknya menjadi kadi di Kufah, kemudian diteruskan jawatannya itu oleh Ali. Beliau menjadi kadi sehinggalah ke zaman al-Hajjaj bin Yusuf. Beliau dilepaskan dari jawatannya itu setahun sebelum kematiannya. Tidak diketahui orang yang menjadi kadi selamanya, iaitu enam puluh tahun. Beliau meriwayatkan hadis daripada Umar, Ali dan Ibnu Mas'ud. Wafat pada tahun 78H.
 - vi. Said bin Jubayr, hamba Bani Walibah. Mendengar hadis daripada Ibnu Abbas, Ibnu Umar dan lain-lain. Beliau antara sahabat Ibnu Abbas dan dianggap imam dalam bidang tafsir, fiqh dan lain-lain. Beliau juga banyak membuat amalan soleh. Pernah melihat beberapa orang sahabat Rasulullah SAW dan meriwayatkan hadis daripada mereka. Maymun bin Mahran berkata bahawa, Said bin Jubayr telahpun mati dan tidak seorangpun di muka bumi ini kecuali sangat berhajat dengan ilmunya. Beliau wafat pada tahun 95H kerana dibunuh oleh al-Hajjaj dalam peristiwa fitnah Ibnu al-Ash'ath.
 - vii. Amir bin Syarahil al-Sha'bi. Seorang tokoh tabiin yang alim lagi faqih. Meriwayatkan hadis daripada Ali, Abu Hurayrah, Ibnu Abbas, A'ishah, Ibnu Umar dan lain-lain. Beliau antara guru kepada imam Abu Hanifah dan pernah menjadi kadi

Kufah. Banyak penghormatan daripada ulama diberikan kepadanya. Ibnu Abu Layla berkata bahawa al-Sha'bi adalah *Ṣāhib Athar* dan Ibrahim (al-Nakha'i) adalah *Ṣāhib Qiyas*. Ibnu Awn pula berkata bahawa apabila al-Sha'bi didatangi sesuatu masalah beliau akan berhati-hati dan memberi ulasan yang sedikit, tetapi Ibrahim (al-Nakha'i) terus membahaskannya dengan panjang lebar. Al-Sha'bi tidak suka menggunakan qiyas. Beliau wafat pada tahun 104H.⁷⁷

Selepas itu datang pula ulama seperti Hammad bin Abu Sulayman, Mansur bin al-Mu'tamir al-Salmi, al-Mughirah bin Qasim al-Dabbi, Sulayman bin Mahran al-A'mash, Sulayman bin al-Mu'tamir dan Mas'ar bin Kaddam. Selepas itu pula, datang ulama seperti Muhammad bin Abd al-Rahman bin Abu Layla (wafat 148H), Abdullah bin Shibirmah, Sharik bin Abdullah al-Nakha'i al-Qadi (wafat 177H), Abu Hanifah (wafat 150H), Sufyan bin Said al-Thawri⁷⁸ (wafat 161H) dan al-Hasan bin Salih bin Hayy.⁷⁹

Abu Hanifah adalah salah seorang pengasas mazhab empat di dalam fiqh iaitu mazhab Hanafi. Mazhab ini berkembang sehinggalah ke hari ini dan pengikutnya bertebaran di serata dunia. Abu Hanifah menerima ilmunya daripada Hammad bin Abu Sulayman. Hammad pula mengambil daripada Ibrahim al-Nakha'i. Ibrahim mengambil daripada Alqamah bin Qays dan Alqamah mengambil daripada Abdullah bin Mas'ud.⁸⁰

Jikalau imam Malik dan mazhab Maliki dianggap sebagai pendokong kepada aliran al-hadis yang berpusat di Madinah, imam Abu Hanifah dan mazhab Hanafi pula dilihat sebagai pendokong kepada aliran *al-ra'y* yang berpusat di Kufah Iraq. Kedua-dua mazhab ini mempunyai jalan-jalan tersendiri dalam istinbat hukum dan yang pastinya, kedua-dua mazhab ini berusaha untuk memberi kefahaman dan kemudahan kepada umat Islam daripada dahulu sehinggalah sekarang dengan cara masing-masing.

Kesimpulan

Walaupun dikatakan bahawa aliran *al-ḥadīth* berkembang di Madinah tetapi ia tidak bererti semua fuqaha Madinah mengamalkan tradisi

metode fuqaha *al-hadīth* secara menyeluruh. Ada di kalangan mereka yang cenderung kepada penggunaan fikiran seperti Rabi'ah bin Abu Abd al-Rahman atau lebih dikenali dengan panggilan Rabi'ah *al-ra'ya*. Beliau adalah salah seorang guru kepada imam Malik. Begitu juga dengan al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakar dan Said bin al-Musayyib yang tidak takut untuk memberikan fatwa berdasarkan ijtihadnya di mana perbuatannya ini menyalahi adat fuqaha *al-hadīth* yang kurang gemar mengeluarkan fatwa berdasarkan ijtihad.

Begitu juga dengan fuqaha di Kufah, tidak semua yang sealign dengan *fuqaha' al-ra'ya* walaupun setempat dengan mereka seperti Abu Amru Amir bin Sharahil al-Hamdani yang lebih dikenali dengan al-Sha'bi. Beliau tidak gemar menggunakan fikiran dan begitu juga Sufyan al-Thawri seorang ulama Kufah yang amat berhati-hati dalam penggunaan *al-ra'ya*.

Pada masa itu juga, terdapat beberapa lagi aliran selain daripada aliran *al-hadīth* dan aliran *al-ra'ya* seperti aliran di Yaman yang didokongi ulama seperti Tawus bin Kisan al-Jundi (wafat 106H), Wahb bin Munabbih al-San'ani (wafat 114H) dan Yahya bin Abu Kathir hamba kepada Tay' (wafat 129H).

Aliran Sham didokongi ulama seperti Abd al-Rahman bin Ghanim al-Ash'ari (wafat 78H), Abu Idris al-Khawlani A'iz Allah bin Abdullah (wafat 80H), Qubaysah bin Zu'ayb (wafat 76H), Makhul bin Abu Muslim hamba seorang perempuan dari Huzayl (wafat 113H), Raja' bin Hayawah al-Kandi (wafat 112H) dan Umar bin Abd al-Aziz bin Marwan (Khalifah al-Rashid ke 5: wafat 101H).

Aliran Basrah didokongi ulama seperti Anas bin Malik (seorang sahabat: wafat pada tahun 93H), Abu al-Aliyah Rafi' bin Mahran al-Riyahi hamba seorang perempuan dari Bani Tamim (wafat 90H), al-Hasan bin Abu al-Hasan Yasar hamba kepada Zayd bin Thabit (wafat 110H), Abu al-Sha'tha' Jabir bin Zayd (wafat 93H), Muhammad bin Sirin hamba kepada Anas bin Malik (wafat 110H) dan Qatadah bin Da'amah al-Dawsi (wafat 118H).

Aliran Mekah didokongi oleh ulama seperti Abdullah bin Abbas (seorang sahabat: wafat pada tahun 68H), Mujahid bin Jabar hamba kepada Bani Makhzum (wafat 103H), Ikrimah hamba Ibnu Abbas (wafat 107H), Ata' bin Abu Rabah hamba Quraysh (wafat 114H) dan Abu al-Zubayr Muhammad bin Muslim bin Tadarrus (wafat 127H).

Aliran al-Ḥadīth dan al-Ra'y

Aliran Mesir didokongi oleh ulama seperti Abdullah bin Amru bin al-As (sahabat: wafat 65H), Abu al-Khayr Marthad bin Abdullah al-Yazni (wafat 90H) dan Yazid bin Abu Habib hamba kepada al-Azd (wafat 128H).

Ulama-ulama di Mekah, Syam, Mesir dan Yaman lebih cenderung kepada aliran *al-ḥadīth*, manakala ulama-ulama di Basrah lebih cenderung menerima aliran *al-ra'y*. Ulama-ulama ini walaupun berlainan aliran tetapi telah menyumbang usaha mereka ke arah menerangkan syariat Islam kepada umatnya.

Nota

- ¹ Lihat Mahmud Hamid Uthman 1996: 19, al-Qattan 1995: 34 & al-Dimashqi 1994: 7.
- ² Kassim Salleh 1989: 8.
- ³ Kassim Salleh 1989: 22.
- ⁴ Jalal al-Din 1979: 59.
- ⁵ Badran Abu al-Aynayn, t.th: 101.
- ⁶ Mahmasani 1961: 3.
- ⁷ Kassim Salleh 1989: 37.
- ⁸ Mahmood Zuhdi 1992: 86.
- ⁹ Madkur 1964: 32.
- ¹⁰ Fiqh andaian (*fiqh taqdīriyy*) ialah permasalahan yang tidak atau belum berlaku.
- ¹¹ Khallaf 1947: 12.
- ¹² Zaman sahabat biasa ialah zaman selepas Khulafa' Rashidin.
- ¹³ Zaydan 1990: 111.
- ¹⁴ Pada zaman Abu Bakar dan Umar R.A, cara mereka hendak memutuskan hukum ialah dengan mengumpulkan sahabat-sahabat lalu berbincang mengenai perkara yang ditimbulkan. Kemudian sekiranya mereka bersetuju dengan hasil perbincangan itu mereka akan bersepakat dalam menghasilkan hukum. Ini yang dikatakan ijtihad jamaah.
- ¹⁵ al-Shahawi 1972: 31.
- ¹⁶ al-Says t.th: 59-60.
- ¹⁷ Kassim Salleh 1989: 60.
- ¹⁸ Madkur 1964: 34.
- ¹⁹ Konservatif: bersikap mempertahankan adat, nilai dan lain-lain yang telah menjadi kelaziman atau tradisi. Konservatisme: faham konservatif yang cenderung mengamalkan kebiasaan.

- ²⁰ Kassim Salleh 1989: 60.
- ²¹ Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar di dalam Sahih al-Bukhari no. 904 (*Bāb Salāh al-Tālib Wa al-Matlūb Rākiban Wa Imā'an*) dan juga (*Bāb Marji' al-Nabiyy SAW Min al-Aḥzāb Wa Makhrajuhu Ilā Bani Qurayzah Wa Muḥāsharatuhu Iyyāhu*) no. 3893.
- ²² Madkur 1964: 34.
- ²³ al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah 1993: 29.
- ²⁴ Lihat al-Razi t.th: 125 & 'Abd al-Halim Muhammad Qunbus 1987: 36.
- ²⁵ al-Mu'jam al-Wasit t.th: 196.
- ²⁶ Badran Abu al-Aynayn Badran 1983: 5.
- ²⁷ Abd Hamid Tahir & Fauziyah Sani 1978: 113-114.
- ²⁸ Hadis *marfū'* ialah apa yang disandarkan terus kepada Nabi SAW daripada perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat baginda. Ini yang masyhur dalam takrif hadis *marfū'*. Apabila seorang perawi meriwayatkan sesuatu hadis dia akan berkata, "Rasulullah SAW bersabda". Dalam erti kata lain sanad hadis itu sampai terus kepada Nabi.
- ²⁹ Hadis *mawqūf* ialah hadis yang hanya terhenti pada sahabat dalam periwayatannya dan tidak kepada Nabi SAW dan sebab itulah ia dinamakan hadis *mawqūf* iaitu terhenti (pada sahabat).
- ³⁰ Riwayat yang *marfū'* dalam masalah ini diterima kerana sanadnya sampai terus kepada Nabi SAW, manakala riwayat yang *mawqūf* ianya terhenti kepada sahabat sahaja. Sudah tentu ia dianggap cacat dan tidak boleh diterima. Ia berlaku apabila hadis *marfū'* dan hadis *mawqūf* bertembung. Lihat 'Ali 'Abd al-Fattah 1990: 162-163.
- ³¹ al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi t.th: 296.
- ³² Ilmu hadis *riwāyah* ialah ilmu yang menyatakan pemindahan (penyambungan) sesuatu yang berhubung dengan Nabi Muhammad SAW samada berbentuk perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat. Tujuannya ialah untuk memelihara hadis dari kesalahan-kesalahan pemindahan sesuatu yang dihubungkan dengan Rasulullah SAW.
- ³³ Ilmu hadis *dirāyah* ialah ilmu yang mempunyai beberapa keadah untuk mengetahui dan mengkaji hal keadaan perawi hadis dan kebenaran sesebuah hadis. Tujuannya ialah untuk mengetahui dan memisahkan hadis-hadis yang sahih dari yang lain. Ilmu hadis *dirāyah* bersandar kepada enam ilmu yang lain iaitu ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*, ilmu *Rijāl al-Ḥadīth*, ilmu *Mukhtalaf al-Ḥadīth*, ilmu *'Ilal al-Ḥadīth*, ilmu *Gharīb al-Ḥadīth* dan ilmu *Nāsikh al-Ḥadīth Wa Mansūkhuhu*.
- ³⁴ Sa'd Fahmi 1996: 69.
- ³⁵ Shalabi 1983: 127.
- ³⁶ Badran Abu al-Aynayn Badran t.th: 125.

Aliran al-Hadīth dan al-Ra'y

- ³⁷ Badran Abu al-^cAynayn Badran t.th: 114/122/124, al-Shahawi 1972: 15/54, al-Khudari Bek 1994: 89.
- ³⁸ Peperangan *al-Harrah* terjadi di Madinah pada tahun 63H pada zaman Khalifah Bani Umawiyah, Yazid bin Muawiyah. Peperangan ini meletus setelah penduduk Madinah tidak membaiah Yazid bin Muawiyah sebagai khalifah selepas kematian ayahnya Muawiyah bin Abu Sufyan. Peperangan ini menyebabkan lebih sepuluh ribu orang mati termasuk lebih kurang 700 orang daripada golongan Muhajirin dan Ansar. Lihat Muhammad bin Ahmad Kan^can 1997: 125-132.
- ³⁹ al-Shak^cah 1983a: 373-376.
- ⁴⁰ al-Shak^cah 1983a: 371.
- ⁴¹ al-Khafani 1993: 82-83.
- ⁴² Beliau ialah Abu Bakar Muhammad bin Muslim bin ^cUbayd Allah bin ^cAbdullah bin Shihab al-Qurashi al-Zuhri dari Bani Zuhrah.
- ⁴³ al-Syak^cah 1983a: 376.
- ⁴⁴ Muhammad Isma^cil Ibrahim 1978: 76.
- ⁴⁵ Muhammad Isma^cil Ibrahim 1978: 92.
- ⁴⁶ Al-^cAk1993: 99.
- ⁴⁷ al-Shak^cah 1983a: 376.
- ⁴⁸ al-Munjid Fi al-Lughah t.th: 243.
- ⁴⁹ al-Zawi t.th: 280.
- ⁵⁰ Muhammad Isma^cil Ibrahim t.th: 207.
- ⁵¹ al-Damaghani 1970: 188.
- ⁵² al-Kafi Mu^cjam ^cArabi Hadith 1992: 469.
- ⁵³ al-Mu^cjam al-^cArabi al-Asasi t.th: 495.
- ⁵⁴ Ibnu Qayyim al-Jawziyyah 1955: 66.
- ⁵⁵ Idris Jum^cah t.th: 10.
- ⁵⁶ Dari segi bahasa, ijtihad membawa erti “menggunakan sepenuh daya untuk merealisasikan sesuatu perkara dengan susah payah”.
- ⁵⁷ al-Amidi t.th: 162.
- ⁵⁸ Lihat Badran Abu al-^cAynayn Badran t.th: 123, al-Durayni 1975: 14.
- ⁵⁹ al-Zawi t.th: 282, al-Tarihi 1983: 170.
- ⁶⁰ al-Shahawi 1972: 54.
- ⁶¹ Contoh fuqaha al-ra'y menolak hadis yang berlawanan dengan kaedah umum di sisi mereka ialah dalam masalah *ḍamān al-muṣarrah*. Lihat muka surat 60.
- ⁶² Al-Says t.th: 74.
- ⁶³ Mahmood Zuḥdi 1992: 94.
- ⁶⁴ Untuk melakukan sebarang ijtihad sudah pasti ia memerlukan kepada penggunaan akal seperti ijtihad Sa^cad bin Mu^caz ini.

Sejarah Perundangan Islam

- ⁶⁵ Hadis ini diriwayatkan oleh 'Amir bin Sa'ad daripada ayahnya di dalam *Musnad al-Hārith* no. 693 (*Bāb Ghazwah al-Khandaq Wa Qurayzah*).
- ⁶⁶ Idris Jum'ah t.th: 23-24.
- ⁶⁷ Idris Jum'ah t.th: 25-26.
- ⁶⁸ Ibnu Qayyim al-Jawziyyah t.th: 67.
- ⁶⁹ Idris Jum'ah t.th: 29.
- ⁷⁰ Badran Abu al-'Aynayn Badran t.th: 105-106.
- ⁷¹ al-Hasri 1988: 89.
- ⁷² Lihat Idris Jum'ah t.th: 497, Badran Abu al-'Aynayn Badran t.th: 106, al-Khafani 1993: 83, al-Shahawi 1972: 55.
- ⁷³ al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah 1993: 25-26.
- ⁷⁴ Qal'ah Ji 1992: 12.
- ⁷⁵ Lihat al-Kawthari 1970: 43-44, Idris Jum'ah t.th: 497, al-Khafani 1993: 83, al-Shahawi 1972: 62, Qal'ah Ji 1992: 19-20.
- ⁷⁶ Idris Jum'ah t.th: 497-500.
- ⁷⁷ al-Khudari Bek 1994: 102-103.
- ⁷⁸ Sufyan al-Thawri walaupun antara fuqaha Kufah tetapi pegangannya lebih mirip kepada fuqaha *al-hadīth* dan beliau amat tegas dalam mengeluarkan pendapat dengan fikiran (iaitu beliau kurang gemar dengan penggunaan *ra'y*).
- ⁷⁹ Lihat al-Khafani 1993: 83, Qal'ah Ji 1992: 20, al-Khafani 1993: 83, Qal'ah Ji 1992: 20.
- ⁸⁰ al-Shahawi 1972: 67.

BAB 2

Metode Aliran *al-Hadīth* dan Aliran *al-Ra'y*

Pembinaan sesuatu hukum fiqh, adalah berdasarkan kepada metode tertentu yang dipegang oleh para mujtahidin dalam mengistinbatkan hukum. Metode atau di dalam Bahasa Arabnya dipanggil *manhaj* membawa erti cara melakukan sesuatu. Metodologi pula bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Dalam Kamus Dewan Inggeris Melayu, *method* membawa maksud kaedah atau cara. *Manhaj*, *minhaj* dan *minhāj* pula bermaksud cara tertentu untuk sampai kepada matlamat tertentu atau kaedah yang digariskan.¹

Semasa pertelingkahan memuncak antara khalifah keempat °Ali bin Abu Talib R.A dan Mu°awiyah bin Abu Sufyan R.A, umat Islam telah berpecah kepada tiga kumpulan yang besar iaitu Syiah, Khawarij dan *Jumhur Mu°tadil* (golongan pertengahan). Golongan Syiah dan Khawarij timbul semasa peperangan Siffin antara Sayyidina °Ali dan Mu°awiyah. Syiah adalah penyokong Sayyidina °Ali yang menyokong tindakan beliau menerima *al-Tahkim*, manakala Khawarij pula asalnya adalah tentera °Ali juga tetapi mereka tidak bersetuju dengan tindakan °Ali menerima pelawaan Mu°awiyah itu lalu mereka keluar beramai-ramai meninggalkan °Ali dan penyokong-penyokongnya. Oleh sebab itulah mereka dinamakan Khawarij.

Selepas daripada itu Syiah dan Khawarij menjadi dua golongan yang kuat dan mempunyai penyokong dan pendokong masing-masing. Dari segi iktikad, metode hukum juga berbeza antara satu sama lain. Para ulama kedua-dua golongan ini juga tidak kurang hebatnya dengan ulama-ulama *Jumhur Mu°tadil* yang lain.

Golongan *Jumhur Mu°tadil* (golongan pertengahan) pula terbahagi kepada dua aliran atau metode di dalam fiqh. Aliran pertama lebih menggunakan fikiran (*qiyas*) dan dinamakan aliran *al-al-ra'y*. Aliran kedua pula lebih senang menggunakan hadis sebagai sandaran hujah dan dinamakan sebagai aliran *al-ḥadīth*.

Metode yang digunakan oleh fuqaha kedua-dua aliran tersebut adalah berbeza antara satu sama lain.

Walaupun terdapat dua metode di dalam fiqh yang menyebabkan berlaku perselisihan pendapat di kalangan mujtahidin, namun ia sebenarnya merupakan rahmat kepada umat Islam itu sendiri. ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz pernah berkata:

ما سرني لو أن أصحاب محمد صلى الله عليه وسلم لم يختلفوا لأنهم لو لم يختلفوا لم يكن
رخصة

Maksudnya: “*Tidaklah menggembirakan aku sekiranya para sahabat Muhammad SAW tidak berselisih pendapat, kerana sekiranya mereka tidak berselisih pendapat maka tidak adalah rukhsah (keringanan di dalam agama).*”

Imam al-Sayuti berkata:

“*Ini menunjukkan yang dimaksudkan di sini ialah perselisihan mereka di dalam hukum*”.²

Setiap hukum yang tidak *qat’iyy* boleh diijtihad dan berselisih pendapat padanya. Perselisihan ini tidaklah membawa maksud berlawanan atau bercanggah, bahkan ia adalah ciri-ciri keistimewaan syariat Islam. Syariat Islam ini amat kaya dengan mazhab-mazhab fiqh yang merupakan gambaran kajian mendalam terhadap kandungan-kandungan al-Quran, al-Sunnah dan pengistinbatan hukum daripada kedua-duanya bagi masalah-masalah yang berlaku.

Seorang faqih akan meneliti kaedah-kaedah, asas-asas dan furuk-furuk yang dihasilkan oleh faqih lain, kemudian beliau akan menyetujuinya atau menyanggahinya berdasarkan pendapatnya. Pada kebanyakan kes, perselisihan mereka hanyalah perselisihan pendapat yang pelbagai (*tanawwu‘*) dan bukannya perselisihan yang bercanggah (*tadād*).³

Jikalau adapun pertelingkahan dan keadaan kacau bilau antara penyokong fanatik mazhab-mazhab pada zaman kebelakangan, itu adalah berpunca daripada sikap kejahilan dan kedangkalan ilmu yang mereka miliki. Ia tidaklah sampai ke tahap mencacatkan mazhab yang dianuti mereka dan tidak pula merendahkan taraf ulama mereka. Yang pastinya ulama-ulama itu tidak akan menanggung dosa

akibat kejahilan pengikut-pengikut mereka. Mana-mana aliran sekalipun tidak timbul dengan perbezaan yang ketara daripada aliran-aliran lain pada permulaannya. Ia tidak boleh dianggap sebagai aliran yang berasingan pada permulaan timbulnya aliran itu, bahkan ia seperti benih bagi aliran tersebut yang berdiri kukuh selepas daripada itu.⁴

Disebabkan seseorang mujtahid itu sering mengikuti metode⁵ yang biasa digunakannya berulang kali dalam istinbat hukum bagi memastikan kebenaran ijtihadnya dan juga berlakunya permasalahan yang serupa atau hampir serupa dengan permasalahan yang sebelumnya, maka akan terbentuklah baginya satu gambaran permasalahan yang sama dan berulang. Beliau dapat menggunakan metode yang biasa digunakannya dalam mengistinbat hukum bagi mengetahui hukum bagi permasalahan-permasalahan tersebut. Fuqaha sezaman atau selepasnya yang tertarik dengan metodenya pula dapat dan boleh menggunakan metode yang digunakan oleh faqih tadi. Dengan itu, amalan beliau sahaja mula diterima pakai dan ia berkembang ke serata pelusuk dunia dan tidak terhad pada satu-satu zaman sahaja. Jadi setiap faqih mempunyai metode tersendiri dalam istinbat hukum atau sekurang-kurangnya seseorang faqih itu mengikuti metode imam yang diminatinya.

Aliran al-Hadīth

Aliran *al-hadīth* yang berpusat di Madinah mendahului aliran-aliran fiqh yang lain dari segi kemunculannya kerana Madinah adalah tempat pertama bermulanya perundangan Islam. Di situlah turunnya sebahagian besar ayat-ayat al-Quran, lahirnya hadis-hadis Rasulullah SAW, tashrik dipraktikkan, Khulafa' Rashidin memutuskan hukum dan para sahabat R.A yang lain memberi fatwa sekiranya timbul permasalahan di kalangan umat Islam.⁶ Sebab itulah aliran *al-hadīth* diterima dan berkembang di Madinah.

Sebab-sebab Berkembangnya Aliran *al-Hadīth*

Perkembangan aliran *al-hadīth* yang mendapat tempat di kalangan fuqaha Madinah didorong oleh beberapa faktor penting, antaranya:

- i. Fuqaha di Madinah terpengaruh dan tertarik dengan cara pemikiran guru mereka iaitu ʿAbdullah bin ʿUmar yang berpegang kepada *āthār* dan bersandarkan kepada nas-nas sahaja, serta kurang gemar mengeluarkan fatwa atau menggunakan fikiran kecuali kerana darurat yang mendesak. Bagi mereka dengan bersandarkan kepada nas-nas hadis adalah selamat berbanding mengeluarkan pendapat sendiri yang berdasarkan *al-ra'y*.
- ii. Banyaknya hadis-hadis yang dimiliki oleh mereka kerana Hijaz adalah tempat tinggal Nabi SAW, para sahabat R.A serta tempat turunnya tashrik. Sunnah Rasulullah SAW telah terhimpun di situ dengan banyaknya sehinggakan Madinah menjadi tempat tumpuan ulama-ulama. Rasulullah SAW ketika wafat, telah meninggalkan seramai 12 ribu sahabat R.A, 10 ribu daripada mereka meninggal di situ dan 2 ribu lagi bertebaran di serata dunia Islam. Jadi mereka tidak perlu bersusah payah menggunakan dalil selain sunnah Rasulullah SAW dalam istinbat mereka kerana mereka kaya dengan khazanah hadis yang diriwayatkan kepada mereka.
- iii. Antara perkara yang mendorong fuqaha Madinah menerima aliran *al-hadīth* ialah keadaan dan suasana masyarakat Hijaz yang tidak terdedah dengan dunia luar dan ini menyebabkan tidak banyak permasalahan yang timbul akibat dari situasi ini. Jadi, mereka tidak berhajat sangat dalam penggunaan fikiran dan memadai dengan nas-nas yang ada pada mereka.⁷ Tujuan menggunakan *al-ra'y* (qiyas) ialah ketika ketiadaan dalil khusus yang menyebut hukum sesuatu masalah. Jikalau ada nas, maka nas itu sudah mencukupi tanpa perlu merujuk kepada *al-ra'y*.
- iv. Sedikitnya berlaku permasalahan yang tidak mempunyai bandingan atau persamaan dengan permasalahan zaman sahabat R.A yang boleh mereka qiyaskan.⁸ Ini disebabkan suasana pada zaman itu tidak banyak bezanya dengan zaman sebelumnya iaitu zaman Rasulullah SAW dan sahabat.

- v. Jauhnya mereka dari tempat berlakunya fitnah dan punca perselisihan seperti di Iraq.⁹ Golongan Syiah dan Khawarij tidak tinggal di Madinah, jadi pemalsuan hadis di Hijaz boleh dikatakan hampir tidak ada dan dengan itu hadis-hadis yang ada di situ terpelihara. Oleh sebab itu fuqaha Madinah tidak perlu bersusah payah kerana mereka boleh merujuk kepada hadis-hadis yang ada pada mereka.

Sepanjang zaman Khulafa' Rashidin, kepakaran tentang hukum Islam boleh dikatakan menjadi monopoli para fuqaha generasi sahabat. Mereka ini telah diletakkan di bawah kawalan imigrasi¹⁰ oleh para khalifah, terutama Abu Bakar dan 'Umar R.A, supaya tetap berada di Madinah, dan tidak keluar untuk menetap di mana-mana daerah lain. Mereka hanya dibolehkan untuk keluar dari Madinah sekadar beberapa ketika yang terhad atas sebab-sebab yang perlu. Tujuan utama kepada sekatan ini ialah untuk mendapat kerjasama mereka dalam membina hukum Islam dan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit dalam masyarakat Islam di Madinah. Dengan kata lain, mereka dihalang daripada keluar menetap di daerah-daerah yang berjauhan dari Madinah kerana diperlukan untuk menjadi penasihat-penasihat khalifah dalam masalah-masalah hukum, politik dan pemerintahan.¹¹

Tidak hairanlah jika Hijaz kaya dengan hadis-hadis Rasulullah SAW kerana ramainya para huffaz dan perawi dari kalangan sahabat R.A di situ. Sedikit sebanyak ia membantu perkembangan hadis itu sendiri dan menjadi sandaran hukum ketika para ulama sahabat terutamanya fuqaha *al-ḥadīth* berijtihad. Sebab itulah Sa'id bin al-Musayyib dan sahabat-sahabatnya yang lain berpendapat bahawa fuqaha Hijaz lebih hebat dan dipercayai di dalam hadis dan fiqh.¹²

Pendapat ini berasaskan kepada perdampingan sahabat-sahabat di Madinah dengan Rasulullah SAW dan keterlibatan mereka sendiri dengan masalah-masalah yang berlaku. Mereka lebih mengetahui daripada orang lain yang tidak pernah terlibat dengan masalah itu.

Metode Fuqaha *al-hadīth* dalam Istinbat Hukum

Metode fuqaha *al-hadīth* dibina dengan merujuk al-Quran dan sunnah terlebih dahulu. Apabila mereka tidak mendapati jawapan kepada masalah yang dihadapi dari kedua-dua asas itu, mereka akan melihat kepada pendapat dan ijtihad sahabat. Jika mereka tidak juga mendapati dalil nas atau ijmak atau ijtihad, mereka mungkin mendiamkan diri daripada berfatwa dan terkadang mereka akan menggunakan *al-ra'y* dalam sudut yang sempit kerana mereka tidak gemar menggunakannya tetapi kerana terpaksa.¹³

Secara terperinci, Khalifah Bakar al-Hasan menjelaskan enam metode yang digunakan oleh fuqaha *al-hadīth* dalam mengetahui hukum:

- i. Merujuk kepada al-Quran: contohnya hukum wanita hamil yang berbuka semasa siang bulan Ramadan. Imam Malik meriwayatkan di dalam kitab *al-Muwatta'*, bahawa 'Abdullah bin 'Umar ditanya tentang wanita hamil yang bimbang atas kesihatan dan keselamatan kandungannya dan berasa sukar untuk berpuasa. Beliau menjawab, dia boleh berbuka puasa dan sebagai kaffarahnya, hendaklah dia memberi makan setiap hari yang ditinggalkan, seorang miskin sebanyak satu cupak gandum dengan cupak Nabi SAW. Dalilnya ialah firman Allah S.W.T (al-Quran: al-Baqarah 2: 184):

فمن كان منكم مريضا أو على سفر فعدة من أيام أخر وعلى الذين يطيقونه فدية طعام مسكين

Maksudnya: "*Maka barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari lain. Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah (iaitu) memberi makan seorang miskin*".

Fuqaha Madinah berpendapat wanita hamil boleh berbuka dan hendaklah menqada puasanya itu dan dalil mereka ialah ayat di atas.

Contoh ke dua, apa yang diriwayatkan daripada Ibnu Shihab, beliau berkata:

Sesiapa yang sempat dengan satu rakaat dari sembahyang Jumaat maka tambahlah satu lagi rakaat sahaja dan beliau menambah, begitulah sunnahnya. Dalilnya sabda Rasulullah SAW:

من أدرك من الصلاة ركعة فقد أدرك الصلاة¹⁵

Maksudnya: “Sesiapa yang sempat satu rakaat sembahyang (jumaat) maka dia telah mendapat sembahyang itu. Yakni dia hanya perlu menambah satu rakaat lagi selepas imam memberi salam”.

Fuqaha aliran *al-hadīth* dalam penerimaan mereka terhadap hadis-hadis, juga turut menerima hadis *mursal*.¹⁶ Penerimaan hadis *mursal* ini merupakan antara ciri-ciri zaman itu di mana semua aliran fiqh ketika itu menerima hadis *mursal* kerana pendustaan terhadap Rasulullah SAW boleh dikatakan tidak ketara.

- iii. Merujuk kepada ijmak: contohnya, Imam Malik meriwayatkan dalam kitab *al-Muwatta'* daripada Muhammad bin 'Uqbah, bahawa dia telah bertanya kepada al-Qasim bin Muhammad bahawa beliau telah mengambil sejumlah wang pendahuluan yang banyak (cukup nisab) daripada hamba mukatabnya, adakah wajib zakat ke atasnya. Al-Qasim bin Muhammad menjawab:

Abu Bakar tidak pernah mengambil daripada harta zakat sehinggalah cukup haulnya (tempohnya) dan apabila beliau memberi bantuan kepada orang ramai, dia akan bertanya kepada seseorang, adakah engkau mempunyai harta yang wajib zakat ke atasnya. Sekiranya dia menjawab ya, Abu Bakar akan memotong sebahagian bantuan itu sebagai zakat harta tadi. Sekiranya dia menjawab tidak, beliau akan menyerahkan bantuan tersebut dan tidak memotong sedikitpun.

Al-Baji berkata tentang fatwa al-Qasim itu:

Dia berhujahkan dengan perbuatan Abu Bakar kerana beliau adalah khalifah yang menguruskan penerimaan zakat dan juga beliau memerangi orang-orang yang enggan membayar zakat, maka perkara ini telah diijmakkan dan juga tiada perselisihan antara fuqaha bahawa tidak wajib mengeluarkan zakat sehinggalah cukup haulnya.

- iv. Merujuk kepada ijmak fuqaha Madinah: metode keempat ini walaupun dilihat hampir sama dengan metode ketiga, tetapi ianya lebih khusus lagi kerana ia hanya melibatkan ijmak fuqaha Madinah sahaja.

Contohnya, penafsiran kalimah *al-qur'* di dalam ayat 228 surah al-Baqarah. Ijmak fuqaha Madinah mengatakan maksudnya ialah bersuci. Jadi, idah isteri yang ditalakkan berakhir dengan tiga kali suci. Imam Malik meriwayatkan daripada Ibnu Shihab, bahawa dia telah mendengar Abu Bakar bin 'Abd al-Rahman berkata:

Tidak aku dapati seorangpun dari fuqaha kita melainkan dia berkata seperti pendapat 'A'ishah iaitu maksud kalimah *al-qur'* ialah bersuci.

- v. Mendahulukan amalan sahabat di Madinah ke atas *khbar wāhid (āhād)*¹⁷: Rabi'ah bin 'Abd al-Rahmān berkata:

Seribu orang yang meriwayatkan dari seribu orang lebih aku sukai dari seorang yang meriwayatkan dari seorang.

Imam Malik pula berkata tentang Muhammad bin Abu Bakar bin Hazm:

رأيت محمد بن أبي بكر بن حزم وكان قاضيا وكان أخوه عبد الله كثير الحديث – فسمعت عبد الله إذا قضى محمد بالقضية جاء فيها الحديث مخالفا بالقضاء يعاتبه فيقول له : ألم يأت هذا في حديث كذا؟ فيقول: بلى فيقول له فما بالك لا تقضي به؟ فيقول فأين الناس عنه؟ يعني ما أجمع عليه العلماء بالمدينة العمل به أقوى من الحديث

Maksudnya: “Aku mengetahui bahawa Muhammad bin Abu Bakar bin Hazm seorang kadi. Abangnya 'Abdullah pula banyak menghafal hadis dan benar orangnya. Lalu aku

mendengar, jikalau Muhammad memutuskan hukuman terhadap sesuatu kes yang menyalahi hadis tertentu, ‘Abdullah akan mengkritiknya dan berkata kepada Muhammad, “tidakkah ada hadis yang boleh engkau rujuk di dalam masalah ini?”. Muhammad menjawab, “ada”. ‘Abdullah berkata lagi, “habis, kenapa engkau tidak berhukumkan dengan hadis itu?”. Muhammad berkata, “adakah ramai perawi-perawi hadis meriwayatkannya?”. Yakni apa yang diijmakan oleh ulama Madinah lebih kuat berbanding dengan hadis *āhād*.

- Ini kerana ijmak bersifat *qaf’iyy*, manakala hadis *āhād* bersifat *zanniyy* dan sudah tentu *qaf’iyy* lebih kuat berbanding *zanniyy*.
- vi. Memilih antara pendapat-pendapat sahabat apabila mereka berselisih: sekiranya fuqaha *al-ḥadīth* tidak mendapati sebarang kata sepakat oleh ulama sahabat, tetapi mendapati beberapa pendapat yang diperselisihkan, maka mereka akan mentarjihkan sebahagian pendapat ke atas pendapat yang lain mengikut kesesuaian. Contohnya pensyarahan berturut-turut (hari) dalam menqada puasa Ramadhan, di mana ‘Abdullah bin ‘Umar mensyaratkannya. Manakala ‘Abdullah bin ‘Abbas dan Abu Hurayrah berselisih pendapat tentangnya. Seorang mengatakan ianya disyaratkan dan seorang lagi mengatakan tidak disyaratkan. Di sini Sa‘id bin al-Musayyib tidak mengeluarkan ijthad atau pendapat sendiri, bahkan beliau hanya mentarjihkan pendapat yang mengatakan pensyarahan berturut-turut itu kerana menyegerakan qada itu lebih baik.¹⁸

Keengganan para fuqaha Hijaz untuk menggunakan fikiran (*al-ra’y*) dalam proses perundangan dan hukum Islam pada waktu itu bukan sahaja disebabkan oleh metodologi mereka tentang pembinaan hukum itu sendiri. Malah, yang lebih ketara ialah mereka berada di dalam suasana atau sekitar yang tertentu, yang menjadikan mereka tidak perlu untuk berbuat demikian.¹⁹ Penggunaan metode-metode ini lebih mudah difahami melalui contoh-contoh masalah fiqh yang diistinbat oleh fuqaha aliran ini seperti yang telah tersebut. Fuqaha *al-ḥadīth* juga dikenali dengan ciri-ciri berikut:

Ciri pertama: fuqaha aliran ini tidak gemar untuk bertanya banyak atau membincangkan perkara-perkara yang belum terjadi kerana itu akan mendorong mereka kepada penggunaan fikiran yang mereka tidak sukai.²⁰ Fuqaha aliran ini juga tidak gemar untuk mengandaikan masalah dan memperhalusinya²¹ sebaliknya mereka menumpukan perbincangan mereka terhadap masalah-masalah yang berlaku sahaja. Ini menjadikan fuqaha aliran ini fuqaha yang realistik.

Ciri kedua: fuqaha aliran ini berpegang kepada hadis dan *āthār* walaupun ianya tidak masyhur (*khabar āhād*)²² dan mendahulukan penggunaannya daripada fikiran.²³

Hampir kesemua pengarang kitab mengenai sejarah aliran *al-hadīth* seperti Ahmad Farraj Husayn, °Abd al-Wadud Muhammad al-Saritiyy, Manna° al-Qattan, Muhammad °Ali al-Says dan lain-lain hanya menyebut dua ciri ini yang menjadi keistimewaan fuqaha aliran *al-hadīth* secara umumnya.

Fuqaha *al-hadīth* hanya menumpukan penggunaan nas-nas dan *athar*. Mereka tidak cenderung kepada penggunaan *al-ra'y* dan tidak mengambilnya kecuali kerana terpaksa, bahkan terkadang sebahagian daripada mereka berhenti daripada mengeluarkan fatwa yang berdasarkan fikiran pada masalah yang ketiadaan nas.

Diriwayatkan bahawa seorang lelaki datang kepada Salim bin °Abdullah bin °Umar dan bertanyakan suatu masalah, lalu dijawab oleh Salim:

Aku tidak tahu (hadis) yang berkaitan tentangnya. Lelaki itu berkata lagi, “beritahulah aku - semoga Allah memberi kebaikan padamu- dengan fikiranmu”. Salim berkata, “tidak”. Lelaki itu mengulangi soalnya dengan berkata, “aku reda dengan pandangan (keputusan) mu”. Salim berkata, “mungkin aku boleh beritahumu dengan fikiranku kemudian engkau pergi, namun selepas itu aku berpendapat sebaliknya pula tetapi aku tidak mendapatimu (untuk memberitahu pendapatku yang baru ini menyebabkan engkau beramal dengan pendapat lamaku yang mungkin tersalah).

Begitulah fuqaha *al-hadīth* yang agak takut untuk memberi fatwa dengan bersandarkan fikiran dan mereka lebih suka bersandarkan kepada nas-nas dan *athar* serta tidak mahu memberi fatwa tanpanya. Aliran fuqaha *al-hadīth* ini telah bercabang menjadi

mazhab Maliki, mazhab Shafi'i, mazhab Hanbali dan mazhab Zahiri.²⁴ Namun yang lebih ketara dalam penerimaan aliran *al-ḥadīth* ialah mazhab Maliki dan mazhab Zahiri.

Aliran *al-Ra'y*

Setelah tertegaknya khilafah Umawiyah selepas zaman Khulafa' Rashidin, ramai daripada kalangan sahabat berhijrah ke luar Madinah. Tempat yang menjadi tumpuan mereka termasuklah Iraq terutamanya Kufah. Di situ mereka menjadi tempat rujukan dan mereka mengambil peluang untuk menyebarkan ilmu agama untuk masyarakat setempat. Turut berhijrah ke situ ialah 'Abdullah bin Mas'ud yang dikatakan antara sahabat yang tertarik dengan cara pemikiran 'Umar bin al-Khattab dalam istinbat hukum. Di situ, 'Abdullah bin Mas'ud mula mengembangkan satu metode fiqh yang bersandarkan kepada fikiran dan ijtihad yang berlainan dengan aliran *al-ḥadīth* di Madinah. Aliran yang dikenali sebagai aliran *al-ra'y* telah mendapat tempat di kalangan fuqaha Kufah yang lain yang terdiri dari fuqaha sahabat dan fuqaha tabiin.

Aliran ini boleh dianggap sebagai aliran kedua yang wujud di dalam fiqh yang mula berkembang di Iraq hasil beberapa faktor penting yang mendorong perkembangannya itu. Untuk mengatakan ianya bermula di Iraq tidaklah tepat kerana sebenarnya ia telahpun muncul di Madinah lagi hasil daripada metode pemikiran beberapa orang sahabat yang gemar menggunakan fikiran seperti 'Umar bin al-Khattab, 'Ali bin Abu Talib dan 'Abdullah bin Mas'ud sendiri.²⁵

Bagi fuqaha *al-ra'y* di Iraq, mereka berpendapat bahawa 'Abdullah bin Mas'ud dan sahabat-sahabatnya lebih mantap dalam fiqh. Oleh itu mereka mengumpul fatwa-fatwa Ibnu Mas'ud, keputusan-keputusan dan fatwa-fatwa 'Ali, keputusan-keputusan Shurayh dan kadi-kadi Kufah yang lain. Mereka melakukan kajian dan takhrij²⁶ terhadap pendapat-pendapat guru mereka. Oleh itu terhasillah bagi mereka hukum untuk masalah-masalah fiqh pada setiap bab-bab fiqh.²⁷

Sebab-sebab Berkembangnya Aliran *al-Ra'y*

Aliran yang lebih banyak menggunakan fikiran ini berkembang disebabkan beberapa faktor penting, antaranya:

- i. Fuqaha aliran ini terpengaruh dengan cara pemikiran guru-guru mereka seperti ʿAbdullah bin Masʿud dan murid-muridnya²⁸.
- ii. Kekurangan hadis yang diriwayatkan di kalangan fuqaha mereka berbanding di Madinah. Dengan kurangnya hadis maka keperluan kepada penggunaan *al-ra'y* amat mendesak yang menyebabkan mereka terpaksa lebih menggunakan *al-ra'y* melalui metode qiyas. Sebagai sebuah negeri yang berada jauh dari pusat hadis di Madinah, Iraq tidak begitu kaya dengan riwayat-riwayat hadis Rasulullah SAW. Di samping itu, daerah tersebut juga mempunyai warisan tamadun yang tinggi dan berbagai-bagai cabang ilmu pengetahuan serta juga corak hidup yang komplikated. Para fuqaha merasai tidak boleh berpada dengan hadis-hadis yang sedikit itu tetapi memerlukan sangat penggunaan fikiran (*al-ra'y*)²⁹ sebagai sokongan.

Ketamadunan Iraq yang lebih jauh pesat berbanding di Hijaz, sebagai sebuah negeri pertanian yang mempunyai pelbagai adat, sistem dan muamalat serta pengaruh tamadun Parsi dan Rom (Yunan) yang menyebabkan terjadi banyaknya masalah-masalah yang belum berlaku sebelum ini di kalangan umat Islam.³⁰ Sudah tentulah tempat yang agak maju itu terdedah kepada pelbagai masalah yang timbul dan perkara ini tidak dapat dielakkan kerana kehidupan umat Islam ketika itu semakin maju.

Iraq adalah tempat tinggal golongan Syiah dan Khawarij, juga tempat banyaknya pertelingkahan dan fitnah. Ini mendorong kepada pemalsuan hadis yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggung-jawab.³¹

Fuqaha Iraq terpaksa menyekat gejala ini dengan meletakkan beberapa syarat yang ketat seperti bertegas tidak menerima hadis yang tidak masyhur atau menyalahi kaedah-kaedah umum syarak. Pemalsuan hadis ini dilakukan oleh golongan yang benci kepada Islam atau yang mempunyai kepentingan politik atau peribadi, memaksa fuqaha di situ berhati-hati dalam penerimaan sebarang

hadis yang diriwayatkan bagi mengelakkan berhujahkan kepada hadis palsu. Mereka meletakkan syarat-syarat yang ketat dalam periwayatan hadis dan sebab itulah hanya sedikit sahaja hadis yang diterima oleh mereka setelah ditapis begitu rapi. Usaha ini pada tanggapan mereka lebih selamat bagi mengelakkan pendustaan kepada Rasulullah SAW yang mana dosanya amat besar di sisi Allah S.W.T.

Perpindahan pusat khilafah dari Hijaz ke Iraq antara penyebab berpindahnya gerakan ilmu fiqh ke situ yang sebelumnya tertumpu di Madinah³² tetapi terpaksa disesuaikan dengan sedikit perbezaan dari segi metodenya mengikut suasana dan keadaan di situ.

Keadaan suasana di Iraq memudahkannya untuk menerima aliran ini berbanding di Madinah. Sebab itulah gerakan perkembangan fikiran bergerak pantas, tambahan pula didorong oleh sebab-sebab perkembangannya yang lain. Disebabkan jauhnya perhubungan antara Madinah dan Iraq, kesukaran pengangkutan dan penapisan terhadap hadis-hadis yang diriwayatkan agar tidak ada pemalsuan, maka fuqaha Iraq meluaskan penggunaan ijtihad dan mendalamkan penggunaan *al-ra'y* melalui perantaraan dalil-dalil akal yang baru iaitu qiyas dan istihsan.³³

Metode Fuqaha *al-Ra'y* dalam Istinbat Hukum

Maksud metode fuqaha *al-ra'y* ialah cara mereka berpegang dengan fikiran (*al-ra'y*) dalam istinbat hukum.³⁴

Fuqaha *al-ra'y* berpegang kepada al-Quran dan al-sunnah dalam istinbat mereka di mana mereka tidak berbeza dengan fuqaha terdahulu dari segi beramal dengan al-kitab (al-Quran) dan al-sunnah selagi terdapat dalil dari ke duanya.³⁵ Kedua-dua metode ini merupakan perkara asas bagi para fuqaha dalam istinbat hukum tidak kira fuqaha *al-ra'y* ataupun fuqaha *al-hadith* kerana keduanya telah diijmakkan atas keuhujahannya, cuma dari segi pendekatannya sahaja yang berbeza.

Contoh fuqaha *al-ra'y* turut bersandarkan kepada dalil dari al-Quran ialah dalam masalah idah isteri yang diceritakan suaminya. Firman Allah Taala (al-Quran: al-Baqarah 2: 228):

والمطلقات يتر بصن بأنفسهن ثلاثة قروء

Maksudnya: “Perempuan-perempuan yang diceraikan suaminya hendaklah menantikan (idah) dengan sendirinya tiga kali qur’”.

Fuqaha al-ra'y menafsirkan kalimah qur' dengan makna haid, jadi mereka berpendapat idah isteri yang diceraikan berakhir dengan tiga kali haid berdasarkan ayat di atas.³⁶ Ini menyalahi pendapat fuqaha al-ḥadīth yang menafsirkan kalimah qur' dengan makna suci, jadi idah isteri yang diceraikan berakhir dengan tiga kali suci bukannya haid. Di sini kita melihat perselisihan antara dua aliran ini pada menafsirkan kalimah qur' tetapi mereka berpegang kepada dalil al-Quran yang sama.

Contoh fuqaha al-ra'y merujuk kepada hadis Rasulullah SAW pula ialah dalam masalah menqada puasa sunat. Sabda Rasulullah SAW:

روي عن عائشة أنها قالت أهديت لي ولحفصة طعام وكنا صائمين فأفطرنا ثم دخل رسول الله صلى الله عليه وسلم فقلنا له يا رسول الله أهديت إلينا هدية واشتهيناها فأفطرنا فقال صلى الله عليه وسلم لا عليكم صوما مكانه يوما آخر³⁷

Maksudnya: “Diriwayatkan daripada ‘A’ishah, dia berkata, “aku dan Hafsa telah diberikan makanan sedangkan kami (berdua) sedang berpuasa (sunat), lalu kami berbuka. Kemudian Rasul Allah SAW masuk kepada kami dan kami berkata kepadanya, “wahai Rasul Allah, kami telah diberikan makanan (sedang kami berpuasa) dan kami ingin memakannya lalu kami berbuka puasa”. Rasul Allah berkata, “tidak mengapa kamu berbuka tetapi hendaklah kamu berpuasa (menggantikannya) pada hari lain”.

Di sisi fuqaha al-ra'y terutamanya mazhab Hanafi, sesiapa yang membatalkan puasa sunat maka dia hendaklah menqada puasanya itu berdalilkan hadis di atas tetapi mazhab Shafi'i tidak menerima hadis ini kerana ia hadis *mursal* dan bagi mereka tidak perlu menqada puasa sunat jika dibatalkan.³⁸ Dalam penerimaan fuqaha al-ra'y terhadap hadis, mereka tidak menerima hadis *āḥād* dan meletakkan syarat untuk sesebuah hadis diterima, hendaklah ia mencapai tahap *mashhūr*³⁹ sekurang-kurangnya. Selain daripada al-Quran dan hadis

yang sah, jalan fikiran hukum menurut fuqaha *al-ra'y* ialah ijtihad dan qiyas.⁴⁰

Aliran *al-ra'y* juga mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang membezakannya dengan aliran *al-hadīth*. Ciri-ciri aliran fuqaha *al-ra'y* dalam istinbat mereka, antaranya ialah:

- i. Sangat sedikit dalam meriwayatkan hadis disebabkan syarat-syarat ketat yang diletakkan oleh mereka, menyebabkan hanya sedikit sahaja⁴¹ hadis yang diterima.⁴² Mereka hanya berpada dengan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi sahabat yang tinggal di Kufah dan Basrah.⁴³
- ii. Fuqaha aliran ini agak takut untuk meriwayatkan hadis disebabkan berlaku banyaknya fitnah di Iraq. Pemalsuan hadis yang banyak berlaku menyebabkan mereka amat berhati-hati dalam periwayatan hadis. Sikap berhati-hati fuqaha Iraq dalam penerimaan hadis dan banyaknya timbul masalah yang perlu diketahui hukumnya adalah penyebab utama kepada penggunaan fikiran (*al-ra'y*) oleh mereka.⁴⁴

Ketakutan fuqaha *al-ra'y* untuk meriwayatkan hadis menunjukkan keikhlasan dan kewarakan mereka kerana tidak mungkin bagi seseorang muslim untuk berpegang dengan hadis dalam syariah dalam keadaan dia tidak yakin kesahihan hadis tersebut.⁴⁵ Sudah pasti dengan hadis yang sedikit yang ada pada fuqaha Iraq tidak dapat menampung keperluan yang mendesak terhadap masalah-masalah yang ada itu, lantas mendorong mereka tidak bersikap statis atau berdiam diri sahaja.

- iii. Fuqaha aliran ini menolak untuk bersandarkan dengan hadis-hadis *ahād*⁴⁶. Mereka mensyaratkan hendaklah hadis itu *mashhūr* untuk diterima.
- iv. Tidak takut untuk memberi fatwa atau membincangkan masalah-masalah yang sudah atau belum berlaku.⁴⁷
- v. Banyak mencabangkan masalah furuk (*tafrīc al-masā'il*). Ini mendorong mereka mengandaikan masalah-masalah sebelum ianya berlaku walaupun ianya berbentuk khayalan.⁴⁸

Fuqaha *al-ra'y* gemar mengandaikan masalah-masalah yang belum berlaku. Mereka akan membincangkan sesuatu masalah, lalu mencari hukumnya, kemudian mereka akan mencabangkan furuk

masalah itu dengan berkata “*ara'ayta law kāna kazā*”⁴⁹ dan terus memperhalusi masalah itu selagi terdaya sehinggakan fuqaha *al-ḥadīth* menggelar mereka dengan panggilan *ara'aytiyyun*. Faktor utama yang mendorong mereka berbuat demikian ialah banyaknya masalah yang dihadapi mereka hasil dari ketamadunan Iraq yang pesat.⁵⁰

Slogan yang menjadi pegangan fuqaha *al-ra'y* ialah, syariat adalah hukum yang logis mempunyai tujuan-tujuan dan dasar-dasar yang harus diperhatikan. Tujuan-tujuan dan dasar-dasar itu telah diketahui sebelum Rasulullah SAW wafat. Oleh kerana itu, prinsip ijtihad sebagai hasil usaha fikiran yang sihat harus dipakai sebagaimana para sahabat terkemuka bertindak. Kalau tidak, syariah Islamiyyah mungkin menjadi beku (statis) dan ilmu hukum tidak berkembang sedangkan hadis banyak yang diragukan⁵¹ disebabkan faktor suasana di Kufah.

Fuqaha aliran ini mengkaji alasan-alasan (*al-ʿilal*) hukum dan menjadikan hukum berkisar disekitar alasan-alasan itu. Jadi cara mereka ialah cara tabii, hasil dari keperluan yang mendesak dalam kehidupan yang praktikal di mana nas-nas yang menyentuh sesuatu perkara secara khusus amat terhad sedangkan masalah-masalah baru tidak pernah ada sempadannya. Tidak dapat tidak fuqaha mesti menggunakan fikiran dan penelitian dalam penghasilan hukum fiqh di samping meraikan ruh (kaedah-kaedah umum) syarak.⁵²

Dalam erti kata lain, hukum syarak yang dinaskan ke atasnya mempunyai sebab (*ʿillah*) dan matlamat tertentu. Tugas seorang faqih ialah menyingkap sebab tersebut dan meraikan matlamatnya melalui pendapat dan ijtihadnya. Satu perkara yang disepakati ialah nas-nas syarak⁵³ amat terhad sedangkan permasalahan manusia sentiasa bertambah, oleh itu sesuatu nas syarak yang memutuskan hukum tertentu hasil dari *ʿillah* tertentu, mestilah merangkumi semua permasalahan-permasalahan yang mempunyai *ʿillah* yang sama (dengan hukum yang asal tadi) melalui penggunaan metode qiyas.⁵⁴

Memandangkan mereka berpegang dengan konsep rasionaliti syariah (*maʿqūliyyah al-sharīʿah*) serta ia terbina di atas kaedah-kaedah yang kukuh (*usūl muhkamah*) yang difahami dari al-Kitab dan al-Sunnah, ia tidak menghalang dari mereka untuk memberi fatwa berdasarkan fikiran mereka dalam masalah yang ketiadaan nas. Bahkan mereka gemar untuk mengetahui alasan-alasan (*al-ʿilal*)

dan matlamat-matlamat yang menjadi asas utama hukum yang disyorkan dan ini mungkin menyebabkan mereka menolak sesetengah hadis yang berlawanan dengan kaedah-kaedah syarak, apatah lagi sekiranya ia berlawanan dengan hadis-hadis lain yang lebih kuat.⁵⁵

Mazhab fiqh yang paling nyata menerima aliran *al-ra'y* dan berkembang ialah mazhab Hanafi. Begitu juga dengan mazhab Zaydiyyah (salah satu puak dalam Syiah) turut mengambil langkah mengikuti aliran ini dalam fiqh mereka.⁵⁶

Contoh-contoh Pertentangan Pendapat antara Aliran *al-Ḥadīth* dan *al-Ra'y*

Apabila ciri-ciri keistimewaan fuqaha kedua-dua aliran ini berbeza, maka sudah pasti cabang masalah-masalah fiqh juga akan turut berbeza mengikut cara ia diolah. Berikut adalah beberapa contoh pertentangan pendapat antara fuqaha ke dua-dua aliran tersebut untuk melihat sejauh mana perbezaan cara istinbat yang dilakukan oleh mereka.

- i. Gantian kambing *al-musarrāh*⁵⁷ (*damān al-musarrāh*) apabila diketahui ianya untuk mengabui mata pembeli. Fuqaha *al-ra'y* berpendapat bahawa si pembeli boleh mengembalikannya semula berserta nilai susu yang telah diperahnya kepada penjual. Manakala fuqaha *al-ḥadīth* berpendapat si pembeli boleh menyerahkannya kembali berserta segantang tamar (bukan nilai susu yang telah diperah) berdasarkan hadis riwayat Abu Hurayrah R.A:

من اشترى شاة مصراة فلينقلب بها فليحلبها فإن رضي حلابها أمسكها وإلا ردها ومعها صاع من تمر⁵⁸

Maksudnya, “Barangsiapa yang membeli kambing *musarrāh*, maka ternaklah ia dan perahlah susunya. Jika dia reda dengan perahan itu, maka dia bolehlah menyimpan (memiliki) kambing itu. Jikalau tidak dia boleh mengembalikannya (kepada penjual) berserta segantang tamar”.⁵⁹

Pandangan fuqaha *al-ra'y* ialah, kaedah gantian barang yang dimusnahkan (*damān al-mutlafāt*) dalam syarak ialah mengganti semula barang itu dengan sama zatnya jika ia boleh digantikan dengan barang yang sama ataupun dengan nilai barang itu jika ia hanya boleh digantikan dengan nilai sahaja. Hadis ini membawa maksud bahawa barang yang dimusnahkan itu (susu) telah ditentukan kadarnya dengan benda yang bukan berbentuk zat dan ia tidak ada nilai padanya. Ini menimbulkan syak pada kesahihan hadis ini, oleh itu mereka tidak menerima hadis ini⁶⁰ kerana berlawanan dengan kaedah umum di sisi mereka.

Pertentangan pendapat di sini timbul apabila pembeli membeli kambing *musarrāh* kerana ditipu oleh penjual. Jika pembeli reda dengan keadaan kambing itu maka tidak ada perselisihan pendapat padanya. Tetapi jika dia tahu bahawa kantung susu kambing itu besar bukan sebab banyaknya susu di dalamnya selepas memerahnya dan dia mahu mengembalikan kambing itu atas dasar *khiyār 'ayb*, fuqaha *al-ra'y* berpendapat dia boleh mengembalikan kambing itu dan juga nilai susu yang telah diperahnya kepada penjual berpandukan kaedah yang disebutkan di atas tadi.

Hadis tersebut pula difahami darinya, pembeli boleh mengembalikan kambing itu berserta segantang tamar bukannya nilai susu. Ini adalah pendapat fuqaha *al-hadīth* yang berpandukan zahir hadis.

Namun bagi fuqaha *al-ra'y*, hadis ini menjadikan benda yang dimusnahkan itu (susu) telah ditentukan kadarnya dengan benda yang bukan berbentuk zat dan ia tidak ada nilai padanya. Ini menimbulkan syak pada kesahihan hadis ini (kerana menyalahi kaedah umum di sisi mereka) sekiranya hadis ini sampai kepada mereka. Namun pada zahirnya hadis ini tidak sampai kepada mereka kerana kita dapati ada kalanya terdapat hadis yang datang menyalahi kaedah-kaedah umum tetapi mereka beramal dengan hadis tersebut dan mereka namakannya sebagai *istihsān*⁶¹.

- ii. Diat jari wanita yang dipotong: Imam Malik meriwayatkan di dalam kitab *al-Muwatta'* bahawa Rabi'ah bin °Abd al-Rahman berkata:

Aku telah bertanya kepada Sa'id bin al-Musayyib, berapa yang perlu dibayar kalau satu jari wanita dipotong?. Dia menjawab, "sepuluh ekor unta". Aku berkata lagi, "kalau dua jari?". Dia menjawab, "dua puluh ekor unta". Aku berkata lagi, "kalau tiga jari?". Dia menjawab, "tiga puluh ekor unta". Aku berkata lagi, "kalau empat jari?". Dia menjawab, "dua puluh ekor unta". Aku berkata (dengan kehairanan), "kenapa pula bila jari yang terpotong bertambah, diatnya berkurangan pula?". Lalu Sa'id berkata kepadanya, "adakah engkau ini orang Iraq (yang suka menggunakan fikiran)?" Rabi'ah menjawab, "tidak! Aku adalah orang alim yang ingin memastikan kebenaran atau orang jahil yang hendak belajar". Sa'id berkata, "beginilah (apa yang aku katakan tadi) sunnahnya" (Malik 1985: 860) bersandarkan kepada sebuah hadis:

عقل المرأة مثل عقل الرجل حتى تبلغ الثلث من ديتها⁶²

Maksudnya: "Diat wanita sama seperti diat lelaki sehinggalah sampai satu pertiga dari diatnya".

Sa'id bin al-Musayyib berpegang dengan zahir hadis ini walaupun ianya tidak tercapai maksudnya oleh akal kerana apabila datangnya nas, maka akal tidak boleh dipakai ketika itu. Sebab itulah Sa'id bin al-Musayyib mengkritik Rabi'ah, sama seperti beliau mengkritik fuqaha-fuqaha Iraq yang mencampur adukkan akal dengan nas.⁶³

Diat satu jari wanita yang dipotong ialah sepuluh ekor unta dan begitulah seterusnya, tetapi jika jari yang terpotong ialah empat jari, maka diatnya hanyalah dua puluh ekor unta sahaja, bukannya empat puluh. Ini adalah pendapat mazhab fuqaha *al-hadith* bersandarkan kepada hadis yang disebutkan di atas.

Rumusan daripada hadis ini ialah diat wanita sama dengan lelaki hinggalah sampai satu pertiga diat. Apabila lebih daripada itu maka diat wanita hanya separuh dari diat lelaki.⁶⁴ Jadi dalam

Metode Aliran al-Hadīth dan Aliran al-Ra'y

hal ini, ia hanya melibatkan wanita sahaja dan bagi lelaki, diat empat jarinya yang terpotong ialah 40 ekor unta.

Bagi Rabi'ah yang beralirankan *al-ra'y*, beliau tidak dapat menerima pendapat ini kerana berdasarkan fikirannya sudah tentulah jika empat jari wanita yang terpotong, maka diatnya ialah empat puluh ekor unta. Oleh sebab itulah beliau menyoal Sa'id apabila jari yang terpotong bertambah, kenapa diatnya berkurangan dengan penuh kehairanan. Sikap Rabi'ah yang menggunakan logik akal ini dibidas oleh Sa'id bin al-Musayyib yang mengatakan, apabila adanya hadis maka ia perlu dipatuhi walaupun kandungan isinya tidak dapat difahami oleh akal. Tidak ada tempat untuk akal jika adanya nas.

Dialog antara ke dua-dua orang faqih ini menunjukkan bahawa betapa Sa'i bin al-Musayyib berpegang dengan al-sunnah dan bagaimana Rabi'ah bin 'Abd al-Rahman lebih cenderung menggunakan akal dalam masalah ini untuk sampai kepada hukum yang adil pada pendapat masing-masing.⁶⁵

iii. Diat jari: diriwayatkan daripada al-Sha'bi dia berkata:

Seorang lelaki datang kepada Shurayh lalu bertanya tentang diat jari. Shurayh menjawab, "setiap jari sepuluh ekor unta". Lelaki itu berkata, "Maha Suci Allah! Jari ini (ibu jari) dan jari ini (jari kelingking) sama saja diatnya (sedangkan manfaatnya tidak sama)?". Shurayh berkata, "celaka engkau. Dengan adanya sunnah, ia menegah dari berqiyas. Ikut sahaja sunnah dan jangan engkau melakukan bidah".⁶⁶

Sikap lelaki itu yang menggunakan logik akal dalam memahami jawapan kepada soalnya itu telah ditegur oleh Shurayh. Teguran ini adalah wajar kerana adanya hadis lain daripada Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas:

هذه وهذه سواء⁶⁷

Maksudnya: "*Jari ini dan jari ini, diatnya sama sahaja*". Yakni jari kelingking, jari manis dan ibu jari.

Satu riwayat yang lain pula, Nabi bersabda:

دية أصابع اليمين والرجلين سواء عشر من الإبل لكل أصبع⁶⁸

Maksudnya: “Diat bagi jari tangan dan kaki adalah sama iaitu sepuluh ekor unta bagi setiap jari⁶⁹”.

Ini membuktikan bahawa fuqaha *al-ra'y* juga berpegang dengan hadis sahih sekiranya ada dan mengeneipkan fikiran seperti yang dilakukan oleh Shurayh, salah seorang dari fuqaha *al-ra'y*. Mereka hanya menggunakan fikiran jika tiada nas yang sahih.

- iv. Jika dibunuh al-Ahnaf (seorang dewasa) dan seorang budak kecil: Al-Sha[‘]bi (faqih Iraq yang beraliran *al-ḥadīth*) berkata:

“Apa pendapat kamu jika al-Ahnaf bin Qays dibunuh dan seorang budak kecil juga dibunuh, adakah diat kedua-duanya sama ataupun dilebihkan diat al-Ahnaf kerana akalinya dan balighnya? Mereka menjawab, bahkan diat mereka berdua sama sahaja’. Lalu al-Sha[‘]bi berkata, ‘qiyas di sini tidak membawa erti apa-apa’.⁷⁰”

- v. Mengangkat tangan ketika *takbirat al-ihram* dalam sembahyang: Sufyan bin [‘]Uyaynah meriwayatkan bahawa Abu Hanifah dan al-Awza[‘]i bertemu di Dar al-Hannatin di Mekah, lalu al-Awza[‘]i berkata kepada Abu Hanifah:

Kenapa kamu tidak mengangkat tangan ketika rukuk dan ketika bangun darinya (iktidal)? Abu Hanifah menjawab, “kerana tidak ada nas sahih daripada Nabi SAW menyebut tentangnya”. Al-Awza[‘]i berkata lagi, “bagaimana pula, sedangkan al-Zuhri meriwayatkan kepadaku daripada Salim, daripada ayahnya daripada Rasulullah SAW bahawa baginda mengangkat tangan ketika memulakan sembahyang (*takbirat al-ihram*), ketika rukuk dan ketika bangun daripada rukuk”. Abu Hanifah berkata, “Hammad meriwayatkan kepada kami, daripada Ibrahim daripada [‘]Alqamah dan al-Aswad daripada Ibnu Mas[‘]ud bahawa Rasulullah SAW tidak mengangkat tangannya kecuali pada permulaan sembahyang sahaja dan baginda tidak mengangkat selain daripada itu”. Al-Awza[‘]i berkata, “aku meriwayatkan

kepada kamu daripada al-Zuhri, daripada Salim daripada ayahnya. Kamu pula berkata Hammad meriwayatkan kepadaku, daripada Ibrahim?" Abu Hanifah menjawab, "Hammad lebih faqih dari al-Zuhri. Ibrahim pula lebih faqih dari Salim. °Alqamah tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan Ibnu °Umar walaupun Ibnu °Umar itu sahabat Nabi atau dia mempunyai kelebihan dari segi kesahabatannya. Begitu juga dengan al-Aswad, beliau mempunyai banyak kelebihan. °Abdullah (bin °Umar) tetap °Abdullah. Al-Awza°i terdiam selepas itu.⁷¹

Sesetengah orang menyangka bahawa Abu Hanifah tidak menerima hadis. Ini adalah silap faham yang berpunca dari tidak memahami masalah ini. Jikalau diperhatikan, ternyata imam Abu Hanifah juga menerima hadis dalam hujahnya. Namun beliau hanya menerima riwayat yang pada pendapatnya lebih kuat daripada riwayat al-Awza°i berdasarkan kata-katanya di atas. Jadi dalam mazhab Hanafi, mengangkat tangan hanya disunatkan ketika *takbīrat al-ihrām* sahaja dan tidak pada tempat-tempat selainnya.

Asas Perbezaan antara Aliran *al-Hadīth* dan Aliran *al-Ra'y*

Metode yang berbeza yang dipegang oleh dua aliran ini menyebabkan masing-masing menuduh antara satu sama lain dan masing-masing mendakwa cara merekalah yang terbaik dan patut diikuti. Tidak hairanlah jika fuqaha *al-hadīth* menuduh fuqaha *al-ra'y* jauh daripada sunnah, suka berfatwa di dalam agama dengan fikiran mereka, meninggalkan nas hanya untuk menggunakan fikiran mereka dan mengenenpikan beberapa hadis hanya kerana menyalahi qiyas di sisi mereka.⁷²

Begitulah sebaliknya, fuqaha *al-ra'y* pula menuduh fuqaha *al-hadīth* agak statis kerana hanya berpada dengan zahir nas sahaja tanpa mahu mengkaji tentang alasan-alasan hukum (*al-°ilal*) dan kurangnya fiqh mereka serta kurangnya tindakan (*tasarruf*) mereka⁷³ dalam mengkaji mengenai logika hukum. Di sebalik tuduhan-

tuduhan tersebut, masing-masing mempertahankan cara dan metode yang dipegang oleh mereka.

Asas perbezaan kedua-dua aliran ini bukanlah pada berhujah dengan al-Quran dan sunnah yang sahih, kerana kedua-duanya mengakui akan kewajipan berpegang dengan nas al-Quran dan sunnah yang sahih apabila ianya ada dan tidak boleh berhukum dengan perkara lain jika adanya nas.

Fuqaha *al-ra'y* tidak mendahulukan fikiran mereka ke atas sunnah yang sahih.⁷⁴ Mereka tidak mendahului qiyas ke atas sunnah kecualilah ada di antara mereka yang tidak sampai hadis kepadanya dalam masalah itu ataupun ada hadis yang diriwayatkan kepadanya tetapi dia kurang yakin dengan sanadnya lalu dia memberi fatwa dengan fikirannya.

Mungkin terkadang fatwanya itu menyalahi sunnah (hadis) yang tidak diketahuinya ataupun dia mengetahuinya tetapi dia tidak yakin dengan riwayatnya ataupun hadis itu menyalahi riwayat yang lebih kuat daripadanya pada pandangannya.⁷⁵ Contoh-contoh yang dibawakan sebelum ini menolak sangkaan orang yang mengatakan bahawa fuqaha *al-ra'y* menolak hadis.

Sebenarnya fuqaha *al-ra'y* hanya akan menggunakan fikiran mereka setelah ketiadaan sunnah (hadis) sahih mengikut syarat-syarat yang diletakkan oleh mereka ataupun hadis yang datang itu menyalahi kaedah-kaedah umum di sisi mereka.⁷⁶ Apabila adanya sunnah sahih maka ialah penentu dan inilah yang diijmakkan oleh ulama.

Walaupun begitu, tidaklah maksud fuqaha Hijaz berpegang dengan hadis, mereka mengabaikan fikiran dan tidak menggunakannya. Begitu juga fuqaha Iraq yang berpegang dengan fikiran, mereka mengabaikan hadis. Bahkan kedua-duanya meyakini bahawa al-Quran dan sunnah merupakan sumber tashrik yang utama. Cuma yang membezakan ke duanya ialah fuqaha Iraq lebih banyak menggunakan fikiran daripada fuqaha Hijaz dan fuqaha Hijaz pula lebih banyak menggunakan hadis daripada fuqaha Iraq.⁷⁷

°Abd al-Karim Zaydan menyatakan bahawa asas perbezaan ke dua-dua aliran ini ialah:

- i. Pada penggunaan fikiran (*al-ra'y*).
- ii. Mencabangkan furuk masalah (*tafrīḥ al-masā'il*) berdasarkan fikiran.⁷⁸

Penggunaan *al-ra'y* lebih ketara dikalangan fuqaha Iraq disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang disebutkan sebelum ini dan mengandaikan masalah telah menjadi amalan mereka berbanding fuqaha Hijaz yang lebih suka berdiam diri dari membicarakan hal-hal yang belum berlaku.

Menurut Muhammad Abu Zahrah pula, di Iraq ada penggunaan fikiran dan juga ada penggunaan hadis oleh fuqaha. Di Madinah, ada penggunaan fikiran di samping hadis yang memang dipegang oleh fuqahnya. Yang membezakan antara kedua aliran ini ialah:

- i. Kadar penggunaan fikiran di Iraq lebih daripada di Hijaz.
- ii. Jenis ijthad dengan fikiran yang diamalkan di kedua-dua tempat tersebut. Jenis ijthad fikiran di sisi fuqaha Iraq ialah mengikut metode qiyas, manakala ijthad fikiran di sisi fuqaha Hijaz ialah mengikut metode masalahah. Oleh itu, banyaknya pencabangan masalah fiqh dan pengeluaran fatwa dalam hal-hal yang belum berlaku di Iraq disebabkan oleh penggunaan qiyas. Bentuk begini dinamakan sebagai fiqh andaian. Manakala di Madinah, cara fiqh begini tidak ada kerana ijthad fikiran mereka berbentuk masalahah, ianya tidak dapat dicapai kecuali pada masalah-masalah yang telah berlaku dan ia tidak dapat dicapai melalui andaian sahaja.⁷⁹

Kesimpulan

Kedua-dua aliran tersebut sebenarnya berpegang kepada asas yang sama iaitu al-Quran, Sunnah, ijmak dan qiyas, hanya dari segi pendekatannya sahaja yang berbeza. Perbezaan pendekatan antara keduanya lahir dari pengaruh setempat, budaya, nilai keintelektualan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Sebenarnya ke dua-dua aliran ini mempunyai kelebihan dan keistimewaan masing-masing. Walaupun mungkin ada perasaan tidak senang hati antara satu sama lain atau fuqaha kedua-dua aliran

ini dikritik hebat, namun mereka hanyalah mencari jalan yang terbaik dalam mengetahui hukum hakam menurut pandangan mereka.

Tidak ada perselisihan pada perkara pokok. Ia hanya melibatkan perselisihan pada perkara cabang sahaja iaitu penggunaan fikiran dalam istinbat hukum. Fikiran tidak ditolak secara mutlak dan ia juga tidak diterima secara mutlak. Ia perlu diawasi melalui syarak agar sentiasa mengikuti lunas-lunas yang diiktiraf oleh syariat Islam.

Bagi fuqaha terkemudian pula, mereka perlu meneliti dan mengkaji metode aliran *al-ḥadīth* dan metode aliran *al-ra'y* dan menggunakannya dengan sebaik-baik mungkin, dalam erti kata yang lain ke dua-dua metode ini boleh menjadi panduan bagi mereka apabila berhadapan dengan masalah-masalah baru yang timbul di zaman ini.

Nota

- ¹ Lihat Teuku Iskandar 1998: 887, Kamus Dewan Inggeris Melayu 1991: 957, *al-Muʿjam al-ʿArabi al-Asasi* t.th: 1234 & *al-Muʿjam al-Wasit* t.th: 957.
- ² *al-Dimashqi* 1994: 14.
- ³ Maksudnya ialah perselisihan yang tidak membawa kepada pertentangan pokok atau dasar. Mereka tidak berselisih pendapat tentang kehujahan dalil-dalil yang disepakati bersama iaitu al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas. Perbezaannya ialah cara dalil-dalil ini diolah mengikut metode masing-masing. Mungkin seorang mujtahid bersandar kepada hadis *ahad* manakala seorang lagi menolak penggunaannya di atas sebab-sebab tertentu, maka ini akan menyebabkan berlaku perselisihan pendapat tetapi tentang kehujahan hadis secara mutlak tiada siapa pun yang menolaknya. Lihat Tawilah t.th: 85.
- ⁴ Lihat *al-Dimashqi* 1994: 14 & Tawana t.th: 42.
- ⁵ Metode adalah penting berdasarkan kepada dua aspek. Yang pertama, ia penting bagi imam atau mujtahid itu sendiri kerana dengan metode tententulah beliau mampu mengistinbatkan hukum-hukum syarak. Ini supaya beliau tidak terawang-awang dalam mencari keputusan untuk sesebuah permasalahan. Metode yang sistematik, teratur dan kemas mampu menghasilkan hukum-hukum yang lebih dipercayai. Yang kedua, ia penting bagi para pengikut metode tersebut dan juga bagi orang-orang terkemudian. Pendokong kepada metode tersebut mestilah mengetahui metode imam mereka supaya dapat memperkuatkan lagi hujah-hujah yang dikemukakan

oleh imam mereka seterusnya dapat mempertahankan metode itu dari diserang atau dipertikaikan oleh orang-orang luar. Bagi orang-orang terkemudian pula, mereka boleh mengkaji metode-metode yang wujud di zaman kegemilangan fiqh, membuat perbandingan dan penyelidikan bagi membongkar khazanah-khazanah ilmu Islam untuk tatapan umat Islam.

⁶ al-Hasan 1997: 177.

⁷ Sha'ban 1985: 279-280.

⁸ Al-Says t.th: 73.

⁹ al-Qattan 1995b: 228.

¹⁰ Imigrasi: perihal masuk ke negeri asing untuk menetap.

¹¹ Mahmood Zuhdi 1992: 115.

¹² Al-Says t.th: 73.

¹³ al-Nabhan 1981: 151.

¹⁴ Hadis ini diriwayatkan oleh 'A'ishah r.ªa dalam *Sunan Ibnu Majah* no. 2521 (*Bab al-Mukatab*).

¹⁵ Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurayrah dalam *Sunan al-Tirmizi* no. 523 (*Bab Ma Ja'a Fi man Adraka Min Al-Jum'ah Rak'atan*). Al-Tirmizi berkata, "hadis ini hasan lagi sahih".

¹⁶ Hadis *mursal* ialah hadis yang gugur sanadnya setelah tabiin. Yang dimaksudkan dengan gugur di sini ialah nama sanad (perawi) terakhir, yakni nama sahabat tidak disebutkan, pada hal sahabat adalah orang yang pertama menerima hadis daripada Rasulullah SAW. Contoh fuqaha al-ḥadīth beramal dengan hadis *mursal* ialah dalam masalah seorang lelaki yang ingin berkahwin dengan wanita yang dizinainya. Mereka mengatakan ia tidak haram dengan beralaskan hadis *mursal* yang diriwayatkan oleh Ibnu Shihab al-Zuhri daripada 'Urwah daripada 'A'ishah, dia berkata:

سئل رسول الله عن رجل زنا بامرأة فأراد أن يتزوجها أو ابنتها فقال لا يحرم الحرام الحلال وإنما يحرم ما كان بنكاح

Maksudnya: "Rasulullah SAW telah ditanya tentang seorang lelaki yang berzina dengan seorang wanita lalu dia ingin berkahwin dengannya atau anaknya. Lalu Rasulullah menjawab, "perkara yang haram (zina) tidak mengharamkan perkara yang halal (berkahwin). Hanya yang diharamkan ialah apa yang bersangkutan dengan perkahwinan itu". Hadis ini diriwayatkan oleh 'A'ishah di dalam *Sunan al-Darqutni* no. 3638 (*Kitab al-Nikah*). Majdi bin Mansur bin Sayyid al-Shura berkata, "sanad hadis ini sangat daif kerana padanya ada perawi bernama 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Zuhri. Riwayatnya ditinggalkan".

¹⁷ Hadis *ahad*: secara bahasanya *ahad* atau *wahid* bererti satu. Maka khabar *ahad* atau khabar *wahid* adalah satu berita yang disampaikan oleh satu

orang. Dari segi istilahnya pula bererti hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat hadis mutawatir atau dengan erti kata lain ia diriwayatkan oleh sekumpulan perawi yang tidak sampai ke tahap tertentu dalam tiga zaman, sahabat, tabiin dan tabi tabiin.

- ¹⁸ Khalifah Babakr al-Hasan 1997: 217-223.
- ¹⁹ Mahmood Zuhdi 1992: 122.
- ²⁰ Al-Sha'bi meriwayatkan daripada Masruq, dia berkata: Aku telah bertanya Ubayy bin Ka'ab tentang suatu masalah lalu beliau berkata, "adakah masalah itu telah berlaku". Aku menjawab, "belum". Beliau berkata, "biarkan ia hinggalah ia benar-benar berlaku". Lihat Ahmad Farraj & al-Sariti 1992: 330.
- ²¹ al-Qattan 1995: 228.
- ²² Contoh fuqaha *al-hadīth* beramal dengan hadis *ahad* ialah dalam masalah buang daerah bagi penzina yang tidak muhsan, mereka bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah:
أن النبي صلى الله عليه وسلم قضى فيمن زنا ولم يحصن بنفي عام وبإقامة الحد عليه
Maksudnya: *Nabi SAW telah memutuskan hukuman kepada penzina yang tidak muhsan dengan buang daerah selama setahun dan dijalankan hukuman had (sebatan seratus rotan) ke atasnya. Hadis ini adalah hadis ahad yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah dalam Sahih al-Bukhari no. 6444 (Bab al-Bikran Yujladani Wa Yunfayani).*
- ²³ Ahmad Farraj & al-Sariti 1992: 330.
- ²⁴ Lihat Zaydan 1990:115 & Muhammad Yusuf Musa 1954: 51.
- ²⁵ al-Nabhan 1981: 152.
- ²⁶ Takhrij berlaku dalam dua bentuk. Yang pertama ialah apabila seorang mujtahid mendapati imam mazhabnya tidak mengeluarkan pendapat terhadap sesuatu masalah, lalu beliau mengtakhrij (atau dalam erti kata yang lain mengistinbat) hukum (baru) bagi masalah itu yang menepati usul dan kaedah imam mazhabnya. Yang kedua ialah apabila seorang mujtahid mendapati bagi imam mazhabnya ada dua pendapat yang berlainan bagi dua masalah yang hampir sama dalam dua masa yang berlainan maka beliau melakukan takhrij (kajian) terhadap dua pendapat imamnya itu dan mengeluarkan pendapatnya pula terhadap masalah itu. Jadi dalam satu-satu masalah tadi ada dua pendapat, satu pendapat bagi imamnya (*qawl mansus*) dan satu lagi pendapatnya sendiri (*qawl mukharraj*).
- ²⁷ Sha'ban 1985: 281.
- ²⁸ Zaydan 1990: 116 & Sha'ban 1985: 282.
- ²⁹ Lihat Mahran 1983: 90, .Zaydan 1990: 117, Sha'ban 1985: 282 & Mahmood Zuhdi: 1992: 123.

- ³⁰ Lihat al-Hasri 1988: 96 & Mahran 1983: 90.
³¹ al-Hasri 1988: 96.
³² al-Nabhan 1981: 153.
³³ Lihat al-Nabhan 1981: 153 & al-Rafi'ī 1993: 106-107.
³⁴ al-Nabhan 1981: 155.
³⁵ al-Khudari Bek 1994: 93.
³⁶ al-Khafif 1965: 110.
³⁷ Hadis ini diriwayatkan oleh 'A'ishah dalam *Sunan Abi Dawud* no. 2457 (*Bab Man Ra'a' Alayh al-Qada'*).
³⁸ al-Khafif 1965: 101.
³⁹ Contoh fuqaha al-ra'y bersandar kepada hadis-hadis masyhur sahaja ialah hadis:

البينة على المدعي واليمين على من أنكر

Maksudnya: "Orang yang mendakwa hendaklah membawa bukti dan orang yang mengingkari hanya perlu bersumpah". Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu' Abbas di dalam *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra* no. 20990 (*Kita al-Da'wa Wa al-Bayyinah: Bab al-Bayyinah 'Ala al-Mudda'i Wa al-Yamin 'Ala al-Mudda'a 'Alayh*). Mereka mentarjihkan hadis ini ke atas hadis ahad yang berlawanan maksudnya:

من كانت له طلبة عند أخيه فعليه البينة والمطلوب أولى باليمين فإن
نكل حلف الطالب وأخذ

Maksudnya: "Sesiapa yang ada hajat terhadap saudaranya, maka hendaklah dia membawa bukti. Orang yang dituntut lebih sesuai untuk bersumpah. Sekiranya dia enggan maka si penuntut hendaklah bersumpah dan mengambil haknya". Hadis ini diriwayatkan oleh 'Abd al-Malik bin Habib dalam *Talkhis al-Habir* karangan al-'Asqalani no. 2143 (*Kitab al-Da'wa Wa al-Bayyinah*). Hadis ini juga disebut dalam *al-Muhalla* karangan Ibnu Hazm (Mas'alah: Bab Lam Yakun Li al-Talib Bayyinah Wa Aba al-Matlub Min al-Yamin, Ujbira 'Alayh). Abu Muhammad berkata, "hadis ini mursal".

- ⁴⁰ Muhammad Yusuf Musa 1954: 50.
⁴¹ Contohnya Ibrahim bin Yazid al-Nakha'i dan imam Abu Hanifah sendiri amat sedikit bersandar kepada hadis kerana sikap berhati-hatinya dalam menerima sebarang hadis, malah dikatakan hadis sahih yang ada pada imam Abu Hanifah tidak sampai dua puluh hadis. Namun sebenarnya mereka hanya bersandarkan kepada hadis yang didapati benar-benar sahih atau sekurang-kurangnya sampai tahap *mashhur*.

Sejarah Perundangan Islam

- ⁴² Lihat al-Hasri 1988: 101, al-Qattan 1995: 227 & al-Says t.th: 75.
- ⁴³ Ahmad Farraj & al-Sariti 1992: 331.
- ⁴⁴ Lihat Sha'ban 1985: 283, Ahmad Farraj & al-Sariti 1992: 332.
- ⁴⁵ al-Nabhan 1981: 156.
- ⁴⁶ al-Nabhan 1981: 156.
- ⁴⁷ Lihat Badran Abu al-^cAynayn Badran t.th: 127, Sha'ban 1985: 282 & al-Nabhan 1981: 155.
- ⁴⁸ Lihat al-Qattan 1995: 226, al-Says t.th: 75 & al-Hasri 1988: 101.
- ⁴⁹ Maksudnya, "Cuba kamu lihat, kalau masalah ini begini....".
- ⁵⁰ Lihat al-Qattan 1995: 226 & Badran Abu al-^cAynayn Badran t.th: 127.
- ⁵¹ Muhammad Yusuf Musa 1954: 50.
- ⁵² al-Rafi'i 1993: 108.
- ⁵³ Nas-nas yang menyentuh sesuatu perkara secara khusus. Dalam al-Quran, kebanyakan ayat hanya menyentuh dasar atau pokok utama sesuatu perkara dan meninggalkan ruang kepada mujtahid untuk berijtihad dalam skop yang tidak menyalahi kehendak syarak berdasarkan kaedah-kaedah umum.
- ⁵⁴ Iaitu menyamakan hukum furuk (baru) yang tidak dinaskan hukumnya dengan hukum usul (asal) yang dinaskan hukumnya disebabkan persamaan sebab (^cillah) antara keduanya. Contohnya, hukum tuak tidak dinaskan dalam al-Quran dan sunnah. Maka hukumnya diqiyaskan ke atas hukum arak (yang dinaskan pengharamannya dalam al-Quran dan hadis) kerana sebabnya (^cillah) sama iaitu memabukkan. Jadi tuak juga dihukumkan haram kerana diqiyaskan ke atas arak. Lihat al-Nabhan 1981: 155.
- ⁵⁵ al-Khudari Bek 1994: 93.
- ⁵⁶ al-Rafi'i 1993: 108.
- ⁵⁷ Kambing *al-musarrah* ialah kambing yang tidak diperah susu dalam kantung susunya agar ia kelihatan banyak susu. Tujuan dilakukan begini untuk menipu pembeli agar terpedaya dengan kantung kambing yang banyak susu lalu membelinya. Perbuatan ini amat ditegah oleh syarak.
- ⁵⁸ Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurayrah dalam *Sahih Muslim* no. 1524 (*Bab Hukm Bay' al-Musarrah*).
- ⁵⁹ al-Khudari Bek 1994: 94.
- ⁶⁰ Idris Jum'ah t.th: 518.
- ⁶¹ al-Khudari Bek 1994: 95.
- ⁶² Hadis ini diriwayatkan oleh ^cAmru bin Shu'ayb daripada ayahnya daripada datuknya dalam *Sunan al-Darqutni* no. 38 (*Kitab al-Hudud Wa al-Diyyat Wa Ghayrihi*).
- ⁶³ Lihat Sha'ban 1985: 284 & al-Qattan 1995: 229
- ⁶⁴ Sya'ban 1985: 284.

Metode Aliran al-Ḥadīth dan Aliran al-Ra'y

- ⁶⁵ Badran Abu al-°Aynayn Badran t.th: 128.
- ⁶⁶ Sha°ban 1985: 284.
- ⁶⁷ Hadis ini diriwayatkan oleh °Abdullah bin °Abbas dalam *Sunan al-Tirmizi* no. 1396 (*Bab Ma Ja'a Fi Diyyat al-Asabi°*). Al-Tirmizi berkata, "hadis ini hasan lagi sahih".
- ⁶⁸ Hadis ini diriwayatkan oleh °Abdullah bin °Abbas dalam *Sunan al-Tirmizi* no. 1395 (*Bab Ma Ja'a Fi Diyyat al-Asabi°*). Al-Tirmizi berkata, "hadis Ibnu °Abbas ini hasan lagi sahih tetapi gharib (pelik)".
- ⁶⁹ al-Hasri 1988: 98.
- ⁷⁰ Lihat Sha°ban 1985: 284 & al-Khudari Bek 1994: 94.
- ⁷¹ Lihat al-Khudari Bek 1994: 94-95 & al-Hasri 1988: 98-99.
- ⁷² Lihat Abu Zahrah t.th.a: 260, Idris Jum°ah Darrar Bashir t.th: 517 & al-Khudari Bek 1994: 94.
- ⁷³ Lihat Sha°ban 1985: 283 & Idris Jum°ah t.th: 517.
- ⁷⁴ Ahmad Farraj & al-Sariti 1992: 332.
- ⁷⁵ al-Khudari Bek 1994: 94.
- ⁷⁶ Lihat Mahran 1983: 90 & Badran Abu al-°Aynayn Badran t.th: 126.
- ⁷⁷ al-Hasri 1988: 96-97.
- ⁷⁸ °Abd al-Karim Zaydan 1990: 115.
- ⁷⁹ Muhammad Abu Zahrah t.th.a: 260.

BAB 3

Pengaruh Aliran *al-Hadīth* dan *al-Ra'y* Terhadap Imam-imam Mazhab

Aliran *al-ḥadīth* telah berkembang menjadi mazhab Maliki, mazhab Shafi'i, mazhab Hanbali dan mazhab Zahiri. Manakala aliran *al-ra'y* pula berkembang menjadi mazhab Hanafi. Pertembungan antara aliran *al-ḥadīth* dan *al-ra'y* berterusan sehingga kepada pengamalannya iaitu imam-imam mazhab. Namun pertembungan ini bukanlah negatif, tetapi pertembungan pendapat dan ijtihad dalam fiqh yang memangnya ia menjadi ciri-ciri syariat Islam.

Dalam bab ini, akan dibahaskan tentang pengaruh aliran *al-ḥadīth* dan *al-ra'y* terhadap imam-imam mazhab dan sejauh mana pengamalan mazhab-mazhab ini selari dengan cara dan metode kedua-dua aliran tersebut.

Zaman fuqaha kedua-dua aliran bermula ketika pemerintahan Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang dibaiah oleh umat Islam ketika itu pada tahun 41H. Dengan terlantiknya Mu'awiyah sebagai khalifah maka bermulalah empayar pemerintahan Bani Umawiyah. Tetapi pemerintahan ini tidak mendapat sokongan semua pihak terutamanya Khawarij dan Syiah. Kedua-dua pihak ini sering menggugat kedudukan Mu'awiyah dan dengan itu berlaku beberapa pertempuran antara mereka. Namun sering kemenangan berpihak kepada tentera Mu'awiyah kerana kekuatan mereka.

Ketika kekalutan suasana politik yang tidak menentu ini, ramai fuqaha termasuk fuqaha *al-ḥadīth* dan *al-ra'y* mengambil sikap berdiam diri untuk tidak mengeruhkan lagi suasana yang sedia ada. Tidak ramai ulama ahl al-Sunnah wa al-Jamaah yang melibatkan diri dengan kegiatan politik atau menjadi penasihat khalifah. Niat mereka hanyalah menyampaikan ilmu agama kepada umat Islam kerana bagi mereka ini dapat mengurangkan pergeseran sesama umat Islam.

Para ulama ini tidak menegur kezaliman khalifah secara terang-terangan untuk mengelakkan perkara yang lebih buruk berlaku walaupun di dalam hati mereka amat membenci kezaliman itu. Sesiapa yang memberontak terhadap khalifah atau disyaki terlibat akan ditangkap ataupun dibunuh seperti yang berlaku kepada Sa'id bin Jubayr yang dibunuh oleh al-Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi.

Pemerintahan Umawiyah berganti khalifah demi khalifah dan sampai pada satu tahap, ia diperintah oleh khalifah yang adil iaitu 'Umar bin 'Abd al-'Aziz. Beliau amat disukai oleh semua umat Islam kerana pemerintahannya yang adil. Beberapa orang fuqaha turut menjadi penasihat dan pembantu kepada beliau seperti 'Ubayd Allah bin 'Abdullah bin 'Utbah bin Mas'ud al-Huzali dan Sulayman bin Yasar. Ketika pemerintahan beliau juga, dua orang imam mazhab iaitu Imam Abu Hanifah dan Imam Malik sedang membesar di mana mereka berdua pernah merasai pahit manis pemerintahan khalifah Umawiyah.

Setelah pemerintahan Umawiyah berakhir, Bani 'Abbasiyyah pula menggantikan tempat Bani Umawiyah untuk memerintah. Sama keadaan dengan sebelum ini, pemerintahan Abbasiyyah juga tidak terlepas daripada penentangan terhadap pemerintahan mereka. Bagi Imam Abu Hanifah dan Imam Malik yang pernah hidup dalam pemerintahan Umawiyah, mereka sudah lali dengan keadaan itu. Sebab itulah mereka tidak mencampuri urusan kerajaan dan menumpukan kepada pengajian dan pengajaran. Walaupun mereka tidak terlibat dengan politik, namun mereka tidak terlepas dari bahangnya yang menyebabkan mereka dipukul dan dipenjarakan.

Secara sepintas lalu, kita melihat persamaan yang ada antara zaman fuqaha kedua-dua aliran fiqh dan zaman imam-imam mazhab ialah ketidakterlibatan mereka dalam urusan politik atau kerajaan walaupun mereka mengetahui ada khalifah yang bersikap zalim terhadap umat Islam. Tujuan mereka ialah untuk tidak memburukkan lagi perpecahan yang sedia ada dan dengan diamnya mereka ialah untuk menjaga kemaslahatan umat Islam itu sendiri. Mereka hanya menumpukan perhatian kepada ilmu agama dan mewarisinya kepada anak-anak murid mereka yang datang selepas itu.

Imam Abu Hanifah

Beliau adalah al-Nu^oman bin Thabit bin al-Nu^oman¹ bin al-Marzuban. Dilahirkan di Kufah pada tahun 80H bersamaan 699M dan digelar dengan panggilan Abu Hanifah.²

Datuk Imam Abu Hanifah iaitu al-Nu^oman (Zuta), berasal dari Parsi dan telah dijadikan hamba semasa orang-orang Arab Muslim membuka kota Khurasan, Parsi dan Iraq. Atas dasar sikap baik para mujahidin, beliau kemudiannya dibebaskan tidak lama selepas beliau dijadikan hamba. Beliau memberikan taat setianya kepada Bani Taym bin Tha^olabah (satu Kabilah Arab). Beliau juga telah memeluk agama Islam dan berpindah dari tempat asalnya Kabul dan berhijrah ke kota berhampiran dengan Parsi iaitu ke Kufah.

Di Kufah, datuknya itu bertemu dengan Sayyidina ^oAli bin Abu Talib dan menghadiahkan *Faluzaj*³ kepada Amir al-Mu^ominin ketika perayaan *al-Nayruz*.⁴ Ini menunjukkan beliau mempunyai ikatan yang mesra dengan Sayyidina ^oAli. Beliau juga telah mendapat seorang anak yang dinamakan Thabit yang didoakan oleh Sayyidina ^oAli agar anak ini beroleh keberkatan pada zuriatnya. Sesungguhnya Allah SWT telah memperkenankan doa ini, dengan lahirnya seorang bayi yang diberi nama al-Nu^oman atau lebih dikenali dengan panggilan Abu Hanifah.⁵

Imam Abu Hanifah membesar di Kufah dalam sebuah keluarga Islam yang kaya dan merupakan anak tunggal dalam keluarganya. Bapanya seorang penjual kain sutera dan mempunyai kedai di Kufah serta diwarisi oleh Abu Hanifah. Beliau seorang penjual baju sutera di Kufah dan mempunyai sifat-sifat yang baik seperti bersikap jujur dalam hubungan dengan pembeli, memberitahu harga dengan sebenarnya dan kurang gemar dalam tawar menawar harga.⁶

Abu Hanifah tidak mempelajari ilmu agama semenjak dari kecil kerana membantu ayahnya menguruskan kedai menjual sutera. Beliau mempelajarinya hanyalah ketika beliau remaja dan setelah bertemu dengan seorang ulama terkemuka, iaitu al-Sha^obi yang banyak mendorong beliau dalam menuntut ilmu.⁷

Semenjak itu, beliau telah mendambakan dirinya kepada ilmu dan mendampingi para ulama sehinggalah ke akhir hayatnya. Beliau sering berada di halaqah-halaqah ilmu di masjid Kufah mempelajari

akidah, hadis, fiqh dan al-Quran al-Karim. Setelah itu beliau pergi belajar di Basrah dan kemudiannya pulang semula ke Kufah dan mendalami ilmu fiqh dengan mengkaji cara-cara istinbat hukum untuk menghadapi permasalahan-permasalahan baru yang timbul pada zamannya.⁸

Hampir ke semua penulis tentang sejarah hidup Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa beliau tidak mengarang sebuah kitab pun dan pendapat-pendapatnya dihimpunkan oleh anak-anak muridnya. Walau bagaimanapun, Imam Abu Hanifah adalah orang pertama yang mencabangkan furuk dan membincangkan masalah fiqh. Pendapat-pendapat dan fatwanya telah dihimpun oleh anak muridnya Muhammad bin al-Hasan di dalam enam kitab yang menghimpunkan fiqh Abu Hanifah. Kitab-kitab itu ialah *al-Mabsūṭ*, *al-Jāmi' al-Kabīr*, *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, *al-Siyar al-Kabīr*, *al-Siyar al-Ṣaghīr* dan *al-Ziyādāt*.⁹

Abu Hanifah hidup dalam dua pemerintahan iaitu pemerintahan Bani Umawiyah selama 52 tahun dan pemerintahan Bani °Abbasiyah selama 18 tahun. Beliau dilahirkan semasa pemerintahan Bani Umawiyah masih diperingkat permulaan di bawah khilafah °Abd al-Malik bin Marwan. Beliau juga sempat melihat kekejaman al-Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafī terhadap penentang Bani Umawiyah yang meninggal dunia ketika beliau berumur 15 tahun. Beliau telah mencapai umur remaja semasa pemerintahan °Umar bin °Abd al-°Aziz dan sempat menyaksikan pertukaran khilafah Bani Umawiyah kepada Bani °Abbasiyah. Di samping itu beliau juga menyaksikan penentangan Muhammad bin °Abdullah bin al-Hasan bin °Ali bin Abu Talib terhadap khalifah al-Mansur dan beliau bersimpati dengan Muhammad. Akhirnya kerajaan °Abbasiyah tertegak dan khalifah al-Mansur telah membangunkan Baghdad dan menjadikannya bertamadun.¹⁰

Kewarakan Imam Abu Hanifah dan sifat tidak mementingkan keduniaan, menyebabkan beliau tidak menerima jawatan kadi Kufah yang ditawarkan oleh Yazid bin °Umar bin Hubayrah gabenor khalifah Marwan bin Muhammad di Iraq semasa pemerintahan Bani Umawiyah. Dengan sebab itu, beliau telah disebut berulang kali dan menanggung penderitaan yang dahsyat, namun beliau tetap enggan menerima jawatan tersebut.¹¹ Ketika pemerintahan Bani

Abbasīyah juga, beliau ditawarkan sekali lagi jawatan tersebut oleh Abu Ja'far al-Mansur tetapi beliau tetap tidak menerimanya dan akibat dari itu beliau telah dipenjarakan. Abu Hanifah menolak jawatan kadi yang ditawarkan kepadanya kerana bimbang ke atas dirinya tidak dapat menunaikan amanah tersebut¹² walaupun beliau sebenarnya orang yang paling layak memegang jawatan tersebut.

Pengasas kepada mazhab Hanafi ini meninggal dunia semasa pemerintahan al-Mansur pada tahun 150H.¹³ Dengan perginya beliau ke rahmatullah, hilanglah sudah seorang faqih yang amat disegani oleh kawan dan lawan.

Pengaruh Aliran *al-Ra'y* Terhadap Imam Abu Hanifah

Pada zaman Imam Abu Hanifah, penggunaan fikiran dan qiyas begitu meluas sehinggakan beliau dianggap ketua aliran *al-ra'y* pada zamannya. Sikap Abu Hanifah yang gemar berqiyas dan mengandaikan masalah, dilihat sebagai pewaris kepada fuqaha *al-ra'y* sebelum ini. Pengaruh aliran *al-ra'y* terhadap Abu Hanifah amat jelas sekali, memandangkan beliau belajar dan hidup dalam suasana yang berpegang dengan aliran ini. Imam Abu Hanifah belajar daripada fuqaha Kufah yang mempunyai ciri-ciri kebebasan penggunaan *al-ra'y* dan beliau mendapat faedah besar hasil kehidupannya dalam suasana ilmu yang ada di Kufah. Sedikit sebanyak ia mempengaruhi cara berfikir dan metode Abu Hanifah dalam fiqh. Syah Waliyullah al-Faruqi menyebut bahawa Abu Hanifah Rahimahullah sangat iltizam dengan mazhab (metode) Ibrahim al-Nakha'ī dan sahabat-sahabatnya yang lain dan tidak menyanggahnya kecuali sedikit sahaja.¹⁴

Di sini, kita akan melihat bagaimana aliran *al-ra'y* boleh mempengaruhi Imam Abu Hanifah hingga beliau mengambil aliran ini menjadi metode pemikirannya dalam fiqh. Terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi beliau dalam hal ini iaitu pengaruh latar belakang hidup atau boleh dikatakan tempat dan suasana dan faktor kedua ialah pengaruh guru.

Pengaruh Latar Belakang Hidup (Tempat dan Suasana)

Imam Abu Hanifah dilahirkan dan membesar di Kufah Iraq, tempat yang jauh dari negeri hijrah Rasulullah SAW iaitu Madinah. Suasana hidup di Kufah amat komplikated dengan bercampur aduknya tamadun Parsi dan Rom dalam kehidupan masyarakat di situ. Ia menjadikan mereka lebih terkehadapan berbanding dengan tempat-tempat lain dan boleh dikatakan Kufah adalah tempat yang paling bertamadun berbanding negara-negara Islam lain ketika itu.

Kufah telah membangun sejak pembukaannya lagi oleh Sa'ad bin Abu al-Waqqas di bawah pemerintahan °Umar bin al-Khattab R.A pada tahun 17H. °Umar juga telah mengutuskan °Abdullah bin Mas'ud ke Kufah untuk mengajar penduduknya al-Quran dan ilmu agama¹⁵. Ramai ulama berkaliber telah muncul hasil dari pembelajaran mereka dengan °Abdullah bin Mas'ud, menjadikan Kufah tidak sunyi dari wujudnya ulama yang pakar dan disegani.

Suasana hidup yang bergerak pantas di Kufah telah menyebabkan banyak berlaku masalah yang baru timbul. Untuk menyelesaikan masalah ini, ulama di Kufah tidak dapat mengikut metode fuqaha Madinah¹⁶ seratus peratus kerana ia tidak sesuai dilaksanakan di Kufah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang telah disebutkan sebelum ini.¹⁷

Apatah lagi ada banyak penyelewengan atau pemalsuan hadis-hadis yang menyebabkan fuqaha Kufah terpaksa menggunakan ijthid yang bersandarkan kepada fikiran (qiyas) dalam mengetahui hukum hakam. Bagi orang-orang yang tinggal di Kufah, sudah pasti sedikit sebanyak mereka akan terpengaruh dengan gaya hidup yang ada disekeliling mereka.

Bayangkan jika setiap hari dia melihat, mendengar dan mengalami sendiri proses kehidupan sebegitu rupa, sudah pasti kehidupannya tidak berbeza dengan kehidupan orang lain yang turut melalui seperti yang dilalui olehnya. Begitu juga dengan Imam Abu Hanifah, sedikit sebanyak faktor suasana di Kufah itu sendiri mempengaruhi beliau untuk menerima dan beramal dengan aliran *al-ra'y* seperti fuqaha Kufah yang lain.

Pengaruh Guru

Faktor kedua ini dilihat sebagai faktor yang utama sekali mempengaruhi pemikiran Imam Abu Hanifah dalam fiqh. Bilangan gurunya mencecah angka 4 ribu orang dan antaranya terdiri dari tujuh orang sahabat R.A, 93 orang tabiin dan selebihnya dari tabi tabiin.¹⁸ Antara gurunya ialah °Alqamah bin Qays al-Nakha'i, Ibrahim bin Zayd al-Nakha'i, °Ata' bin Abu Rabah, Hisham bin °Urwah, Nafi° hamba Ibnu °Umar, al-Sha'bi, °Ikrimah hamba Ibnu °Abbas dan Qatadah. Abu Hanifah juga belajar dengan ulama *ahl al-bayt* seperti Zayd bin °Ali Zayn al-°Abidin, Ja°far al-Sadiq dan °Abdullah bin Hasan¹⁹.

Namun Imam Abu Hanifah mempunyai seorang guru yang amat disanjunginya iaitu Hammad bin Abu Sulayman dan beliau mendampingi gurunya itu selama 18 tahun²⁰ bermula pada tahun 102H.²¹ Hammad dianggap ketua fiqh aliran *al-ra'y* ketika itu²² kerana kealimannya hasil belajar dari tokoh fuqaha *al-ra'y* seperti Ibrahim al-Nakha'i. Abu Hanifah tidak berpada dengan fuqaha yang disebutkan tadi sahaja tetapi beliau menimba ilmu dari fuqaha lain yang tidak kurang hebatnya juga.

Jika dilihat guru-guru beliau, kesemuanya adalah fuqaha *al-ra'y* Kufah yang terkenal dengan penggunaan fikiran dalam istinbat hukum mereka. Begitu juga Hammad bin Abu Sulayman yang didampinginya selama 18 tahun, juga salah seorang fuqaha *al-ra'y*. Sudah pasti pengaruh guru-gurunya amat besar terhadap diri Abu Hanifah. Beliau sendiri sangat berpegang dengan cara atau metode guru-gurunya itu dan jarang sekali beliau menyanggahi pendapat fuqaha *al-ra'y* yang merupakan gurunya.

Bagi fuqaha *al-ra'y* terkemudian seperti Imam Abu Hanifah, mereka amat berbangga dengan guru mereka yang terdiri dari sahabat R.A dan tabiin. Mereka merasa tenang hati dengan kemampuan dan kelebihan guru-guru mereka yang mendorong mereka untuk bermegah dengan keadaan itu²³ dan Imam Abu Hanifah sendiri pernah memuji guru-gurunya itu.

Metode Imam Abu Hanifah dalam Istinbat Hukum

Fiqh mazhab Hanafi yang diasaskan oleh Imam Abu Hanifah bergerak dan berkembang dengan mengikuti kaedah-kaedah tertentu dalam istinbat mereka yang dipanggil *uṣūl manhaj*. Muhammad Abu Zahrah menjelaskan bahawa *uṣūl manhaj* mazhab Hanafi adalah al-Kitab (al-Quran), al-Sunnah, qawl sahabi, qiyas, istihsan, ijmak dan uruf (adat).²⁴

Al-Hadi Kirro juga menyatakan *uṣūl manhaj* Abu Hanifah ada tujuh dan ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i. Ijtihad dengan nas yang merangkumi al-Kitab, al-Sunnah dan qawl sahabi (*athar*) dan tidak mengambil pendapat tabiin sepertinya.
- ii. Ijtihad dengan bukan nas yang merangkumi qiyas, istihsan, ijmak dan uruf.²⁵

Uṣūl manhaj mazhab Hanafi ini diambil dari kata-kata Abu Hanifah sendiri:

إني أخذ بكتاب الله إذا وجدته، فما لم أجده فيه أخذت بسنة رسول الله صلى الله عليه وسلم والآثار الصحاح عنه التي فشت في أيدي الثقات. فإذا لم أجد في كتاب الله ولا سنة رسول الله صلى الله عليه وسلم أخذت بقول أصحابه من شئت وأدع قول من شئت، ثم لا أخرج من قوهم إلى قول غيرهم. فإذا انتهى الأمر إلى إبراهيم والشعبي والحسن وابن سيرين وسعيد بن المسيب (وعدد رجالا قد اجتهدوا) فلي أن أجتهد كما اجتهدوا

Maksudnya: “*Aku berpegang dengan kitab Allah selagi aku mendapat dalil darinya. Apa yang tidak aku dapati dalil darinya, aku berpegang pula dengan sunnah Rasulullah S.A.W dan athar sahih dari baginda yang diriwayatkan oleh perawi yang dipercayai. Jika tidak aku dapati dari kitab Allah atau sunnah Rasulullah S.A.W, aku berpegang dengan pendapat sahabat-sahabatnya yang aku kehendaki dan aku meninggalkan pendapat sahabat yang aku kehendaki, kemudian aku tidak akan keluar (menyanggahi) daripada pendapat mereka itu kepada pendapat sahabat lain. Jika sesuatu pendapat terhenti kepada Ibrahim, al-Sha‘bi, al-Hasan, Ibnu Sirin, Sa‘id bin al-Musayyib (beliau menyebut lagi beberapa fuqaha yang*

telah berjihad), maka aku pun boleh berjihad seperti mana mereka berjihad".²⁶

Di samping *uṣūl manhaj* di atas, Imam Abu Hanifah turut beramal dengan *al-ḥiyal al-shar'īyyah* (helah secara syarie). Ia bukanlah helah untuk menghapuskan kebenaran atau memakan harta orang lain dengan cara salah, tetapi ia adalah satu tektik fiqh untuk menghindarkan dari sebarang masalah tanpa menzalimi orang lain pada harta atau dirinya. Helah yang diamalkan oleh fuqaha Hanafi ialah helah yang dibenarkan oleh syarak.²⁷

Mazhab Hanafi juga terkenal dengan penggunaan kaedah istihsan²⁸ secara meluas dan fuqahnya menganggap ia sebagai sumber tashrik yang boleh dibina hukum ke atasnya. Contoh penggunaan kaedah ini ialah dalam masalah sisa minuman burung yang termasuk di dalam kategori binatang buas (seperti helang), fuqaha Hanafi mengatakan ianya suci dan tidak najis menurut kaedah istihsan.²⁹

Aliran *al-ra'y* yang diterima pakai oleh mazhab Hanafi memang terkenal dengan pengandaian masalah. Contoh apa yang diamalkan oleh Imam Abu Hanifah dalam fiqh andaian ialah beliau mengandaikan sesuatu masalah yang tidak berlaku lagi, kemudian beliau akan membentangkan kepada murid-muridnya serta meminta mereka mengkaji dan memikir untuk mengistinbat hukum yang sebetulnya bagi masalah tersebut. Setiap orang akan memberikan pendapatnya kepada Abu Hanifah dan selepas perbincangan mendalam, beliau akan memilih penyelesaian yang sesuai terhadap masalah itu dan ia akan direkodkan oleh anak-anak muridnya sebagai resolusi fiqh yang diresujui oleh Imam Abu Hanifah.³⁰

Abu Hanifah menjadikan debat ilmiah ini dengan anak muridnya sebagai landasan untuk mencari hukum yang sesuai bagi sesuatu masalah. *Manhaj* Abu Hanifah dilihat mantap dengan adanya perbincangan dan penganalisan yang rapi, seterusnya menghasilkan hukum yang disepakati bersama.

Imam Malik bin Anas

Beliau adalah Abu °Abdullah Malik bin Anas bin Malik bin Abu °Amir bin °Amru bin al-Harith bin Ghayman bin Jathlil bin °Amru bin Zu Asbah al-Harith al-Asbahi al-Madani. Dilahirkan pada tahun 93H di Madinah. Kedua ibu bapanya adalah orang Arab dari kabilah Yaman. Beliau lahir semasa pemerintahan Khalifah Umawiyah al-Walid bin °Abd al-Malik, digelar dengan panggilan imam *Dār al-Hijrah* dan salah seorang pengasas mazhab yang empat. Datuk ayahnya iaitu Abu °Amir adalah seorang sahabat R.A dan berperang dalam semua peperangan bersama Rasulullah S.A.W kecuali peperangan Badar. Manakala datuknya Malik adalah seorang tabiin.³¹

Imam Malik juga seperti Imam Abu Hanifah yang hidup dalam dua pemerintahan khilafah Islam di mana beliau lahir semasa pemerintahan Khalifah Umawiyah al-Walid bin °Abd al-Malik dan beliau wafat pada masa pemerintahan khalifah °Abbasiyyah Harun al-Rasyid. Tidak banyak riwayat yang menceritakan tentang kehidupan Imam Malik ketika kecil. Riwayat mengenai pembesarannya berkisar tentang pendidikannya. Beliau membesar di dalam rumah ilmu dan suasana yang penuh dengan hadis-hadis. Seperti kanak-kanak lain yang hidup sezaman dengannya, beliau telah menghafal al-Quran, kemudiannya menghafal dan mempelajari ilmu hadis serta mendampingi para ulama sejak daripada kecil lagi.³²

Suasana di Madinah yang kaya dengan hadis dan ilmu pengetahuan Islam yang lain ketika itu amat mendorong Imam Malik supaya menuntut ilmu, apatah lagi ibunya sendiri yang mendorongnya untuk menuntut ilmu dari ulama terkemuka seperti Rabi°ah *al-ra'y*. Tidak cukup dengan itu, beliau turut berguru dengan ulama-ulama lain, umpama burung yang berpindah dari satu pokok ke satu pokok yang lain untuk mencari buah.³³ Ini menunjukkan bahawa Imam Malik mengambil berat dengan pelajaran terutamanya pelajaran agama untuk memantapkan ilmu pengetahuannya.

Imam Malik telah menumpukan perhatiannya terhadap empat jenis ilmu dalam pembelajarannya iaitu:

- i. Ilmu hadis Rasulullah SAW.
- ii. Ilmu fiqh *al-ra'y*.

- iii. Ilmu fatwa para sahabat R.A, tabiin dan tabi tabiin.
- iv. Ilmu bagaimana untuk berhujah dengan orang yang membuat bidah, tentang perselisihan manusia dan juga tentang pelbagai pertelingkahan ilmu fiqh dan bukan ilmu fiqh pada zamannya.³⁴

Kealimannya menyebabkan ulama-ulama lain mengiktiraf kebolehannya dalam ilmu Islam terutamanya ilmu yang berkaitan dengan hadis Rasulullah SAW. Mereka menggelarkannya sebagai imam dalam ilmu hadis dan riwayatnya adalah dipercayai. Kitab *al-Muwattā'* karangannya adalah bukti tentang kebolehannya menguasai ilmu hadis. Walaupun begitu, Imam Malik tetap merendahkan diri dan selalu berkata "aku tidak tahu", apabila ditanya oleh orang ramai.³⁵

Setelah mantap ilmunya, beliau mula mengajar,³⁶ meriwayatkan hadis dan memberi fatwa kepada orang ramai yang ingin belajar atau bertanya kepadanya. Dikatakan beliau hanya mengajar setelah mendapat pengakuan dari 70 orang ulama tentang ilmu yang dimilikinya dan beliau mengajar di Masjid Nabawi³⁷ di tempat yang pernah Umar bin al-Khattab mengajar.³⁸

Selain dari mengajar, Imam Malik juga mengarang kitab yang berkaitan dengan ilmu-ilmu Islam. Kitab karangannya yang paling masyhur sekali ialah *al-Muwattā'*.³⁹ Antara karangannya yang lain ialah risalah tentang qadar dan jawapan kepada golongan al-Qadariyyah,⁴⁰ kitab *al-Nujūm Wa Ḥisāb Dawrān al-Zamān Wa Manāzil al-Qamar*, kitab *al-Tafsīr Li Gharīb al-Qur'ān*, risalah tentang keputusan-keputusan kadi,⁴¹ risalah tentang fatwa,⁴² risalah tentang adab dan peringatan,⁴³ risalah tentang ijmak *ahl al-Madīnah* dan syarah *al-Imāmayn*,⁴⁴ kitab *al-Manāsik*⁴⁵ dan lain-lain.⁴⁶

Walaupun memiliki ilmu yang hebat, tetapi Imam Malik tidak pernah menerima atau ditawarkan jawatan mufti ataupun kadi. Beliau hanya memberi fatwa yang tidak mengkritik ulama-ulama lain ataupun fatwa mereka. Ini untuk menjaga hubungan baiknya dengan mereka.⁴⁷

Imam Malik juga pernah menempuh dugaan yang menyebabkan beliau dipukul pada tahun 146H. Kes ini berlaku apabila beliau meriwayatkan satu hadis yang berbunyi:

ليس على مستكره طلاق⁴⁸

Maksudnya: “Tidak berlaku talak ke atas orang yang dipaksa melakukannya”.

Ketika itu Muhammad bin °Abdullah bin Hasan bersama orang-orangnya telah keluar daripada bertaat setia dengan Abu Ja°far al-Mansur khalifah °Abbasiyyah yang kedua, kerana pada pendapat mereka baiah yang dilakukan oleh al-Mansur dibuat secara paksa dan mereka berpegang dengan hadis (secara mafhumnya) yang diriwayatkan oleh Imam Malik ini untuk membatalkan baiah tersebut. Oleh itu gabenor Madinah ketika itu, Ja°far bin Sulayman menegah Imam Malik dari meriwayatkan hadis tersebut atas arahan al-Mansur.

Namun Imam Malik atas sifat ingin menyebarkan ilmu Islam kepada masyarakat terus memperkatakan tentang hadis tersebut; tetapi orang-orang yang tidak bertanggungjawab telah mengambil kesempatan dengan menyebarkan khabar bahawa Imam Malik menyokong perjuangan mereka. Sebab itulah gabenor Madinah bertindak dengan merotan Imam Malik dan tangannya ditarik-tarik hingga tercabut sendi bahunya. Tindakan ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan umat Islam ketika itu, lalu khalifah al-Mansur telah meminta maaf kepada Imam Malik ketika beliau menunaikan haji dan memberi alasan bahawa beliau tidak tahu menahu dengan perbuatan gabenor Madinah itu dan Imam Malik memaafkannya.⁴⁹

Imam Malik wafat pada tahun 179H dan dikebumikan di perkuburan al-Baqi°. Beliau wafat dalam bulan Rabiul Awwal di Madinah dan disembahyangkan oleh °Abdullah bin Muhammad bin Ibrahim bin Muhammad bin °Ali bin al-°Abbas, gabenor Madinah ketika itu.⁵⁰

Pengaruh Aliran *al-Hadith* Terhadap Imam Malik

Imam Malik dianggap sebagai antara fuqaha yang terkenal di kalangan fuqaha *al-hadith* kerana kealimannya dalam bidang ilmu hadis. Penghormatannya terhadap hadis amatlah tinggi, sehinggakan beliau tidak akan membicarakan tentang hadis kecuali dalam keadaan suci. Beliau akan mandi terlebih dahulu, memakai wangian, berpakaian baru, berserban dan duduk dalam keadaan khusyuk.⁵¹

Terdapat beberapa faktor utama yang mendorong Imam Malik lebih cenderung menerima aliran *al-ḥadīth* sebagai aliran fiqhnya. Antaranya ialah:

Pengaruh Latar Belakang Hidup (Tempat dan Suasana)

Imam Malik telah lahir dan membesar di Madinah, satu tempat yang kaya dengan khazanah hadis Rasulullah SAW, fatwa sahabat dan tabiin. Madinah mendapat tempat di hati umat Islam kerana kelebihan yang cukup banyak terdapat dalamnya. Ini sememangnya memberi kesan besar kepada Imam Malik sendiri dalam mengambil aliran *al-ḥadīth* sebagai pegangannya dalam fiqh.⁵²

Pengaruh suasana dan tempat adalah antara faktor penting yang mempengaruhi seseorang itu. Ini dapat dilihat kepada Imam Abu Hanifah yang lahir dan membesar di Kufah. Beliau lebih mudah terpengaruh dengan aliran fiqh di Kufah berbanding aliran fiqh di Hijaz. Begitu juga dengan Imam Malik yang tinggal di Madinah, lebih mudah menerima aliran *al-ḥadīth* berbanding aliran *al-ra'y* yang tersebar di Iraq terutamanya di Kufah.

Oleh sebab itu, aliran *al-ḥadīth* yang tersebar di Madinah dapat mempengaruhi diri Imam Malik dalam menerima aliran itu. Sudah tentu orang lain pun, sekiranya hidup di dalam suasana seperti di Madinah akan terpengaruh dan mengikuti metode yang ditinggalkan oleh *fuqahā' al-sab'ah* yang dikenali sebagai pengasas aliran *al-ḥadīth*.

Pengaruh Sabda Rasulullah SAW

Sikap suka dan cinta Imam Malik kepada hadis Rasulullah SAW juga turut mendorong beliau lebih cenderung kepada aliran *al-ḥadīth* yang banyak menggunakan hadis dalam istinbat hukum mereka. Tambahan pula berkat dari sabda Rasulullah SAW dalam satu hadis yang berbunyi:

يوشك أن يضرب الناس أكباد الإبل يطلبون العلم فلا يجدون عالماً أعلم من عالم المدينة⁵³

Maksudnya: “Hampir-hampir orang ramai terpaksa bermusafir untuk mencari ilmu. Mereka tidak akan menemui seorang ulama yang lebih alim dari ulama Madinah⁵⁴”.

Sesetengah ulama berpendapat, yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah Imam Malik kerana kehebatannya dalam penguasaan ilmu terutama dalam bidang hadis, lagipun ketika itu umat Islam tidak bermusafir dan pergi ke Madinah kecuali untuk mengambil ilmu daripada Imam Malik.⁵⁵ Walaupun hadis ini tidak menyebut secara khusus siapakah yang dimaksudkan sebenarnya, tetapi Imam Malik juga boleh dianggap sebagai alim Madinah seperti yang digambarkan oleh hadis di atas berdasarkan kealimannya dalam ilmu hadis. Kitab *al-Muwattā'* karangannya yang merangkumi perbincangan hadis dan fiqh menjadi bukti kerana kitab itu sememangnya diakui oleh ramai ulama sebagai kitab hadis dan fiqh yang dipercayai.

Pengaruh Guru

Faktor ketiga ini antara faktor yang banyak mempengaruhi Imam Malik dalam menerima aliran *al-hadīth*. Aliran fiqh pertama yang lebih dikenali aliran *fuqahā' al-sab'ah* atau aliran *al-hadīth* timbul di Madinah, tempat tinggal Imam Malik. Melalui anak-anak murid fuqaha bertujuh itulah, Imam Malik menimba ilmu dari mereka.⁵⁶ Memang selayaknya Imam Malik dianggap imam Hijaz pada zamannya kerana beliau adalah hasil didikan guru-guru aliran *al-hadīth*.

Imam Malik berguru kepada ʿAbd al-Rahman bin Hurmuz, Rabiʿah bin al-Farukh yang terkenal dengan Rabiʿah *al-ra'y* dalam bidang fiqh (terutamanya yang berkaitan dengan *al-ra'y*), Ibnu Shihab al-Zuhri dan Nafiʿ hamba Ibnu ʿUmar dalam bidang periwayatan hadis, Hisham bin ʿUrwah, Yahya bin Saʿid, ʿAbdullah bin Dinar, Abu al-Zinad, Muhammad bin al-Munkadir dan lain-lain yang terdiri dari ulama fiqh dan hadis. Beliau juga pernah berguru dengan Jaʿfar bin Muhammad al-Sadiq.⁵⁷

Lima orang guru Imam Malik iaitu Rabi'ah bin 'Abd al-Rahman (Rabi'ah *al-ra'y*), Ibnu Shihab al-Zuhri, Abu al-Zinad, Yahya bin Sa'id dan Nafi' hamba Ibnu 'Umar merupakan anak murid kepada *fuqahā' al-sab'ah* yang terkenal di Madinah.⁵⁸ Ilmu *fuqaha al-ḥadīth* telah diwarisi oleh Imam Malik melalui guru-gurunya itu.

Seperti Imam Abu Hanifah yang mendampingi seorang guru dalam tempoh yang lama, Imam Malik juga berbuat demikian di mana beliau mendampingi 'Abd al-Rahman bin Hurmuz selama 13 tahun. Ibnu Hurmuz adalah seorang yang pakar di dalam menjawab tuduhan yang dilemparkan oleh golongan *al-Mubtadi'* dan Imam Malik telah mempelajari ilmu itu daripadanya.⁵⁹

Imam Malik begitu terpengaruh dengan gurunya Ibnu Hurmuz sehinggakan Imam Malik selalu menyebut "aku tidak tahu" apabila ditanya masalah yang tidak diketahinya kerana mengikut cara gurunya itu.⁶⁰ Ini tidak menghairankan kerana Imam Malik seorang faqih yang realistik. Beliau mengambil kira perkara yang benar-benar berlaku dalam istinbat hukum⁶¹ dan tidak membincangkan masalah yang belum berlaku sama seperti yang dilakukan oleh *fuqaha al-ḥadīth* sebelum ini.

Imam Malik pernah menceritakan kelebihan guru-gurunya yang terdiri daripada *fuqahā' al-sab'ah*. Antaranya beliau berkata tentang al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakr bahawa beliau adalah antara *fuqaha umat Islam* yang hebat. Imam Malik juga pernah berkata:

"Sekiranya aku mendengar hadis yang diriwayatkan oleh Nafi' daripada Ibnu 'Umar, aku tidak peduli jika aku tidak mendengar riwayat orang lain selainnya."⁶²

Walaupun Imam Malik dianggap imam *fuqaha al-ḥadīth*, namun beliau sebenarnya juga seorang yang pakar dalam penggunaan *al-ra'y* dan banyak menggunakannya dalam mengistinbat hukum. Beliau berkata di dalam kitab *al-Muwattā'*nya seperti yang disebutkan oleh Isawi dalam bukunya:

فيه حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم وقول الصحابة والتابعين. وقد تكلمت فيه برأيي على الاجتهاد وما أدركت عليه أهل العلم ببلدنا ولم أخرج من جملةهم إلى غيرهم

Maksudnya: "Dalamnya (*al-Muwattā'*) terdapat hadis Rasulullah SAW, pendapat sahabat dan tabi'in. Ada juga aku membincangkan

di dalamnya secara ijtihad dengan fikiranku sendiri. Aku mendapati ia tidak pernah dibincangkan oleh fuqaha negeriku dan aku tidak akan keluar dari cara mereka kepada cara orang lain".⁶³

Masalih mursalah yang menjadi salah satu ciri mazhab Maliki adalah sebagai bukti, di mana Imam Malik terpengaruh dengan gurunya iaitu Rabi^cah *al-ra'y* dan Yahya bin Sa^cid. Walaupun mereka semua ini dari golongan fuqaha *al-hadith*, tetapi kebolehan mereka dalam penggunaan *al-ra'y* tidak boleh dipandang ringan sehinggakan Rabi^cah sendiri digelar sebagai Rabi^cah *al-ra'y*. Ini kerana beliau banyak berpaksikan kepada penggunaan masalih mursalah dalam istinbat hukumnya.⁶⁴

Metode Imam Malik dalam Istinbat Hukum

Mazhab Maliki yang diasaskan oleh Imam Malik berpegang kepada *uṣūl manhaj* seperti berikut: Al-Kitab, al-Sunnah, ijmak, ijmak *ahl al-madīnah*, qiyas, qawl sahabi, masalahah mursalah, istishab, *al-barā'ah al-aṣliyyah*, *al-awā'id*, istiqrā', *sadd al-zarā'ī*, *al-istidlāl*, istihsan, *murā'at al-khilāf* dan *shar' man qablana*.⁶⁵

Kebanyakan usul-usul ini diterima pakai oleh mazhab-mazhab lain, namun yang membuatkan mazhab Maliki berlainan dengan mazhab-mazhab lain ialah penggunaan beberapa usul dalam istinbat hukum. Usul-usul ini adalah ciri-ciri mazhab Maliki iaitu beramal dengan amalan ahli Madinah, masalih mursalah, *sadd al-zarā'ī*, *murā'at al-khilāf* dan *murā'at al-urf*.⁶⁶

Fuqaha Maliki bersandarkan kepada amalan para sahabat R.A dalam penggunaan masalahah mursalah. Dalam satu kes yang berlaku, di mana ʿUmar berserta sahabat yang lain telah pergi ke Syam. Apabila sampai di pertengahan jalan telah berlaku wabak (taun), lalu ʿUmar bermesyuarat dengan golongan Muhajirin. Ada yang berpendapat bahawa wabak itu tidak akan mengubah takdir Allah SWT dan ada yang menasihati ʿUmar supaya tidak meneruskan perjalanan dan berpatah balik. ʿUmar kemudian bermesyuarat pula dengan golongan Ansar, tetapi berlaku juga perselisihan pendapat seperti tadi.

Lalu ʿUmar bermesyuarat pula dengan pemuka-pemuka Quraysh dari golongan yang membuka kota Mekah dan hasilnya mereka mengusulkan agar berpatah balik. Tidak seorang pun yang membawa dalil ayat al-Quran atau hadis Rasulullah SAW ketika mengusulkan perkara itu. ʿUmar pun mengambil keputusan untuk meninggalkan tempat itu keesokan paginya.

Abu ʿUbaydah al-Jarrah berkata kepada ʿUmar, “adakah engkau lari dari takdir Allah?”. ʿUmar menjawab:

“Sepatutnya yang bertanya soalan ini bukan engkau wahai Abu ʿUbaydah. Ya! memang kami lari dari takdir Allah tetapi kepada takdir Allah yang lain pula. Cuba engkau fikir, jika engkau memelihara unta yang berada di satu lembah yang ada dua jenis tanah. Satu subur dan satu lagi kering kontang. Tidakkah jika engkau peliharanya di tanah yang kering kontang, engkau peliharanya dengan takdir Allah dan jika engkau peliharanya di tanah yang subur, engkau juga peliharanya dengan takdir Allah.”

Begitulah ʿUmar bermesyuarat dengan sahabatnya, lalu dikritik oleh Abu ʿUbaydah dengan ijtihadnya. Tetapi ʿUmar menjawab dan menjelaskan perkara itu dengan fikirannya yang terbina di atas kaedah qiyas. Dalam kes ini, pada permulaannya tidak seorang pun yang berhujahkan dengan al-Quran, sunnah ataupun ijmak sahabat kerana mereka disuruh untuk mengambil iktibar (berqiyas) dan memahami keadaan semasa.⁶⁷ Selepas itu barulah Abd al-Rahman bin Awf datang (sebelum itu beliau tiada di situ kerana ada urusan) dan berkata, aku mengetahui sebuah hadis berkaitan hal ini. Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda:

إذا سمعتم به بأرض فلا تقدموا عليه وإذا وقع بأرض وأنتم بها فلا تخرجوا فرارا منه

Maksudnya: “Jika kamu mendengar berlakunya taun di suatu tempat, maka janganlah kamu pegi ke tempat itu. Jika ia berlaku di suatu tempat dan kamu berada di situ maka janganlah keluar daripada tempat itu kerana ingin lari daripadanya”. Umar pun memuji Allah Taala kemudian beliau beredar.

Keputusan ‘Umar untuk berpatah balik dari meneruskan perjalanan adalah tepat kerana menjaga keselamatan dan kesihatan sahabat-sahabatnya yang lain agar tidak dijangkiti wabak taun itu. Keputusan ini terbina di atas keadah masalah mursalah yang diterima pakai oleh fuqaha Maliki secara meluas dan ianya menjadi satu ciri keistimewaan mazhab Maliki.

Imam al-Shafi‘i

Beliau adalah Abu ‘Abdullah Muhammad bin Idris bin al-‘Abbas bin ‘Uthman bin Shafi‘ bin al-Sa‘ib bin ‘Ubayd bin ‘Abd Yazid bin Hashim bin al-Muttalib bin ‘Abd Manaf bin Qusayy. Dilahirkan pada hari jumaat di Ghazah (Palestin) pada tahun 150H iaitu tahun meninggalnya Imam Abu Hanifah.⁶⁸

Imam Shafi‘i hidup yatim sejak kecil lagi dan ketika berusia dua tahun, beliau telah dibawa ke Mekah dan seterusnya membesar di situ. Sejak kecil lagi Imam Shafi‘i telah menunjukkan minatnya dengan ilmu pengetahuan. Tidak hairanlah jika beliau telahpun menghafal al-Quran ketika umurnya tujuh tahun dan kitab *al-Muwattā’* Imam Malik ketika berumur sepuluh tahun.⁶⁹

Pada peringkat awal, Imam Shafi‘i mempelajari sastera, syair dan ilmu bahasa Arab, tetapi kemudiannya beliau mengalihkan perhatiannya kepada ilmu fiqh setelah didorong oleh faqih Mekah Muslim bin Khalid al-Zanji. Lantaran itulah, Imam Shafi‘i terus mendampingi fuqaha fiqh dan hadis. Kebolehan Imam Shafi‘i dalam menguasai ilmu-ilmu yang dipelajarinya telah terserlah, apabila dirinya menjadi perhatian guru-gurunya yang terpegun dengan kecerdikannya. Sebab itulah beliau telah diizinkan oleh gurunya untuk memberi fatwa ketika umurnya masih muda iaitu 15 tahun.⁷⁰

Kemudiannya Imam Shafi‘i berhijrah ke Madinah dan berguru dengan Imam Malik (Rahimahullah). Ini menjadikan Imam Shafi‘i menguasai ilmu fiqh dan hadis hasil dari pembelajarannya dengan ulama dalam bidang-bidang tersebut.⁷¹ Imam Shafi‘i telah mengimbangi penggunaan *al-ra’y* dan hadis dalam aliran fiqhnya seperti yang akan dijelaskan nanti.

Pengaruh Aliran al-Hadīth dan al-Ra'y Terhadap Imam-imam Mazhab

Imam Shafi'i banyak berhijrah dari satu tempat ke satu tempat demi mencari ilmu. Antaranya ialah Iraq tempat ramainya fuqaha yang hebat-hebat terutamanya fuqaha *al-ra'y*. Beliau pergi ke Iraq sebanyak tiga kali.⁷² Di situ beliau sempat belajar dengan Muhammad bin al-Hasan al-Shaybani (anak murid Imam Abu Hanifah). Beliau mengambil kesempatan di Iraq untuk belajar dan mengkaji aliran *al-ra'y*.⁷³

Pada tahun 199H, Imam Shafi'i berhijrah pula ke Mesir dan di sana beliau telah mendapat sambutan hangat dari penduduk Mesir. Ramai orang yang datang belajar dengan beliau termasuklah pengikut-pengikut mazhab Hanafi dan Maliki⁷⁴ kerana mereka kagum dengan ilmunya.

Seperti ulama-ulama muktabar yang lain, Imam Shafi'i juga mengarang kitab untuk faedah umat Islam semua. Antara kitab karangannya ialah kitab *al-Um*, *al-Musnad*, *Aḥkām al-Qur'ān*, *Al-Sunan*, *al-Risālah*, *Ikhtilāf al-ḥadīth* dan lain-lain.⁷⁵

Imam Shafi'i wafat pada tahun 204H dalam umur 54 tahun setelah menderita penyakit buasir dan beliau telah ditanam di perkuburan Bani Zahrah iaitu perkuburan Quraysh.⁷⁶

Pengaruh Aliran *al-Hadīth* dan Aliran *Al-Ra'y* Terhadap Imam Shafi'i

Imam Shafi'i hidup dalam zaman yang ada dua aliran fiqh atau lebih tepat dikatakan adanya dua mazhab fiqh yang berkembang ketika itu. Yang pertama mazhab Maliki yang diasaskan oleh Imam Malik Rahimahullah dan berkembang di Hijaz (Madinah) dan Mesir. Yang kedua pula ialah mazhab Hanafi yang diasaskan oleh Imam Abu Hanifah dan berkembang di Iraq. Masing-masing ada usul mazhabnya yang tersendiri.⁷⁷

Imam Shafi'i tidak memilih salah satu mazhab yang sedia ada sebagai pegangannya walaupun beliau belajar sendiri dengan Imam Malik dan sahabat Imam Abu Hanifah iaitu Muhammad bin al-Hasan, tetapi beliau telah mengasaskan satu lagi aliran fiqh yang dikenali sebagai mazhab Shafi'i.

Mazhab ini berlainan dengan dua mazhab sebelum ini kerana hasil kajian dan penelitian Imam Shafi'ī terhadap pendapat dan mazhab fuqaha terdahulu, beliau mengimbangi penggunaan antara dalil al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas.⁷⁸ Beliau tidak berat sebelah dalam penggunaan hadis sahaja atau fikiran sahaja. Dengan erti kata lain, beliau tidak hanya berpada dengan satu dalil sahaja dan meninggalkan dalil yang lain, tetapi mengambil kesemuanya selagi ia disahkan oleh syarak.

Walaupun begitu, Imam Shafi'ī dilihat lebih cenderung kepada aliran *al-hadīth* kerana usahanya dalam mempertahankan sunnah dari diganggu gugat oleh golongan tertentu sehinggakan penduduk Baghdad menggelarkannya “*Nāṣir al-Sunnah*” yakni penolong sunnah.⁷⁹ Dilihat sepintas lalu, kedua-dua aliran *al-ḥadīth* dan *al-ra'y* ada mempengaruhi Imam Shafi'ī dalam permasalahan fiqh.

Pengaruh Aliran *al-Ḥadīth*

Imam Shafi'ī berguru dengan ulama-ulama hadis Mekah seperti Sa'īd bin Salim al-Qaddah, Dawud al-Attar, °Abd al-Majid bin °Abd al-°Aziz al-Azdi dan Sufyan bin °Uyaynah. Di samping itu juga, beliau berguru dengan Imam Malik dan Ibrahim bin Abu Yahya al-Mu'tazili ketika beliau pergi ke Madinah. Dengan ini Imam Shafi'ī menguasai ilmu hadis hasil pembelajarannya dengan ulama-ulama tersebut dan beliau amat berbangga dengan apa yang dimilikinya itu.⁸⁰

Sudah tentu Imam Malik yang merupakan imam aliran *al-ḥadīth* sedikit sebanyak mempengaruhi Imam Shafi'ī. Ketika berumur sepuluh tahun, beliau sudah menghafal *al-Muwattā'* sebelum bertemu dengan pengarangnya sendiri iaitu Imam Malik. Imam Shafi'ī telah menghormati dan menyanjungi Imam Malik sejak dari kecil lagi. Apabila beliau mendapat peluang untuk ke Madinah beliau telah berguru sendiri dengan Imam Malik. Beliau banyak mendapat manfaat dari gurunya itu.

Beliau pernah memuji gurunya Imam Malik dengan berkata:

“Sekiranya aku kata *ba'ḍ aṣḥābinā* maka yang dimaksudkan ialah fuqaha Madinah. Sekiranya aku kata *ba'ḍ al-nās* maka yang dimaksudkan ialah fuqaha Iraq. Adapun Imam Malik,

beliau adalah bintang. Tidak ada dalam dunia ini satu kitab yang lebih banyak benarnya selain dari kitab *al-Muwattā'*. Apabila datangnya *athar* maka Imam Maliklah bintangnya.⁸¹

Pengaruh Aliran *al-Ra'y*

Ketika Imam Shafi'i berada di Iraq, beliau telah mengambil kesempatan dengan mengambil dan mempelajari aliran *al-ra'y* daripada fuqaha aliran itu. Beliau telah belajar dengan Muhammad bin al-Hasan sahabat Imam Abu Hanifah⁸² imam aliran *al-ra'y* di Iraq.

Imam Shafi'i banyak mengetahui aliran *al-ra'y* melalui cara perbincangan dan perdebatan dengan fuqaha *al-ra'y* terutamanya gurunya Muhammad bin al-Hasan sendiri. Di samping itu, beliau juga memiliki kitab-kitab fiqh karangan fuqaha Iraq⁸³ yang menyebabkan beliau memahami selok belok aliran *al-ra'y*.

Mengenai fuqaha *al-ra'y*, Imam Shafi'i pernah berkata:

“Sesiapa yang ingin mengetahui tentang fiqh maka dampingilah Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya. Manusia semuanya berpegang kepadanya dalam ilmu fiqh.”⁸⁴

Beliau berkata lagi:

“Aku banyak menulis daripada Imam Muhammad (bin al-Hasan), jikalau tiadanya beliau nescaya tidak terbuka ruang ilmu bagiku.”⁸⁵

Disebabkan Imam Syafi'i menerima pembelajaran dari dua aliran fiqh yang masyhur iaitu aliran *al-ḥadīth* dan *al-ra'y*, beliau telah mengetahui dan memahami cara dan metode kedua-dua aliran tersebut. Sebenarnya Imam Syafi'i mulanya dianggap antara pendokong aliran *al-ḥadīth*, di mana beliau banyak mempertahankan pendapat Imam Malik dan selalu mengkritik fuqaha *al-ra'y* untuk mempertahankan fiqh fuqaha Madinah. Hanya setelah beliau pergi ke Baghdad kali pertama, beliau belajar dengan Muhammad bin al-Hasan serta selalu berbincang dan berdebat dengan fuqaha *al-ra'y*

barulah pendapat beliau dilihat agak seimbang antara aliran *al-ra'y* dan aliran *al-ḥadīth*.⁸⁶

Beliau tidak memilih mana-mana aliran itu untuk menjadi pegangannya, tetapi beliau melihat kesemuanya dan membuat kajian yang mendalam dan rapi. Mana-mana perkara yang difikirkannya sesuai beliau akan menerimanya seperti qiyas yang selalu digunakan oleh Imam Abu Hanifah atau fuqaha *al-ra'y*. Manakala perkara yang difikirkan tidak begitu sesuai beliau akan menolaknya seperti amalan *ahl al-Madinah* yang merupakan salah satu usul mazhab Maliki.

Imam al-Razi berkata:

Fuqaha sebelum datangnya Imam Syafi'i terbahagi kepada dua. Yang pertama fuqaha *al-ḥadīth* dan yang kedua fuqaha *al-ra'y*. Adapun fuqaha *al-ḥadīth* mereka menghafal hadis-hadis Rasulullah SAW tetapi mereka agak lemah dalam ilmu *al-Nazar* dan *al-Jadal*. Apabila fuqaha *al-ra'y* mendatangkan sesuatu masalah kepada mereka, mereka hanya berdiam diri dan tidak boleh berbuat apa-apa. Manakala fuqaha *al-ra'y*, mereka adalah fuqaha yang mahir dalam ilmu *al-Nazar* dan *al-Jadal* tetapi mereka kurang tahu tentang *athar* dan sunnah. Imam Shafi'i pula mengetahui sunnah Rasulullah SAW dan kaedah-kaedahnya. Beliau juga mengetahui adab-adab ilmu *al-Nazar* dan *al-Jadal* dan mantap dalam perbahasannya. Sesiapa yang mendatangkan permasalahan kepadanya, beliau akan menjawab dengan jawapan yang memuaskan kerana beliau mengetahui kedua-dua ilmu itu. Begitulah Imam Shafi'i mampu menggabungkan dua aliran fiqh dan menyebarkannya ke serata dunia Islam dengan pemikiran, kaedah dan usulnya yang tersendiri.⁸⁷

Ini menunjukkan bahawa Imam Shafi'i mempunyai personaliti yang tersendiri, di mana beliau mampu melahirkan satu bentuk fiqh baru yang dicampur aduk dari dua aliran fiqh, *al-ḥadīth* dan *al-ra'y*. Beliau mula dikenali oleh orang ramai termasuk ulama-ulama sezaman dengannya kerana kelainan mazhab yang diasaskannya itu.⁸⁸

Tidak hairanlah jika Imam Shafi'i mempunyai kebolehan sebegitu kerana beliau termasuk orang yang disabdakan oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya:

عالم قريش يملأ الأرض علما⁸⁹

Maksudnya: "Seorang alim dari golongan Quraysh akan memenuhi dunia ini dengan ilmu".

Imam Abu Nu'aym °Abd al-Malik bin Muhammad berkata:

"Hadis ini satu tanda yang nyata bahawa yang dimaksudkan oleh hadis ini ialah al-Syafi'i kerana keilmuannya semakin jelas kelihatan oleh orang ramai, manakala buku-bukunya pula ditulis dan dipelajari."⁹⁰

Metode Imam Shafi'i dalam Istinbat Hukum

Mazhab Shafi'i terbina di atas usul mazhab seperti berikut iaitu al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas. Dari segi penggunaan usul mazhab tersebut, Imam Shafi'i mempunyai cara yang berlainan dari imam-imam mazhab yang lain dalam pengamalannya. Tidak setakat itu sahaja, Imam Shafi'i turut beramal dengan qawl sahabi, uruf dan istishab.⁹¹

Namun Imam Shafi'i menolak istihsan yang diamalkan oleh fuqaha Iraq dan masalah mursalah yang diamalkan oleh Imam Malik.⁹² Imam Shafi'i berpendapat bahawa kedua-dua usul ini tidak menepati kehendak syarak kerana ia istinbat yang menurut hawa nafsu dan beliau menentang penggunaan usul-usul itu sekeras-kerasnya. Mungkin pada zaman Imam Shafi'i itu ramai orang yang menggunakan dua kaedah tersebut untuk mencapai kepentingan tertentu di atas nama syarak. Jadi Imam Shafi'i mengambil langkah untuk membanteras gejala ini dengan mengatakan bahawa kaedah istihsan dan masalah mursalah tidak boleh digunakan dalam istinbat hukum.

Namun sesiapa yang melihat kepada furuk masalah mazhab Shafi'i, beliau akan mendapati bahawa sebenarnya Imam Shafi'i juga turut beramal dengan kaedah istihsan dan masalah mursalah tetapi

tidak dengan nama dua kaedah tadi, bahkan apabila beliau tidak mendapati dalil dari nas beliau akan menggunakan metode qiyas untuk mengetahui sesuatu hukum kerana qiyas mempunyai kaitan yang jelas dengan hukum nas asal berbanding kaedah istihsan dan masalah mursalah.⁹³ Sebenarnya dalam beberapa kes tertentu Imam Shafi'i turut menggunakan kaedah istihsan ini seperti dalam masalah pencuri di mana beliau berkata:

Sekiranya dia mengeluarkan tangan kirinya sebagai ganti tangan kanan lalu dipotong tangan kirinya itu, maka mengikut qiyas tangan kanannya itu hendaklah dipotong juga tetapi menurut kaedah istihsan tidak perlu dipotong tangan kanannya itu.⁹⁴

Imam Shafi'i juga seperti dua orang imam sebelum ini Abu Hanifah dan Malik dalam menerima pakai empat usul yang disepakati oleh jumhur ulama iaitu al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas. Ini merupakan kaedah asas bagi seseorang mujtahid dalam mengistinbatkan sebarang hukum bagi permasalahan yang berlaku.

Imam Ahmad bin Hanbal

Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Asad bin Idris bin °Abdullah bin Hayyan bin °Abdullah bin Anas bin °Awf bin Qasit bin Mazin bin Shayban bin Zuhl bin Tha°labah bin °Ukabah bin Sa°b bin °Ali bin Bakr bin Wa'il.⁹⁵

Dilahirkan di Baghdad pada Rabiul Awwal tahun 164H bersamaan 780M setelah ibunya datang dari Marw ketika mengandungkannya. Ayahnya mati ketika masih muda, jadi ibunyalah yang mengambil alih membesarkannya.⁹⁶

Beliau hidup pada zaman °Abbasiyyah di mana ketika itu pemerintahan °Abbasiyyah berada dalam keadaan stabil tanpa ada kekacauan besar dari pihak Khawarij dan Syiah. Cuma setelah berlaku perbalahan antara al-Amin dan al-Ma'mun dalam merebut jawatan khalifah yang akhirnya dimenangi oleh al-Ma'mun, berlaku sedikit kegoyahan dalam pemerintahan °Abbasiyyah kerana al-Ma'mun meminta bantuan dari tentera Parsi. Jadi ada unsur-unsur bukan Arab meresap masuk dalam pemerintahan °Abbasiyyah pada

zaman al-Ma'mun dan mereka tidak lagi sekuat dahulu.⁹⁷ Tetapi ini semua tidak mempengaruhi sedikit pun kehidupan Imam Ahmad bin Hanbal.

Tidak banyak riwayat yang menceritakan tentang kehidupan Imam Ahmad sewaktu kecil. Imam Ahmad membesar di Baghdad dalam keadaan miskin sejak dari kecil lagi, kerana ayahnya tidak meninggalkan harta yang banyak buatnya dan ibunya kecuali sebuah rumah untuk diduduki dan sebuah rumah lagi yang dibuat sewa. Jadi beliau bersama ibunya hanya mendapat pendapatan dari duit sewa rumah itu sahaja sebanyak 17 dirham sebulan.⁹⁸

Pendidikan Imam Ahmad bermula dengan penghafalan al-Quran seperti kanak-kanak yang lain. Di samping itu juga, beliau belajar membaca dan menulis. Sejak kecil lagi beliau cintakan ilmu, tambahan pula didorong oleh ibunya yang ingin melihat kejayaan pada diri Imam Ahmad.⁹⁹

Selepas itu, beliau menumpukan pula pengajian dalam bidang hadis ketika berumur 16 tahun. Pada permulaannya beliau belajar hadis di Baghdad dari tahun 179H hingga ke tahun 186H iaitu selama tujuh tahun. Kemudiannya beliau mula keluar dari Baghdad pada tahun 186H menuju ke Basrah, Hijaz, Yaman dan Kufah untuk meneruskan pencariannya dalam ilmu hadis.¹⁰⁰ Ini menunjukkan beliau sanggup bersusah payah demi mencari ilmu walaupun ketika itu tidak ada kemudahan pengangkutan yang sempurna.

Di samping ilmu hadis yang dipelajarinya, beliau juga mempelajari ilmu fiqh. Beliau telah belajar dan mengkaji fiqh Khulafa' Rasyidin, sahabat-sahabat yang lain, fiqh tabiin dan juga fiqh tabi tabiin. Ilmu ini beliau pelajari daripada seorang tokoh ilmu fiqh yang agung iaitu Imam Shafi'ī Rahimahullah. Beliau juga belajar daripada Imam Shafi'ī cara istinbat hukum atau bagaimana menghasilkan hukum furuk daripada sumber-sumber syarak.¹⁰¹ Dengan ini beliau telah menguasai dua ilmu iaitu ilmu hadis dan ilmu fiqh yang melayakkan beliau menjadi seorang mujtahid mutlak yang mampu mengasaskan mazhab fiqhnya tersendiri.

Beliau hanya mengajar orang ramai setelah umurnya mencecah 40 tahun iaitu sama dengan umur nabi Muhammad ketika diutuskan menjadi rasul, itu pun setelah beberapa orang gurunya seperti Imam Shafi'ī meninggal dunia kerana menghormati mereka. Beliau

menetapkan pengajiannya diadakan selepas asar kerana waktu itu sesuai untuk belajar pada zaman itu, memandangkan orang ramai tidak banyak mempunyai urusan ketika itu dan waktu rehat bagi semua orang.¹⁰²

Dalam hidupnya, Imam Ahmad telah menghadapi satu ujian besar yang benar-benar menguji pendiriannya. Ketika itu heboh dengan pendapat yang mengatakan al-Quran itu makhluk bukannya qadim, satu dakyah yang terpesong dari ajaran Islam dan membahayakan akidah umatnya. Pendapat ini telah dihebahkan oleh Ahmad bin Abu Du'ad seorang ulama Mu^ctazilah pada tahun 218H dan beliau mempengaruhi khalifah al-Ma'mun untuk mempercayainya.¹⁰³

Ketika ramai ulama yang terpengaruh dengan dakyah itu kerana takutkan tindakan dari khalifah, Imam Ahmad berpegang teguh dengan pendiriannya bahawa al-Quran itu sebenarnya qadim dan tidak goyah dengan seruan batil tadi. Beliau mempertahankan pendapatnya lebih kurang 15 tahun iaitu dari tahun 218H hingga tahun 233H, yang akhirnya khalifah al-Mutawakkil menamatkan dakyah tersebut. Akibatnya Imam Ahmad telah dipenjara dan dipukul dengan teruk, tetapi beliau tetap tabah dan beliau mengungkapkan kata-kata yang menjadi peransang kepada umat Islam sehingga ke hari ini:

إذا سكت العالم تقية والجاهل يجهل فمتى يظهر الحق ؟

Maksudnya: “*Sekiranya seorang alim berdiam diri kerana taqiyyah (untuk melindungi dirinya), sedangkan orang jahil terus jahil, maka bilakah kebenaran akan timbul?*”¹⁰⁴

Dengan keteguhan pendirian itu, Imam Ahmad telah menyelamatkan akidah umat Islam walaupun terpaksa berhadapan dengan bahaya yang boleh meragut nyawanya. Jikalau tidak dengan sikap Imam Ahmad ketika itu, nescaya umat Islam sekarang akan berakidah dengan akidah Mu^ctazilah, *wa al-^ciyāz bi Allah*. Allah telah menyelamatkan umat Islam dengan pendirian Imam Ahmad itu.

Memandangkan zaman Imam Ahmad terkenal dengan pembukuan ilmu-ilmu Islam, beliau tidak ketinggalan dalam hal ini dan hasilnya beliau telah mengimpunkan hadis-hadis dalam bukunya

Pengaruh Aliran al-Ḥadīth dan al-Ra'y Terhadap Imam-imam Mazhab

yang masyhur “*al-Musnad*” yang beliau karang pada tahun 180H. Kitab ini mengandung 30 hingga 40 ribu hadis yang disaringnya dari 700 ribu hadis.¹⁰⁵

Di samping itu beliau juga mengarang kitab-kitab lain seperti *Kitāb al-ʿIlm*, *Kitāb al-Farā'id*, *Kitāb al-Tafsīr*, *al-Nāsikh Wa al-Mansūkh*, *al-Zuhd*, *al-Īmān*, *al-Ashribah*, *al-Masā'il*, *al-Faḍā'il*, *Tā'at al-Rasūl*, *al-Radd ʿAlā al-Jahmiyyah*, *al-Manāsik*, *Kitāb al-Salāh*, *Kitāb al-Sunnah* dan lain-lain.¹⁰⁶

Imam Ahmad meninggal dunia di Baghdad pada tahun 241H dan ditanam di perkuburan Bab Harb. Ketika itu beliau sudah berumur 77 tahun. Beliau wafat setelah sakit beberapa hari. Menurut Abu al-Hasan ʿAli al-Hasani al-Nadawi, Imam Ahmad jatuh sakit pada malam rabu dan menanggung sakitnya itu selama sembilan hari.¹⁰⁷ Dengan meninggalnya Imam Ahmad, umat Islam telah kehilangan sebutir mutiara yang tiada tolak bandingannya. Keteguhannya dalam mempertahankan akidah Islam akan diingat dan dihargai oleh semua umat Islam. Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas rohnya dan menempatkannya di dalam syurga bersama para nabi, amin.

Pengaruh Aliran al-Ḥadīth dan Aliran al-Ra'y Terhadap Imam Ahmad bin Hanbal

Pada peringkat permulaan pengajiannya tentang syariah, Imam Ahmad mendapati ada dua aliran yang berkembang di Baghdad iaitu aliran fiqh (*al-ra'y*) dan aliran *al-ḥadīth*.¹⁰⁸ Sama seperti Imam Shafiʿi, beliau juga mendapati pada zamannya itu telah sedia ada dua mazhab iaitu mazhab Hanafiyyah (fiqh *al-ra'y*) dan mazhab Malikiyyah (fiqh *al-ḥadīth*), ditambah pula dengan mazhab Shafiʿiyyah yang dilihat seimbang antara dua mazhab tadi, jadi sudah tentulah ini menarik minat Imam Ahmad untuk turut mengkaji mazhab-mazhab ini, seterusnya dia mampu mengasaskan mazhabnya tersendiri.

Imam Ahmad juga terpengaruh dengan kedua-dua aliran *al-ra'y* dan *al-ḥadīth*. Masing-masing ada sumbangan terhadap Imam Ahmad dalam menentukan sikap dan hala tujunya dalam aliran fiqh.

Pengaruh Aliran *al-Hadīth*

Imam Ahmad menumpukan pengajiannya dalam bidang hadis pada permulaannya dan beliau banyak mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain demi mencari hadis yang diriwayatkan oleh orang-orang tertentu. Di mana sahaja beliau mendengar ada perawi yang memiliki hadis baru, beliau akan pergi ke sana kecualilah terdapat halangan-halangan yang tidak dapat dielakkan.

Beliau telah berguru dengan ulama-ulama hadis seperti Hushaym bin Bashir bin Abu Hazim al-Wasiti, °Umayr bin °Abdullah bin Khalid, °Abd al-Rahman bin Mahdi, Abu Bakr bin °Ayyash, Isma°il bin °Aliyyah, Hammad bin Khalid al-Khayyat, Mansur bin Salamah al-Khuza°i, al-Muzaffar bin Madrak, °Uthman bin °Umar bin Faris, Abu al-Nadr Hashim bin al-Qasim, Abu Sa°id hamba Bani Hashim, Muhammad bin Yazid, Yazid bin Harun, Muhammad bin Abu °Adi, Muhammad bin Ja°far Ghundur, Yahya bin Sa°id al-Qattan, Bashar bin al-Mufaddal, Muhammad bin Bakr al-Barsani, Abu Dawud al-Tayalisi, Ruh bin °Ibadah, Waki° bin al-Jarrah, Abu Mu°awiyah al-Darir, °Abdullah bin Namir, Abu Usamah, Sufyan bin °Uyaynah, Yahya bin Salim al-Ta°ifi, Muhammad bin Idris al-Shafi°i, Ibrahim bin Sa°d al-Zuhri, °Abd al-Razzaq bin Humam, Abu Qurrah Musa bin Tariq, al-Walid bin Muslim, Abu Mashar al-Dimashqi, Abu al-Yaman, °Ali bin °Abbas, Bashar bin Shu°ayb bin Abu Hamzah al-Humsayayn dan lain-lain lagi.¹⁰⁹

Imam Ahmad mula meriwayatkan hadis daripada kadi Abu Yusuf, namun beliau telah mendampingi seorang ulama hadis pada zamannya iaitu Hushaym bin Bashir bin Abu Hazim al-Wasiti selama empat tahun. Gurunya Hushaym dan begitu juga °Abd al-Razzaq banyak mendorong beliau supaya menjadi seperti mereka. Namun orang yang paling mempengaruhi diri Imam Ahmad ialah gurunya Hushaym di mana beliau melihat kehebatan ada dalam diri gurunya itu dan beliau menghafal semua hadis yang diriwayatkan oleh Hushaym kepadanya.¹¹⁰

Pengajiannya dalam bidang hadis selama tujuh tahun di Baghdad disamping mendampingi gurunya Hushaym, menjadikannya Imam Ahmad banyak mengumpul hadis-hadis. Bukan itu sahaja, beliau juga mengetahui sanad dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan

hadis. Tambahan pula minatnya terhadap ilmu hadis menyebabkan beliau juga diiktiraf sebagai ulama hadis yang hebat dan kitab Musnadnya menjadi bukti kepada itu. Jadi pengaruh aliran *al-hadīth* sedikit sebanyak telah ada dalam diri Imam Ahmad.

Pengaruh Aliran *al-Ra'y*

Walaupun Imam Ahmad muhaddis yang hebat dan tahu perkara-perkara berkenaan sunnah, beliau juga alim dalam bidang fiqh. Beliau menimba ilmu mengenai fiqh terutamanya fiqh *al-ra'y* daripada kadi Abu Yusuf Imam fuqaha *al-ra'y* dan juga daripada Imam Shafi'i.¹¹¹

Walaupun hampir ke semua pengarang kitab sejarah perundangan Islam hanya menyebut dua orang fuqaha itu yang mengajar fiqh kepada Imam Ahmad, tetapi kita yakin bahawa Imam Ahmad tidak mempelajari fiqh hanya dengan dua orang tokoh fuqaha tersebut sahaja, tetapi turut mengambil ilmu fiqh dari fuqaha-fuqaha lain yang ada pada zaman itu.

Pertama kali Imam Ahmad belajar dengan Imam Shafi'i ialah di Hijaz (Mekah) dan seterusnya belajar pula di Baghdad. Beliau amat tertarik sekali dengan metode istinbat hukum yang diamalkan oleh Imam Shafi'i.¹¹² Sudah tentu cara Imam Shafi'i menjadi tarikan kepada orang ramai terutama ulama-ulama kerana metodenya itu adalah lain dari yang lain. Mazhabnya tidak seperti mazhab Hanafiyyah yang lebih cenderung kepada fikiran dan tidak pula seperti mazhab Malikiyyah yang lebih cenderung kepada hadis malah mazhab Shafi'iyyah mengimbangi antara kedua-dua mazhab tadi. Ini yang membuatkan Imam Ahmad mengkagumi Imam Shafi'i.

Imam Ahmad pernah memuji gurunya Imam Shafi'i dengan berkata:

“Tidaklah seseorang memegang pen untuk menulis ilmu melainkan dia telah menerima sumbangan Imam Shafi'i” dan beliau berkata lagi, “Imam Shafi'i orang yang paling faqih tentang al-Quran dan sunnah RasulNya.”¹¹³

Imam Ahmad dianggap antara pengikut Imam Shafi'i pada mulanya dan sentiasa mendampingi gurunya itu di Baghdad

sehinggalah Imam Shafi'i berhijrah ke Mesir. Sebelum Imam Shafi'i berangkat, beliau berkata:

Aku keluar meninggalkan Baghdad dan tidak aku tinggalkan di situ orang yang lebih bertaqwa dan faqih selain daripada Ibnu Hanbal.¹¹⁴

Walaupun Imam Ahmad tertarik dengan cara Imam Shafi'i, tetapi dalam beberapa kes tertentu, Imam Ahmad menyalahi pendapat gurunya Imam Shafi'i terutamanya dalam menerima kaedah istihsan dan dalam syarat-syarat akad. Terkadang ada hadis dan athar yang sampai kepada Imam Ahmad tetapi tidak sampai kepada Imam Shafi'i hinggalah Imam Shafi'i pernah berkata kepada Imam Ahmad dan ulama-ulama hadis yang lain:

أنتم أعلم بالحديث والأخبار مني فإن كان صحيحاً فأعلموني

Maksudnya: "Kamu semua lebih tahu hadis dan khabar daripada aku. Jika ada hadis sahih (yang tidak aku ketahui), maka beritahulah aku".¹¹⁵

Dengan memiliki ilmu hadis dan fiqh, telah menjadikan Imam Ahmad berkebolehan dalam mengistinbatkan hukum dengan caranya sendiri. Ketika mengistinbatkan hukum, beliau banyak bergantung dengan hadis di samping penggunaan *al-ra'y*. Boleh dikatakan beliau adalah faqih yang pakar dalam bidang hadis atau dengan erti kata lain mazhabnya adalah berdasarkan fiqh sunnah.¹¹⁶

Metode Imam Ahmad bin Hanbal dalam Istinbat Hukum

Dalam pengajiannya, Imam Ahmad telah menghimpunkan banyak hadis yang dipelajarinya. Di samping itu beliau turut mengumpul dan mengkaji pendapat dan keputusan sahabat serta fatwa dan keputusan tabiin. Pendapat dan fatwa ulama salaf ini sememangnya mengandungi fiqh, jadi Imam Ahmad telah mendapat faedah yang besar dalam membina mazhabnya sendiri melalui pendapat-pendapat tersebut.¹¹⁷ Hasil pengkajian yang mendalam, Imam Ahmad telah mengasaskan mazhabnya sendiri yang dianggap sebagai mazhab fiqh keempat yang masyhur dan masih kekal sehingga sekarang.

Manna° Al-Qattan dan °Ali Muhammad & °Adil Ahmad menyebut bahawa usul mazhab Hanbali terdiri atas lima usul:

1. Nas: iaitu nas al-Quran dan nas hadis. Apabila beliau mendapati sesuatu nas, beliau tidak akan berpaling kepada perkara lain yang menyalahi nas itu walaupun fatwa itu dikatakan oleh sahabat.
2. Fatwa sahabat ketika ketiadaan nas: apabila Imam Ahmad mendapati fatwa sahabat dan tiada pendapat lain yang menyanggahinya, beliau akan menerima fatwa itu, tetapi beliau seboleh-bolehnya tidak mengatakan fatwa itu sebagai ijmak bahkan beliau berkata, “tidak aku ketahui pendapat lain yang menyalahi fatwa itu”. Ini menunjukkan bahawa Imam Ahmad menganggap fatwa sahabi yang tiada penyanggahan sebagai hujah yang boleh diterima.
3. Memilih fatwa sahabat yang kuat jika berlaku perselisihan: apabila berlaku perselisihan pendapat antara sahabat, Imam Ahmad akan memilih pendapat yang paling hampir dengan al-Quran dan Hadis. Sekiranya pendapat-pendapat itu sama kuat beliau akan bertawaqquf (tidak mengeluarkan pendapat sendiri) dan hanya menyebut dalam masalah sekian ada dua pendapat.
4. Berpegang dengan hadis *mursal* dan hadis daif: beliau turut menerima hadis *mursal* dalam istinbat hukumnya iaitu hadis yang terputus sanadnya di peringkat sahabat seperti seorang tabiin berkata, “berkata Rasul Allah S.A.W ...” tanpa menyebut perawi sahabat. Beliau juga bersandarkan dengan hadis daif dengan syarat-syarat yang ketat seperti tidak ada hadis lain selain hadis daif ini, tidak batil¹¹⁸ dan tidak *munkar*¹¹⁹, bahkan ia seperti hampir dengan hadis hasan¹²⁰. Imam Ahmad mendahulukan hadis daif ini ke atas qiyas dan beliau telah berkata:

الحديث الضعيف أحب إلي من الرأي

Maksudnya: “(Berhujah dengan) hadis daif lebih aku suka daripada (menggunakan) fikiran”.

5. Qiyas: sekiranya beliau tidak mendapati dalil dari empat usul di atas, beliau akan menggunakan qiyas atau dalam erti kata lain beliau menggunakan qiyas hanya dalam keadaan terdesak.¹²¹

Kesimpulan

Aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y* memang mempengaruhi imam-imam mazhab yang empat dalam memilih metode fiqh yang berdasarkan kedua-dua aliran tersebut. Imam Abu Hanifah dilihat lebih cenderung kepada aliran *al-ra'y*. Imam Malik pula dilihat lebih cenderung kepada aliran *al-ḥadīth*. Manakala Imam Shafi'ī dan Imam Ahmad dilihat agak pertengahan antara dua aliran itu walaupun ramai pengarang kitab mengatakan Imam Ahmad lebih cenderung kepada penggunaan hadis dalam istinbat hukumnya.

Kecenderungan imam-imam mazhab dalam memilih aliran masing-masing disebabkan faktor-faktor yang mempengaruhi mereka. Suasana tempat di Kufah dan guru mempengaruhi Imam Abu Hanifah untuk menerima aliran *al-ra'y*. Begitu juga Imam Malik, faktor tempat dan guru banyak mempengaruhinya dalam menerima aliran *al-ḥadīth*.

Namun Imam Shafi'ī yang datang selepas zaman dua imam itu terkenal dengan banyak bermusafir dalam mencari ilmu, jadi beliau tidak banyak dipengaruhi oleh faktor suasana tempat. Beliau menerima ilmu dari dua tokoh yang berlainan aliran iaitu Imam Malik (*al-ḥadīth*) dan Imam Muhammad bin al-Hasan (*al-ra'y*), tetapi beliau mempunyai acuannya sendiri dalam menentukan aliran fiqhnya. Beliau tidak terpengaruh dengan mana-mana aliran, tetapi menggabungkan antara dua metode aliran itu. Hasilnya lahirlah mazhab Shafi'iyah yang seimbang antara aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y*.

Imam Ahmad bin Hanbal pula juga seperti Imam Shafi'ī yang banyak bermusafir ke serata negara Islam dalam mencari ilmu. Beliau banyak menumpukan perhatiannya kepada pengajian ilmu hadis walaupun tidak mengengapikan ilmu fiqh. Ada antara sejarawan Islam mengatakan Imam Ahmad seorang muhaddis yang faqih, namun seperti yang sudah masyhur beliau salah seorang imam mazhab fiqh

empat yang agung dan masih diamalkan sehingga sekarang. Dapat kita simpulkan bahawa Imam Ahmad juga seperti Imam Shafi'i yang mengimbangi antara aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y* walaupun beliau banyak bersandarkan kepada hadis dalam istinbatnya.

Nota

- ¹ Ada setengah riwayat menyebut beliau adalah al-Nu'man bin Thabit bin Zuta.
- ² Lihat al-Saymari 1976: 2 & Kirro 1976: 66.
- ³ *Faluzaj* ialah daging manis yang diperbuat dari kanji (starch), air dan madu.
- ⁴ Perayaan awal tahun bagi orang Qibti atau Parsi.
- ⁵ Abu Zahrah 1961-1962: 131.
- ⁶ Lihat Ghawaji 1993: 48-49 & Khallaf 1947: 315.
- ⁷ al-Shak'ah 1983b: 10.
- ⁸ al-Sharqawi 1985: 59.
- ⁹ Lihat 'Isawi 1967-1968: 167, al-Sarakhsi 1989: 3, al-Hazayimah & Mustafa 1996: 80.
- ¹⁰ Lihat Kirro 1976: 73, al-Qattan 1995: 265, 'Isawi 1967-1968: 151-152.
- ¹¹ Beliau disebut sebanyak 110 sebatan. Setiap hari beliau disebut sepuluh rotan. Apabila Yazid bin 'Umar bin Hubayrah melihat keengganan Abu Hanifah yang berterusan maka beliau pun dibebaskan. Sebab utama beliau disebut bukanlah kerana beliau enggan menerima jawatan kadi tersebut. Menurut Muhammad al-Khudari Bek, sebabnya ialah ingin melihat sejauhmana kesetiaan Abu Hanifah kepada pemerintahan Bani Umawiyah setelah Yazid bin 'Umar bin Hubayrah mendapati Abu Hanifah agak goyah kesetiannya.
- ¹² Lihat Muhammad Yusuf Musa 1961: 141 & Ibnu Nujaym 1996: 5.
- ¹³ Beliau meninggal di dalam penjara di Baghdad. Beliau ditanam di perkuburan al-Khizaran dan jenazahnya diimami oleh kadi Baghdad ketika itu iaitu al-Hasan bin 'Imarah. Imam Abu Hanifah hidup selama 70 tahun. Diceritakan bahawa bilangan orang yang sembahyang jenazah ke atasnya dianggarkan seramai lima puluh ribu orang dan Abu Ja'far al-Mansur sendiri telah bersembahyang di atas kuburnya selepas beliau dikebumikan. Lihat al-Qattan 1995: 265.
- ¹⁴ Lihat Zaydan 1990: 131, 'Isawi 1967-1968: 15, Abu Zahrah 1961-1962: 137 & Syah Waliyyullah al-Faruqi 1385: 13.
- ¹⁵ al-Kawthari 1970: 40.

Sejarah Perundangan Islam

- ¹⁶ Iaitu berpegang dengan nas-nas al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W dan kurang menggunakan fikiran dalam ijtihad mereka.
- ¹⁷ Lihat bab II.
- ¹⁸ Tidak hairan jika bilangan gurunya sebegitu ramai kerana beliau hidup selama 70 puluh tahun dan menunaikan haji sebanyak 55 kali. Musim haji yang menghimpunkan ulama dari seluruh negara Islam menemukan beliau dengan ulama-ulama ini dan beliau mengambil kesempatan untuk belajar dengan mereka. Lihat Ghawaji 1993: 57.
- ¹⁹ Lihat al-Qattan 1995: 266, °Isawi 1967-1968: 154, Al-Hazayimah & Mustafa 1996: 78, al-Says t.th: 91 & Zaydan 1990: 131.
- ²⁰ Badran Abu al-°Aynayn Badran t.th: 184.
- ²¹ Abu Hanifah mendampingi Hammad sehinggalah gurunya meninggal dunia pada tahun 120H dan selepas itu beliau menggantikan tempat gurunya untuk mengajar orang ramai di Kufah. Lihat al-Khudari Bek 1994: 143.
- ²² Kirro 1976: 72.
- ²³ Idris Jum°ah t.th: 518.
- ²⁴ Muhammad Abu Zahrah 1961-1962: 162-163.
- ²⁵ Al-Hadi Kirro 1976: 76.
- ²⁶ Lihat muka surat bab II dalam masalah mengangkat tangan di dalam sembahyang. Lihat al-Khudari Bek 1994: 144.
- ²⁷ Contoh penggunaan helah syarie ini ialah apa yang diriwayatkan bahawa al-A°mash telah bersumpah akan mentalakkan isterinya jika isterinya memberitahu tepung di rumahnya sudah habis sama ada dengan menulis, menghantar surat, meminta orang lain memberitahu suaminya atau membuat isyarat. Maka isterinya bertanya kepada Imam Abu Hanifah, lalu beliau membuat helah untuk mencari jalan penyelesaian dengan berkata, “jika tepung di rumahmu sudah habis, maka engkau ikatkan guni tepung itu ke kain atau bajunya ketika dia tidur. Apabila dia bangun keesokan paginya atau dia bangun untuk qiyamullail, dia akan tahu dengan sendirinya bahawa tepung di rumahmu sudah habis. Lihat Badran Abu al-°Aynayn Badran t.th: 187.
- ²⁸ Istihsan ialah “berpaling daripada suatu hukum yang diputuskan oleh dalil syarak dalam sesuatu masalah kepada suatu hukum lain kerana ada dalil lain yang lebih kuat menuntut palingan itu”. Daripada takrif ini istihsan berlaku dalam dua bentuk. Yang pertama dengan mentarjih qiyas *khafi* ke atas qiyas *jali* berdasarkan dalil. Kedua dengan mengecualikan masalah *juz’i* dari kaedah *kulli* atau kaedah umum berdasarkan dalil khusus yang menuntutnya begitu.
- ²⁹ Idris Jum°ah t.th: 406.

Pengaruh Aliran al-Ḥadīth dan al-Ra'y Terhadap Imam-imam Mazhab

- ³⁰ Muhammad Isma'īl 1978: 60.
- ³¹ Lihat al-Kandahlawi 1980: 17, Abu Zahrah t.th.b: 192, Abu Zahrah t.th.c: 49, Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami al-Muqaran 1386: 275 & al-Kandahlawi 1980: 18.
- ³² Lihat al-Qattan 1995: 282, Abu Zahrah t.th.d: 22, Abu Zahrah t.th.d: 24 & al-Qattan 1995: 284.
- ³³ Lihat Abu Zahrah t.th.b: 193-194 & Abu Zahrah t.th.c: 24.
- ³⁴ Abu Zahrah t.th.c: 30-31.
- ³⁵ Lihat al-Khudari Bek 1994: 149 & Abu Zahrah t.th.b: 194.
- ³⁶ Ilmu yang diajarnya terbahagi kepada 3:
- i) Ilmu yang boleh dipelajari oleh semua manusia kerana ia bermanfaat untuk mereka dan tidak ada kemudaratannya iaitu ilmu yang berkaitan dengan hadis dan fatwa sahabat.
 - ii) Ilmu yang hanya boleh dipelajari oleh segelintir manusia sahaja dan ia membawa mudarat kepada sebahagian lain yang tidak memahaminya iaitu ilmu berkenaan akidah dan bagaimana berhujah dengan orang yang membuat bidah.
 - iii) Ilmu *al-ra'y*. Imam Malik tidak akan menyentuh mengenainya kecuali bila ditanya tentangnya, tetapi beliau hanya menjawab masalah yang benar-benar berlaku sahaja dan meninggalkan masalah yang belum berlaku walaupun ianya dijangka akan berlaku.
- ³⁷ Beliau tidak mengajar di masjid sepanjang hayatnya. Setelah beberapa ketika, pengajian berpindah ke rumahnya kerana beliau mengidap penyakit *sulus al-bawl* (kencing tidak lawas), tetapi setelah penyakitnya bertambah teruk, beliau berhenti dari mengajar.
- ³⁸ Abu Zahrah 1961-1962: 189-190.
- ³⁹ Kitab yang menghimpun antara hadis dan fiqh. Kitab ini boleh dinamakan kitab hadis kerana ia mengandungi hadis-hadis Rasulullah S.A.W atau *athar* daripada sahabat dan tabi'in. Ia juga boleh dinamakan kitab fiqh kerana ianya tersusun seperti susunan kitab-kitab fiqh yang lain iaitu bermula dengan bab bersuci, kemudian bab sembahyang, kemudian bab zakat, kemudian bab puasa dan seterusnya.
- ⁴⁰ Kitab ini ditulis oleh Imam Malik kepada Ibnu Wahb °Abdullah Abu Muhammad bin Wahb bin Muslim al-Qurashi. Kitab ini dinamakan *Dīwān al-°Ilm*. Sesetengah ulama menamakannya *al-Risālah Fī al-Qadr Wa al-Radd °Alā al-Qadariyyah*.
- ⁴¹ Kitab ini ditulis oleh Imam Malik kepada beberapa orang kadi. Terdiri daripada 10 jilid.
- ⁴² Kitab ini ditulis oleh Imam Malik kepada Abu Ghassan Muhammad bin Matraf.

Sejarah Perundangan Islam

- ⁴³ Kitab ini ditulis oleh Imam Malik kepada khalifah Harun bin al-Rashid. Lihat °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 100-101.
- ⁴⁴ Kitab ini ditulis oleh Imam Malik kepada al-Lays.
- ⁴⁵ Kitab ini membincangkan mengenai hukum-hukum haji.
- ⁴⁶ al-Kandahlawi 1980: 28.
- ⁴⁷ Abu Zahrah t.th.b: 213.
- ⁴⁸ Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu °Abbas dalam *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra* no. 15104 (*Bab Ma Ja'a Fi Talaq al-Mukrah*) berbunyi:

ليس لمكره طلاق

Maksudnya: “Tidak berlaku talak bagi orang yang dipaksa melakukannya”.

- ⁴⁹ Abu Zahrah 1961-1962: 205-206.
- ⁵⁰ Lihat al-Salmasi 1999: 92, °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 101-102.
- ⁵¹ Lihat °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 99 & al-Kandahlawi 1980: 21.
- ⁵² Lihat al-Qattan 1976: 215.
- ⁵³ Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurayrah dalam *Sunan al-Tirmizi* no. 2685 (*Bab Ma Ja'a Fi °Alim al-Madinah*). Al-Tirmizi berkata, “hadis ini hasan”.
- ⁵⁴ al-Kandahlawi 1980: 22.
- ⁵⁵ °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 122.
- ⁵⁶ al-Qattan 1976: 214.
- ⁵⁷ Lihat Isawi 1967-1968: 173 & Abu Zahrah t.th.b: 200.
- ⁵⁸ al-Shak°ah 1983b: 376.
- ⁵⁹ Abu Zahrah t.th.c: 25.
- ⁶⁰ Imam Malik berkata, “aku mendengar Ibnu Hurmuz berkata, “hendaklah orang alim mewarisi anak-anak muridnya dengan perkataan “aku tidak tahu” hingga ia menjadi satu asal (asas) yang mereka takut kepadanya”. Lihat Abu Zahrah t.th.c: 25.
- ⁶¹ al-Jundi t.th: 166.
- ⁶² al-Qattan 1995: 250.
- ⁶³ Isawi 1967-1968: 180.
- ⁶⁴ Abu Zahrah t.th.c: 31.
- ⁶⁵ °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 106-107.
- ⁶⁶ °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 107.
- ⁶⁷ al-Jundi t.th: 204-205.
- ⁶⁸ Lihat al-Shafi°i 1988: 17, al-Shafi°i 1993: 16, al-Shafi°i 1969: 3 & al-Nawawi 1996: 13.
- ⁶⁹ Lihat al-Nawawi 1996: 131, Ibnu Khallakan t.th: 165, al- Shafi°i 1993: 17 & al-Dimashqi 1993: 12.
- ⁷⁰ Lihat Ibnu Kathir 1993: 12, al-Shafi°i. 1993: 18& Zaydan 1990: 140.
- ⁷¹ al-Khudari Bek 1994: 156.

- ⁷² Yang pertama pada tahun 184H di mana Imam Shafi'i dituduh menyokong Syiah dan dibicarakan di hadapan Harun al-Rasyid, tetapi beliau didapati tidak bersalah dan dilepaskan. Kali ke dua pada tahun 195H di mana beliau berjumpa dengan anak muridnya Imam Ahmad bin Hanbal (pengasas mazhab Hanbali). Kali ke tiga pada tahun 198H. Lihat Ibnu Kathir 1993: 39.
- ⁷³ Lihat Zaydan 1990: 140 & al-Shafi'i 1993: 23.
- ⁷⁴ Lihat al-Nawawi 1996: 16 & al-Shafi'i 1993: 26.
- ⁷⁵ al-Mawardi 1994: 3.
- ⁷⁶ Lihat Ibnu Kathir 1993: 45 & al-Shafi'i 1993: 27-28.
- ⁷⁷ al-Shafi'i 1993: 10.
- ⁷⁸ Jalal al-Din 1979: 78.
- ⁷⁹ Jalal al-Din 1979: 84.
- ⁸⁰ Lihat al-Syafi'i 1993: 19-20/24 & al-Qattan 1995: 296.
- ⁸¹ al-Shafi'i 1993: 20.
- ⁸² al-Khudari Bek 1994: 157.
- ⁸³ Lihat al-Nawawi 1996: 14 & Zaydan 1990: 140.
- ⁸⁴ Muhammad Yusuf Musa 1961: 140.
- ⁸⁵ Muhammad Yusuf Musa 1961: 145.
- ⁸⁶ al-Qattan 1995: 303.
- ⁸⁷ Idris Jum'ah t.th: 526-527.
- ⁸⁸ Zaydan 1990: 141.
- ⁸⁹ Hadis ini disebut dalam kitab *°Awn al-Ma°bud Bi Sharh Sunan Abi Dawud (Kitāb al-Malāhim: Bāb Mā Yuzkar Fī Qadr Qarn al-Mi'ah)* tanpa disebut perawinya. Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud dalam *Musnad Abi Dawud al-Tayalisi* no. 309 berbunyi:
- لا تسبوا قريشا فإن عالمها يملأ طباق الأرض علما اللهم إنك أذقت أولها عذابا أو وبلا فأذق
آخرها نوالا .
- Maksudnya: “*Janganlah kamu mencela orang Quraysh kerana seorang alimnya bakal memenuhi pelusuk dunia ini dengan ilmu. Ya Allah Engkau telah kenakan orang terdahulu dengan azab atau kesusahan maka engkau kenakanlah orang terkemudian dengan pemberian (nikmat)*”.
- ⁹⁰ al-Subki 1964: 198-199.
- ⁹¹ °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 149.
- ⁹² al-Khudari Bek 1994: 158.
- ⁹³ al-Nabhan 1981: 273.
- ⁹⁴ °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 151.
- ⁹⁵ Ibnu Hanbal 1995: 66.
- ⁹⁶ Lihat al-Turki 1996: 45 al-°Amiri 1982: 34 & al-Nadawi 1960: 105.
- ⁹⁷ al-Qattan 1995: 314.

Sejarah Perundangan Islam

- ⁹⁸ Lihat Abu Zahrah t.th.d: 17 & al-Dawmi 1961: 216.
- ⁹⁹ Lihat al-Nadawi t.th: 105 & al-Dawmi 1961: 224.
- ¹⁰⁰ Lihat Mustafa Bek Najib t.th: 96, Abu Zahrah t.th.d: 21 & al-Nadawi t.th: 106.
- ¹⁰¹ Lihat al-Sharqawi 1981: 17, 1 & Abu Zahrah t.th.d: 154.
- ¹⁰² Lihat al-Nadawi t.th: 107, al-Sharqawi 1981: 183 & al-Dawmi 1961: 229-230.
- ¹⁰³ al-°Amiri 1982: 38-39.
- ¹⁰⁴ Lihat al-Khudari Bek 1994: 161-162 & al-Sharqawi 1981: 213-214.
- ¹⁰⁵ Lihat al-Dawmi 1961: 231, Mustafa Bek Najib t.th: 97 & al-Dawmi 1961: 237.
- ¹⁰⁶ al-Dawmi 1961: 237-238.
- ¹⁰⁷ Lihat Mustafa Bek Najib t.th: 97, al-Sharqawi 1981: 220 & Abu al-Hasan °Ali al-Hasani al-Nadawi 1960: 114.
- ¹⁰⁸ al-Qattan 1995: 316.
- ¹⁰⁹ Lihat Abu Zahrah t.th.d: 22 & al-Dawmi 1961: 228.
- ¹¹⁰ Lihat al-Nadawi 1960: 106, al-Dawmi 1961: 225-226 & Abu Zahrah t.th.d: 95-96.
- ¹¹¹ Lihat Zaydan 1990: 143 & al-Sharqawi 1981: 171.
- ¹¹² Abu Zahrah t.th.d: 29.
- ¹¹³ al- Shafi°i 1993: 25.
- ¹¹⁴ Mustafa Bek Najib t.th: 97.
- ¹¹⁵ al-Sharqawi 1981: 200.
- ¹¹⁶ °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 164.
- ¹¹⁷ °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 164.
- ¹¹⁸ Yang dimaksudkan dengan batil di sini ialah hadis *mawdū°*, yakni hadis palsu.
- ¹¹⁹ Hadis *munkar* ialah hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang daif dan bertentangan dengan yang diriwayatkan oleh perawi yang thiqah.
- ¹²⁰ Hadis hasan ialah hadis yang mempunyai sanad yang berhubung daripada seorang perawi kepada perawi yang lain sehingga akhir sanad melalui perawi-perawi yang adil dan kurang sempurna ingatan, hadis itu tidak pelik dan tidak mempunyai kecacatan.
- ¹²¹ Manna° Al-Qattan 1995: 321-326, °Ali Muhammad & °Adil Ahmad 2000: 167-168.

BAB 4

Penutup

Dalam bab-bab yang lepas, penulis telah membincangkan tentang kemunculan aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y*, tokoh kedua-dua aliran tersebut, metode dan pengaruhnya terhadap imam-imam mazhab yang empat. Seterusnya dalam bab terakhir ini, penulis akan menganalisa beberapa perkara sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat.

Pertama: aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y* yang berkembang pada zaman tabi'in telah didokong oleh para fuqaha yang berkaliber sejak sahabat R.A masih ada sehinggalah zaman imam-imam mazhab dan mujtahidin yang lain. Kedua-dua aliran ini lebih mendapat perhatian fuqaha berbanding aliran-aliran lain yang ada pada masa itu, malah boleh dikatakan aliran-aliran lain hampir tidak mendapat perhatian kerana kemasyhuran aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y*. Kedua-duanya ada kelebihan tersendiri dan mungkin juga ada kelemahan tersendiri, namun ia tidak menghalang para fuqaha memilih salah satu aliran tersebut untuk dijadikan pegangan.

Ia tidak bermakna dengan wujudnya dua aliran besar di dalam ilmu fiqh, umat Islam berpecah dan bertelingkah sesama sendiri. Sebenarnya bagi orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan, dia akan memahami bahawasanya ini semua merupakan rahmat kepada umat Islam itu sendiri. Sering kita mendengar kata-kata yang berbunyi:

اختلاف أمي رحمة¹

Maksudnya: “*Perselisihan umatku sebenarnya rahmat (kepada mereka)*”.

Maka dengan wujudnya dua aliran fiqh seperti aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y* ia sedikit sebanyak membantu umat Islam dalam memahami hukum-hukum syariat. Faedah yang dapat diambil oleh umat Islam ialah mereka boleh memilih mana-mana metode yang difikirkan sesuai bagi menyelesaikan masalah baru yang timbul di zaman ini. Namun tugas ini bukan boleh dilakukan oleh semua orang.

Hanya orang yang berkeelayakan sahaja boleh berbuat demikian. Bagi zaman sekarang yang tiada fuqaha muktabar, tugas ini menjadi tanggungjawab ke atas para sarjana Islam seperti tuan-tuan guru dan ustaz-ustaz dalam konteks negara kita Malaysia. Orang awam atau orang biasa pula boleh merujuk kepada ulama-ulama untuk mengetahui hukum-hakam.

Penulis berpendapat adalah amat baik sekiranya aliran *al-ḥadīth* yang cenderung kepada penggunaan hadis dan aliran *al-ra'y* yang cenderung kepada penggunaan fikiran digabungkan menjadi satu metode iaitu dengan bersandarkan kepada hadis di samping logik akal yang tidak menyalahi syarak. Maksud penulis ialah sekiranya berlaku sesuatu masalah baru pada zaman ini, para sarjana Islam boleh menghasilkan hukum dengan merujuk kepada hadis-hadis Rasulullah S.A.W atau dalil-dalil hukum yang lain. Untuk lebih memahamkan orang ramai, para sarjana Islam boleh menerangkan "*Maqāsid al-Shari'ah*" (objektif syarak) di sebalik hukum yang telah dikeluarkan itu.

Kedua: penulis melihat penyandingan nama seseorang faqih kepada kedua-dua aliran seolah-olah terhenti apabila mazhab-mazhab fiqh timbul. Jikalau sebelum kemunculan mazhab-mazhab fiqh, seseorang faqih mungkin disebut dan dikenali sebagai *faqīh al-ḥadīth* seperti Sa'īd bin al-Musayyib dan lain-lain atau sebagai *faqīh al-ra'y* seperti Ibrahim al-Nakha'ī dan lain-lain, tetapi bila munculnya mazhab-mazhab fiqh seperti mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'ī, Hanbali dan lain-lain, seseorang faqih itu lebih dikenali dengan panggilan berdasarkan mazhab yang dipegangnya seperti Abu Yusuf al-Ansari "al-Hanafi", 'Abdullah bin Wahb al-Qurashi "al-Maliki", Yusuf bin Yahya al-Buwayti al-Misri "al-Shafi'ī" dan Ahmad bin Muhammad bin Hani Abu Bakr al-Athram "al-Hanbali".

Dalam erti kata lain, umat Islam sekarang tidak lagi mengenali aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y* kerana mereka lebih mengenal mazhab-mazhab fiqh yang empat itu. Cerita tentang kedua-dua aliran tersebut seperti hilang ditelan zaman walaupun sebenarnya imam-imam mazhab berempat itu adalah pendokong kepada aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y*. Faktor ini mungkin disebabkan umat Islam jarang diajar tentang *Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmiyy* (Sejarah Perundangan Islam).

Penutup

Penulis berpendapat mata pelajaran *Tārīkh al-Tashrīʿ al-Islāmiyy* tidak boleh dikesampingkan dan sepatutnya ditekan pengajarannya di sekolah-sekolah menengah agama bahkan juga di universiti-universiti agar umat Islam tidak buta tentang sejarah perundangan Islam. Walaupun mata pelajaran ini ada di ajar dipondok-pondok pengajian Islam atau di sekolah-sekolah menengah agama tetapi kadang-kadang ia tidak diajar keseluruhannya. Para sarjana Islam di Malaysia perlu membuat satu silibus yang ringkas dan padat untuk kemudahan pelajar-pelajar dan juga orang ramai untuk rujukan tentang sejarah perundangan Islam.

Ketiga: yang dikatakan penggunaan akal oleh fuqaha *al-ra'y* ialah kebiasaan penggunaannya melalui metode qiyas iaitu apabila terjadi sesuatu masalah baru, fuqaha *al-ra'y* akan melakukan qiyas dengan meneliti masalah yang pernah diputuskan hukumnya sebelum ini yang sama *ʿillahnya* (sebabnya) dengan masalah baru ini. Jikalau *ʿillahnya* sama maka masalah baru ini akan diberikan hukum yang sama dengan masalah sebelumnya, tetapi jika *ʿillahnya* tidak sama, maka fuqaha *al-ra'y* akan berijtihad untuk memutuskan hukum baru melalui metode istihsan atau maslahah.

Jadi fuqaha *al-ra'y* bukan menggunakan akal secara membuta tuli dalam memutuskan sesuatu hukum. Mereka tidak berkata “ini boleh” dan “ini tidak boleh” sesuka hati tanpa membuat penilaian mendalam melalui metode qiyas. Dapat difahami di sini bahawa dalam melakukan qiyas perlu digunakan akal untuk meneliti kesamaan *ʿillah* atau ketidaksamaannya antara masalah baru dan masalah asal.

Keempat: dalam mengistinbatkan hukum semasa, seseorang faqih mesti memahami dua perkara. Yang pertama *fahm al-aḥkām* (memahami hukum) dan yang kedua *fahm al-wāqīʿ* (memahami keadaan semasa). Yang dimaksudkan di sini ialah apabila seseorang faqih ingin memutuskan sesuatu hukum ijtihad yang bukan *qatʿiyy* terhadap sesuatu masalah baru, dia bukan sahaja perlu mengetahui hukum yang bakal diputuskannya tetapi juga memahami keadaan semasa (realiti) agar hukum yang bakal diputuskan dapat menjaga kepentingan umat Islam supaya mereka hidup dengan lebih selesa.

Perlu diberi perhatian, bahawa tidak semua hukum boleh didasarkan kepada dua perkara tersebut. Faktor keadaan semasa tidak boleh diambil kira dalam hukum-hakam *qaḥīyy* seperti sembahyang, puasa dan lain-lain untuk dikatakan bahawa sembahyang tidak lagi sesuai pada zaman moden ini. Dalam erti kata lain, ia selalunya tidak berlaku dalam perkara-perkara ibadat dan selalunya ia berlaku dalam muamalat kerana ia sentiasa berubah mengikut zaman seperti *bayʿ al-salam* (jualan secara tempahan), *al-istiṣnāʿ* (tempah buat barang) dan lain-lain di mana pada asalnya kedua-dua transaksi itu hukumnya haram kerana ia jualan benda yang tiada semasa akad tetapi setelah umat Islam terlalu berhajat dengan transaksi sebegini, maka fuqaha berijtihad dan membolehkannya walaupun ia menyalahi qiyas.

Ia juga berlaku dalam pentadbiran politik seperti berpakat dengan bukan Islam untuk menentang kezaliman. Hukum meminta bantuan bukan Islam pada asalnya tidak boleh tetapi hukum itu berubah menjadi boleh sekiranya dengan bantuan itu, umat Islam akan mendapat faedah dan ia tidak membahayakan kedudukan umat Islam. Apapun semua ini memerlukan ijtihad dari para ulama untuk menentukan samada boleh ataupun tidak sesuatu perkara itu. Mungkin terkadang meminta bantuan bukan Islam menjadi haram berdasarkan sebab-sebab tertentu dan terkadang ia menjadi boleh berdasarkan kepentingan-kepentingan tertentu dan semuanya mengikut timbangan ijtihad.

Apa yang penulis cuba bawa di sini ialah fuqaha zaman ini perlu memahami dengan lebih luas tentang konsep "*taghayyur al-aḥkām bi taghayyur al-azmān*" (perubahan hukum dengan sebab perubahan zaman) dan konsep-konsep lain yang terdapat dalam "*maqāṣid al-sharīʿah*" (objektif syarak) untuk menghasilkan hukum yang sesuai kepada umat Islam di zaman ini. Penulis melihat banyak hukum-hakam ijtihadi perlu dinilai semula oleh fuqaha sekarang agar ia lebih sesuai dengan peredaran zaman yang canggih ini. Penulis tidak mempertikaikan hukum-hakam tersebut kerana kaedah usul ada menyebut "*al-ijtihād la yanquḍu bi al-ijtihād*" (ijtihad pertama tidak terbatal dengan ijtihad kedua).

Bertitik tolak dari inilah para mujtahid sekarang perlu menilai semula mana-mana hukum yang patut dinilai dan diputuskan hukum

baru agar syariat Islam tidak dikatakan statik kerana syariat Islam adalah syariat yang menjaga kebaikan dan kepentingan umatnya sepanjang zaman.

Kelima: penggunaan akal dalam mentafsirkan agama tanpa berpandukan nas al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Pada asasnya apabila membincangkan tentang ijthad maka kita tidak dapat lari dari penggunaan akal (fikiran). Secara umumnya ijthad itu ialah berusaha sepenuh daya (*bazl al-wus⁶*) untuk mengetahui sesuatu hukum syarak. Berusaha sepenuh daya dalam konteks ijthad sudah pasti bukannya dengan tenaga tulang empat kerat, tetapi melalui penilaian akal yang meneliti nas-nas syarak dan *maqāsid al-sharī'ah* (objektif syarak). Dengan itu penggunaan akal merupakan perkara asas dalam ijthad.

Perlu ditekankan bahawa akal tidak boleh dibiarkan bersendirian dalam memutuskan keputusan. Ia mesti dipandu dan dikawal oleh syarak agar ia menepati kehendak syarak dan tidak menyeleweng. Jumhur ulama Usul Fiqh berpendapat bahawa akal semata-mata tidak boleh memastikan baik buruk sesuatu perkara tanpa ada panduan dari syarak. Ulama muktazilah pula berpendapat sebaliknya iaitu akal dengan sendirinya boleh mengetahui baik buruk sesuatu perkara. Jadi akal mendapat tempat yang tinggi di sisi ulama muktazilah. Namun penulis lebih cenderung kepada pendapat jumhur dan ia adalah lebih rajih (kuat) berbanding pendapat muktazilah kerana kekuatan dalil yang dikemukakan.

Yang menjadi masalah sekarang ialah wujudnya golongan yang dipanggil sebagai Muktazilah moden. Golongan ini banyak menggunakan akal dalam mentafsirkan agama berdasarkan hawa nafsu untuk memenuhi kepentingan-kepentingan tertentu dan bukannya bertujuan untuk mencari kebenaran. Segala tindakan yang mereka buat akan disandarkan kepada masalah kononnya, sedangkan pada hakikatnya perbuatan mereka bertujukan udang di sebalik batu. Menurut syariat Islam kita mestilah merujuk kepada al-Quran dan sunnah terlebih dahulu. Jikalau tiada dalil barulah dibenarkan untuk menggunakan kaedah masalah mursalah. Itupun hanya masalah yang tidak menyalahi syarak sahaja dibenarkan.

Sekiranya kita berpegang kepada masalah, sedangkan ada nas atau kaedah umum yang mengatakan hukum sebaliknya maka

ia sudah dikira *maṣlahah mulghāh* (kepentingan yang tidak diiktiraf syarak). Jikalau kita berpendapat, ada masalah tertentu (seperti untuk menjaga hubungan dengan negara-negara barat) dengan mengundang kumpulan Scorpions mengadakan konsert di Malaysia, maka ia sebenarnya satu pendapat yang tidak berasas sama sekali. Sesungguhnya agama Islam yang suci ini tidak ada kena mengena dan berlepas tangan dari pendapat yang karut marut ini. Kita sendiri tahu keburukan yang berpunca dari konsert sebegitu adalah lebih besar dan banyak dari kebaikannya, malah ia sebenarnya merencanakan lagi gejala sosial yang semakin parah di negara kita.

Penulis berpendapat adalah lebih baik bagi orang yang tidak tahu tentang sesuatu perkara berdiam diri dan mendengar penjelasan dari mereka yang lebih arif, pakar dan ikhlas. Ini untuk mengelakkan berlakunya salah faham di kalangan masyarakat tentang Islam yang cuba dikelirukan oleh golongan muktazilah moden ini. Dosa mengelirukan orang ramai amat besar dan seseorang itu tidak sahaja menanggung dosanya sendiri akibat perbuatan jahatnya, bahkan turut menanggung dosa orang-orang yang beramal dengan pendapatnya itu.

Keenam: dalam zaman sekarang, pendapat seorang faqih mungkin tidak autoritatif yang boleh dibuat hujah seperti ulama zaman dahulu. Jikalau dahulu umat Islam boleh menerima pendapat seorang faqih seperti Imam Shafi'i, tetapi sekarang zaman itu sudah berubah yang menyaksikan tidak ada lagi mujtahid yang hebat dan diiktiraf oleh semua orang. Mungkin ada seorang alim di satu tempat, tetapi dia tidak dikenali oleh orang di tempat lain.

Untuk menyelesaikan masalah ini, para ulama di Malaysia perlu mempunyai satu jawatankuasa yang bertindak mengkaji permasalahan-permasalahan baru yang timbul seterusnya bersepakat mengeluarkan satu hukum yang boleh diikuti oleh masyarakat Islam di Malaysia. Dengan ini umat Islam lebih yakin dengan hukum yang diputuskan itu kerana ia diputuskan hasil kesepakatan bersama ulama-ulama tersebut.

Sebenarnya kita telah pun mempunyai Majlis Fatwa Kebangsaan yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah-masalah umat Islam di negara ini. Sepatutnya badan tersebut bergerak lebih agresif untuk menyelesaikan kekusutan yang berlaku di kalangan umat Islam dan sepatutnya juga ia bergerak dengan lebih bebas tanpa tekanan dari

Penutup

mana-mana pihak. Ini untuk memastikan hukum yang diputuskan benar-benar memberi kefahaman dan faedah kepada umat Islam.

Secara keseluruhannya, apabila penulis membuat kajian tentang aliran *al-ḥadīth* dan aliran *al-ra'y*, penulis cuba mencungkil kembali satu khazanah fiqh yang jarang dibahaskan oleh penulis-penulis Islam. Usaha yang dilakukan oleh fuqaha kedua-dua aliran sepatutnya dihargai oleh umat Islam sekarang kerana mereka cuba memberi sumbangan mereka yang terbaik kepada umat Islam semuanya dalam menangani masalah-masalah yang timbul. Sememangnya usaha mereka bukan satu usaha yang mudah. fuqaha *al-ḥadīth* bersusah payah dalam meneliti dan menilai sesuatu hadis samada ia sahih ataupun daif untuk dibuat hujah. Fuqaha *al-ra'y* pula bersusah payah menggunakan akal untuk mencari satu keputusan yang terbaik. Sepatutnya kekurangan yang ada pada mereka dilupakan jika hendak dibandingkan dengan susah payah usaha mereka.

Jikalau tidak ada fuqaha kedua-dua aliran, nescaya umat Islam terutamanya para ulama sekarang tidak ada panduan dalam menilai sesuatu hadis dan penggunaan akal yang betul menurut syarak. Wa Allah A'lam.

Nota

- ¹ Diriwayatkan oleh al-Bayhaqi daripada Ibnu 'Abbas dengan sanad yang *munqati'*. Lihat *Kashf al-Khafā'* (*Bāb Harf al-Hamzah Ma'a al-Khā' al-Mu'jamah*).

Rujukan

Al-Quran.

Abd Hamid Tahir & Fauziyah Sani. 1978. *Al-Hadis dan Mustalah al-Hadis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

°Abd al-Halīm Muhammad Qunbus. 1987. *Muʿjam al-Alfāz al-Mushtarikah Fī al-Lughah al-ʿArabiyyah*. Lubnān: Maktabah Lubnān.

Abū Zahrah, Muhammad. 1961-1962. *Muhādarāt Fī Tārīkh al-Madhāhib al-Fihiyyah*. Shāriʿ al-Jaysh: Matbaʿah Mukhaymar.

Abū Zahrah, Muhammad. t.th.a. *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah Fī al-Siyāsah Wa al-ʿAqāʾid Wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fihiyyah*. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-ʿArabī.

Abū Zahrah, Muhammad. t.th.b. *Fī Tārīkh al-Madhāhib al-Fihiyyah*. jil. 2. t.tp: Matbaʿah al-Madanī.

Abū Zahrah, Muhammad. t.th.c. *Mālik Hayātuhu Wa ʿAsruhu, Ārāʾuhu Wa Fihihu*. t.tp: Dār al-Fikr al-ʿArabī.

Abū Zahrah, Muhammad. t.th.d. *Ibnu Hanbal Hayātuhu Wa ʿAsruhu Ārāʾuhu Wa Fihihu*. t.tp: Dār al-Fikr al-ʿArabī.

Ahmad Farrāj Husayn & al-Sarītī, °Abd al-Wadūd Muhammad. 1992. *al-Nazariyyāt al-ʿĀmmah Fī al-Fiḥ al-Islāmī Wa Tārīkhuhu*. Bayrūt: Dār al-Nahdah al-ʿArabiyyah.

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 1416H/1995. *al-Musnad*. thq. Ahmad Muhammad Shākir. jil. 1. Al-Qāhirah: Dār al-Hadīth.

Ahmad Shalabī. 1981. *Tārīkh al-Tashrīʿ al-Islāmī Wa Tārīkh al-Nuzum al-Qadaʾiyyah Fī al-Islām*. Ed. ke-2. Al-Qāhirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

al-ʿAk, Khālid °Abd al-Rahmān. 1413H/1993. *Mawsūʿah al-Fiḥ al-Mālikī*. jil. 1. Dimashq: Dār al-Hikmah.

°Alī °Abd al-Fattāh °Alī Hasan. 1410H/1990. *al-Hadīth al-Nabawī Wa Riwayātu*. al-Mansūrah: Matābiʿ al-Wafāʾ.

°Alī Muhammad Muʿawwad & °Ādil Ahmad °Abd al-Mawjūd. 1420H/2000. *Tārīkh al-Tashrīʿ al-Islāmī Dirāsāt Fī al-Tashrīʿ Wa Tatawwurihi Wa Rijālihi*. mrj°. Ibrāhīm °Alī Abū al-Khashab & °Abd al-ʿAziz °Izzat. jil. 2. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Badrān Abū al-ʿAynayn Badrān. 1983. *Al-Hadīth al-Nabawī Tārīkhuhu Wa Mustalahātu*. Iskandariyyah: Muʾassasah Shabāb al-Jāmiʿah.

Sejarah Perundangan Islam

- Badrān Abū al-°Aynayn Badrān. t.th. *Al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Tārīkhuhā Wa Nazariyyah al-Milkiyyah Wa al-°Uqūd*. Iskandariyyah: Mu'assasah Shabāb al-Jāmi'ah.
- al-Dāmaghānī, al-Husayn bin Muhammad. 1970. *Islāh al-Wujūh Wa al-Nazāir Fī al-Qurān al-Karīm*. Bayrūt: Dār al-°Ilm Li al-Malāyīn.
- al-Dawmī, Ahmad °Abd al-Jawwād. 1380H/1961. *Ahmad bin Hanbal Bayna Mihnah al-Dīn Wa Mihnah al-Dunyā*. Misr: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.
- al-Duraynī, Fathī. 1395H/1975. *al-Manāhij al-Usūliyyah Fī al-Ijtihād Bi al-Ra'y Fī al-Tashrī' al-Islāmī*. Dimashq: Dār al-Kitāb al-Hadīth.
- al-Dimashqī, Ibnu Kathīr. 1413H/1993. *Tabaqāt al-Fuqahā' al-Shāfi'īyyīn*. thq. Ahmad °Umar Hāshim & Muhammad Zaynaham Muhammad °Azab. jil. 1. Shāri° Bor Sa°id al-Zāhir: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- al-Dimashqī al-°Uthmānī al-Syāfi°, Abū °Abd Allah Muhammad bin °Abd al-Rahmān. 1994M-1414H. *Rahmah al-Ummah Fī Ikhtilāf al-A'immah*. thq. °Alī al-Sharbajī & Qāsim al-Nawwarī. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- al-Fārūqī, Shāh Walī Allah Ahmad bin °Abd al-Rahīm. 1385H. *Al-Insāf Fī Bayān Sabab al-Ikhtilāf Fī al-Ahkām al-Fiqhiyyah*. al-Qāhirah: al-Matba'ah al-Salafiyyah Wa Maktabatuhā.
- Ghāwajī, Wahbī Sulaymān. 1413H/1993. *Abū Hanīfah al-Nu'mān Imām al-A'immah al-Fuqahā'* Ed. ke-5. Dimashq: Dār al-Qalam.
- al-Ghāmīrī, Muhammad Kamāl al-Dīn bin Muhammad al-Ghazzī. 1402H/1982. *Al-Na'at al-Akmal Li Ashāb al-Imām Ahmad bin Hanbal*. thq. Muhammad Mutī° al-Hāfiz & Nizār Abāzah. Dimashq: Dār al-Fikr.
- al-Hasrī, Ahmad. 1408H/1988. *Min al-Fiqh al-Islāmī 1- al-Madkhal 2- al-°Ibādāt*. Bayrūt: Dār al-Jayl.
- al-Hasan, Khalīfah Bābakr. 1418H/1997. *Al-Ijtihād Bi al-Ra'y Fī Madrasah al-Hijāz al-Fiqhiyyah*. Al-Qāhirah: Maktabah al-Zahrā Li al-Tab° Wa al-Nashr Wa al-Tawzī°.
- al-Hazāyimah, Muhammad °Awad & Mustafā Ahmad Najīb. 1996. *Al-Madkhal Ilā Dirāsah al-Tashrī' al-Islāmī*. t.tp: Dār °Ammār.
- Ibrāhīm Anīs, °Atiyyah al-Sawālihī, °Abd al-Halīm al-Muntasir & Muhammad Khalaf Allah Ahmad. t.th. *al-Mu°jam al-Wasīl*. Ed. ke-2. jil. 2. t.tp: t.tp.
- Ibnu Khallakān, Ahmad bin Muhammad bin Abū Bakar. t.th. *Wafīyyāt al-A'yān Wa Anbā' Abnā' al-Zamān*. thq. Ihsān °Abbās. jil. 4. Bayrūt: Dar Sādir.
- Ibnu Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abū Bakr. 1374H/1955. *I'lām al-Muwaqqi°in °An Rabb al-°Ālamīn*. jil. 1. Misr: Matba'ah al-Sa°ādah.
- Idrīs Jum°ah Darrār Bashīr. t.th. *al-Ra'y Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Islāmī Fī °Usūr Mā Qabla Qiyyām al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Qāhirah: Faysal °Isā al-Bābī al-Halabī.

Rujukan

- °Isawī Ahmad °Isawī. 1967-1968. *Al-Madkhal Li al-Fiqh al-Islāmī Tārīkhuhu Masādiruhu Nazariyyah al-Milk Wa al-°Aqd Qawā'iduhu al-Kulliyyah*. t.tp: t.pt.
- Jalāl al-Dīn °Abd al-Rahmān. 1399H/1979. *Ghāyah al-Wusūl Ilā Daqā'iq °Ilm al-Usūl*. Maydān Ahmad Māhir: Matba'ah al-Sa'ādah.
- al-Jundī, °Abd al-Halīm. t.th. *Mālik bin Anas Imām Dār al-Hijrah*. Al-Qāhirah: Dār al-Ma'ārif.
- al-Kāndahlawī, Muhammad Zakariyyā. 1400H/1980. *Awjaz al-Masālik Ilā Muwattā' Mālik*. jil. 1. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Kassim Salleh. 1989. *Ijtihad: Sejarah dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: al-Rahmaniah.
- al-Khafanī, °Abd al-Mun°im. 1413H/1993. *Mawsū'ah al-Firaq Wa al-Jamā'āt Wa al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. al-Qāhirah: Dār al-Rashād.
- al-Khafif, °Alī. 1375H/1965. *Muhadarāt Fī Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā'* t.tp: t.pt.
- Khallāf, °Abd al-Wahhāb. 1366H/1947. *°Ilm Usūl al-Fiqh Wa Khulāsah Tārīkh al-Tashrī° al-Islāmī*. Ed. ke-3. Shārī° Fārūq: Matba'ah al-Nasr.
- al-Khudarī Bek, Muhammad. 1414H/1994. *Tārīkh al-Tashrī° al-Islāmī*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Kirro, al-Hādī. 1396H/1976. *Usūl al-Tashrī° al-Islāmī*. Lībiyā: al-Dār al-°Arabiyyah Li al-Kitāb.
- al-Kāfī Mu°jam °Arabī Hadīth. 1412H/1992. Bayrūt: Sharikah al-Matbū'āt Lī al-Tawzī° Wa al-Nashr.
- Teuku Iskandar. 1998. *Kamus Dewan*. Ed ke-3. Cetak ulang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johns, A.H, Prentice, D.J, Sheikh Othman Sheikh Salim & Nor Azizah Abu Bakar. 1991. *Kamus Dewan Inggeris Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmasānī, Subhī Rajab. 1380H/1961. *Falsafah al-Tashrī° Fī al-Islām: Muqaddimah Fī Dirāsah al-Sharī°ah al-Islāmiyyah °Alā Daw' Madhāhibihā al-Mukhtalifah Wa Daw' al-Qawānīn al-Hadīthah*. Ed. ke-3. Bayrūt: Dār al-°Ilm Li al-Malāyīn.
- Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid. 1992. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mahmūd Hāmid °Uthmān. 1417H/1996. *Qā'idah Sadd al-Zarā' i° Wa Atharuhā Fī al-Fiqh al-Islāmī*. al-Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- Mahrān, Mahmūd Bilāl. 1403H/1983. *al-Madkhal Li Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī*. Al-Qāhirah: Dār al-Thaqāfah al-°Arabiyyah.
- Mālik bin Anas. 1406H/1985. *al-Muwattā'*. t.lq. Muhammad Fu'ād °Abd al-Bāqī. jil. 2. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-°Arabī.

- al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. 1414H/1993. Ed. ke-4, jil. 1. al-Kuwayt: Wizārah al-Awqāf Wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.
- al-Māwardī, Abū al-Hasan °Alī bin Muhammad bin Habīb. 1414H/1994. *Al-Hāwī al-Kabīr*. thq. Matrajī, Mahmūd. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Muhammad Ismā'īl Ibrāhīm. 1978. *A'immah al-Madhāhib al-Arba'ah Abū Hanīfah, Mālik, al-Shāfi'ī, Ibnu Hanbal*. t.tp: Dār al-Fikr al-°Arabī.
- Muhammad Ismā'īl Ibrāhīm. t.th. *Mu'jam al-Alfāz Wa al-°lām al-Qurāniyyah*. Ed. ke-2. t.tp: Dār al-Fikr al-°Arabī.
- Madkūr, Muhammad Sallām. 1384H/1964. *Madkhal al-Fiqh al-Islāmī*. al-Qāhirah: al-Dār al-Qawmiyyah Li al-Tibā'ah Wa al-Nashr.
- Muhammad Yusuf Musa. 1374H/1954. *al-Madkhal Li Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī*. ter. Abdul Kahar Muzakkir. t.tp: t.pt.
- Muhammad Yūsuf Mūsā. 1380H/1961. *al-Madkhal Li Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī*. Ed. ke-2. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-°Arabī.
- al-Mu'jam al-°Arabī al-Asāsī*. t.th. t.tp. Al-Munazzamah al-°Arabiyyah Li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-°Ulūm.
- al-Mu'jam al-Wasīt*. t.th. Ed. ke-3. t.tp: t.pt.
- al-Munjid Fī al-Lughah*. 1986. Ed. ke-20. Bayrūt: Dār al-Mashriq.
- Mustafā Bek Najīb. t.th. *Humāt al-Islām Fī al-Tārīkh al-Islāmī Wa Falsafatihi*. Ed. ke-2. jil.2. t.tp: Matba'ah al-Sa'ādah.
- al-Nabhān, Muhammad Fārūq. 1981. *Al-Madkhal Li al-Tashrī' al-Islāmī Nashatuhu Adwāruhu al-Tārīkhīyyah Mustaqbaluhu*. Ed. ke-2. Al-Kuwayt: Wakālah al-Matbū'at, Bayrūt: Dār al-Qalam.
- al-Nadawī, Abū al-Hasan °Alī al-Hasanī. 1379H/1960. *Rijāl al-Fikr Wa al-Da'wah Fī al-Islām*. Dimashq: t.pt.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhy al-Dīn bin Syaraf. 1417H/1996. *Al-Majmū' Sharh al-Muhazzab*. thq. Matrajī, Mahmūd. jil. 1. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Qal'ah Jī, Muhammad Rawwās. 1412H/1992. *Mawsū'ah Fiqh °Abd Allah bin Mas'ūd*. Ed. ke-2. Bayrūt: Dār al-Nafāis.
- al-Qattan, Mannā°. 1416H/1995. *Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmī*. Ed. ke-13. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- al-Qattān, Mannā°. 1396H/1976. *al-Tashrī' Wa al-Fiqh Fī al-Islām Tārīkhan Wa Manhajan*. °Ābidīn: Maktabah Wahbah.
- al-Rāfi'ī, Mustafā. 1993. *Tārīkh al-Tashrī' Wa al-Qawā'id al-Qānūniyyah Wa al-Shar'iyyah*. Bayrūt: al-Sharikah al-°Ālamiyyah Li al-Kitāb.
- al-Rāzī, Muhammad bin Abū Bakr bin °Abd al-Qādir. t.th. *Mukhtār al-Sihāh*. Dimashq: Dār al-Īman.
- Sa'd Fahmī Ahmad Bilāl. 1417H/1996. *al-Sirāj al-Munīr Fī Alqāb al-Muhaddithīn*. Sa'ūdiyyah: Maktabah al-Tawbah.

- al-Saymarī, Abu °Abdullah Husayn bin °Alī. 1976. *Akhbār Abī Hanīfah Wa Ashābihi*. Ed. ke-2. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-°Arabī.
- al-Salmāsī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Ibrāhīm bin Ahmad bin Muhammad. 1420H/1999. *Kitāb Fīhi Manāzil al-A°immah al-Arba°ah*. tlq. Al-Kandarī, Abū Yahyā °Abd Allah. Bayrūt: Dār Ibnu Hazm.
- Al-Sāys, Muhammad °Alī. t.th. *Tārikh al-Fiqh al-Islāmī*. t.tp: t.pt.
- Sha°bān Muhammad Ismā°īl. 1405H/1985. *al-Tashrī° al-Islāmī Masādiruhu Wa Atwāruhu*. Ed. ke-2. Al-Qāhirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- al-Shāfi°ī, Muhammad bin Idrīs. 1388H/1969. *al-Risālah*. thq. Kaylānī, Muhammad Sayyid. t.tp. Sharikah Maktabah Wa Matba°ah Mustafa al-Bābī al-Halabī Wa Awlāduhu Bi Misr.
- al-Shāfi°ī, Muhammad bin Idrīs. 1408H/1988. *Al-Risālah*. thq. Ghanāyim, Muhammad Nabīl & Shāhīn, °Abd al-Sabūr. al-Qāhirah: Markaz al-Ahrām Li al-Tarjumah Wa al-Nashr (Mu°assasah al-Ahrām).
- al-Shāfi°ī, Abū °Abd Allah Muhammad bin Idrīs. 1413H/1993. *Al-Umm*. thq. Matrajī, Mahmūd. jil. 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Shahāwī, Ibrāhīm Dasūqī. 1972. *Tārikh al-Tashrī° al-Islāmī*. t.tp: t.pt.
- al-Shak°ah, Mustafā. 1403H/1983a. *al-A°immah al-Arba°ah*. Ed. ke-2. al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-Misrī.
- al-Shak°ah, Mustafā. 1403H/1983b. *al-Imām al-A°zam Abū Hanīfah al-Nu°mān*. t.tp: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Shalabī, Muhammad Mustafā. 1403H/1983. *al-Madkhal Fī al-Ta°rīf Bi al-Fiqh al-Islāmī Wa Qawā°id al-Mulkiyyah Wa al-°Uqūd Fīhi*. Bayrūt: Dār al-Nahdah al-°Arabiyah.
- al-Sharqāwī, °Abd al-Rahmān. 1401H/1981. *Shakhsiyyāt Islāmiyyah Aimmah al-Fiqh al-Tis°ah*. Bayrūt: Dār Iqra.
- al-Sharqāwī, °Abd al-Rahmān. 1406H/1985. *A°immah al-Fiqh al-Tis°ah*. Ed. ke-2. Bayrūt: al-°Asr al-Hadīth Li al-Nasyr Wa al-Tawzī°.
- al-Subkī, Tāj al-Dīn Abū Nasr °Abd al-Wahhāb bin °Alī bin °Abd al-Kāfi. 1383H/1964. *Tabaqāt al-Shāfi°iyyah al-Kubrā*. thq. al-Tanāhī, Mahmūd Muhammad & °Abd al-Fattāh Muhammad al-Hilw. jil. 1. t.tp: Matba°ah °Isā al-Bābī al-Halabī Wa Shurakāh
- Tawānā, Rusayyad Muhammad Mūsā. t.th. *al-Ijtihād Wa Madā Hājatunā Ilayh Fī Hāzā al-°Asr*. °Ābidīn: Dār al-Kutub al-Hadīthah.
- al-Tarīhī, Fakhr al-Dīn bin Muhammad °Alī. 1403H/1983. *Majma° al-Bahrayn*. Ed. ke-2. jil. 1. Bayrūt: Mu°assasah al-Wafā°.
- Tawīlah, °Abd al-Wahhāb °Abd al-Salām. t.th. *Athar al-Lughah Fī Ikhtilāf al-Mujtahidīn*. Shāri° al-Azhar: Dār al-Salām Li al-Tibā°ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī° Wa al-Tarjumah.

Sejarah Perundangan Islam

- al-Turkī, °Abd Allah bin °Abd al-Muhsin. 1416H/1996. *Usūl Madhhab al-Imām Ahmad Dirāsah Usūliyyah Muqāranah*. Ed. ke-4. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- al-Zāwī, al-Tāhir Ahmad. t.th. *Tarīb al-Qāmūs al-Muhīt °Alā Tarīqah al-Misbāh al-Munīr wa Asās al-Balāghah*. Ed. ke-3. jil. 2. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Zaydān, °Abd al-Karīm. 1411H/1990. *Al-Madkhal Li Dirāsah al-Sharīah al-Islāmiyyah*. Ed. ke-11. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm bin Nujaym. 1417H/1996. *Al-Ashbāh Wa al-Nazā'ir °Alā Madhhab Abī Hanīfah al-Nu°mān*. jil. 1. Al-Riyād: Maktabah Nazzār Mustafā al-Bāz.

Indeks

- Abban bin Uthman bin Affan 28
Abd al-Rahman 35
Abd al-Rahman bin Ghanim al-Ash'ari 38
Abdullah bin Abbas 21, 25-27, 38
°Abdullah bin °Abbas 52, 73
Abdullah bin al-Qasim 28
Abdullah bin al-Zubayr 25
Abdullah bin Amru bin al-As 25-26, 35, 39
Abdullah bin Mas'ud 21, 25, 34-37
°Abdullah bin Mas'ud 54-55, 80
Abdullah bin Shibirmah 37
Abdullah bin Umar 21, 25-28, 40
°Abdullah bin °Umar 46, 48-49, 52
Abdullah bin Uthman bin Affan 28
Abdullah bin Zakwan 27-28
Abidah bin Qays al-Salmari 34
Abu Abd al-Rahman Abdullah 34
Abu A'ishah Masruq bin al-Ajda' 35
Abu al-Aliyah Rafi' bin Mahran 38
Abu al-Darda' 25, 35
Abu al-Khayr Marthad 39
Abu al-Sha'tha' Jabir bin Zayd 38
Abu al-Zubayr Muhammad 38
Amru bin Sharahil al-Hamdani 38
Abu Bakar 33, 35, 47, 50-51
Abu Bakar al-Siddiq 25-26, 28
Abu Bakar bin °Abd al-Rahman 26, 28, 51
Abu Bakar Muhammad bin Amru 28
Abu °Ubaydah al-Jarrah 91
Abu Hanifah 36-37, 64-65, 71, 76-84, 87, 89, 92-93, 95-96, 98, 106-108
Abu Hurayrah 26-27, 36, 52, 60, 69-70, 72, 110
Abu Idris al-Khawlani °A'iz Allah 38
Abu Musa al-Ash'ari 25, 34
Abu Said al-Khudri 25
Abu Salamah bin Abd al-Rahman 28
Abu Talhah 25
Abu Ubaydah bin al-Jarrah 25
Abu Zarr 25
A'ishah 26-27, 35-36
°A'ishah 49, 51, 57, 69, 71
Al-°Ajali 36
Al-Ak 29
Ali bin Abu Talib 25, 34
°Ali bin Abu Talib 54, 77
Ali bin al-Husayn bin Ali 28
Alqamah bin Qays al-Nakha'i 35, 37
Alqamah bin Qays al-Nakha'i 81
al-Amidi 31
°Amir al-Sya'bi 35
Ammar bin Yasir 34
°Amru 84
Amru bin Maymun al-Awdi 34
Amru bin Shurahbil al-Hamdani 35
Anas bin Malik 34, 38
Asma' binti Abu Bakar 26
al-Aswad bin Yazid al-Nakha'i 35
al-Azd 39
Badran Abu al-°Aynayn 72
Bani Qurayzah 22
Dawud bin °Ali al-Zahiri 33
Fath al-Din 24
Hafsah 25, 57

Sejarah Perundangan Islam

- al-Hajjaj bin Yusuf 36, 76
al-Hakam bin Utaybah 35
Hammad 37, 81
Hammad bin Abu Sulayman 37, 81
al-Harith bin Qays al-Ja'fi 35
al-Hasan bin Salih bin Hayy 37
Huzayfah bin al-Yaman 34
- Ibnu al-Ash'ath 36
Ibnu Awn 37
Ibnu Hazm al-Andalusi 32
Ibnu Khaldun 32-33
Ibnu Qayyim al-Jawziyyah 30, 32-33
Ibnu Shihab al-Zuhri 26, 28, 51, 69, 88-89
Ibrahim al-Nakha'i 79, 81, 114
Idris Jum'ah 31, 33
Ikrimah 38
Imran bin Husayn 34
- Jabir bin Abdullah 25
Ja'far bin Muhammad bin Ali 28
- Khabab bin al-Art 35
Kharijah bin Zayd bin Thabit 27
Khawarij 43, 47, 55, 75
- Makhul bin Abu Muslim 38
Malik 27-29, 48-51, 62, 76, 94, 97-98, 106, 109
Mansur bin al-Mu'tamir al-Salmi 37
Mas'ar bin Kaddam 37
Masruq bin al-Ajda' al-Hamdani 35
Maymunah 27
Mu'awiyah 43, 75
Muaz bin Jabal 25, 33-34
Muhammad bin Abd al-Rahman 37
Muhammad bin al-Hanafiyah 28
Muhammad bin Muslim 28
Muhammad bin Sirin 38
- Mujahid bin Jabar 38
- Nafi' 28
Qatadah bin Da'amah al-Dawsi 38
Qubaysah bin Zu'ayb 38
- Rabi'ah 89
Rabi'ah bin 'Abd al-Rahman 62-63, 89
Raja' bin Hayawah al-Kandi 38
- Saad bin Abu Waqqas 34
Saad bin Muaz 32
Sa'id bin al-Musayyib 47, 49, 52, 62-63, 114
Sa'id bin Jubayr 76
Safiyah 25
Said bin al-Musayyib 26, 29, 38
Salim bin 'Abdullah bin 'Umar 53
Sharik bin Abdullah al-Nakha'i 37
Shurayh al-Qadi 35
Sufyan bin Said al-Thawri 37
Sulayman 27
Sulayman bin al-Mu'tamir 37
Sulayman bin Mahran al-A'mash 37
Sulayman bin Yasar 27, 76
Suwayd bin Ghafalah al-Mazhiji 34
Syiah 43, 47, 55, 60
- Tawus bin Kisan al-Jundi 38
Tay' 38
- Ubayd Allah bin Abdullah 27
Ubayd bin Umayr 35
Ubaydah bin Amru al-Salmani 35, 36
Ubayy bin Kaab 25, 33-35
Ubayy bin Ka'ab 70
Umar bin Abd al-Aziz 27, 38
Umar bin al-Khattab 21, 25, 34-36

Indeks

Ummu Salamah 26-27	Yahya bin Abu Kathir 38
Ummuu Habibah 25	Yahya bin Sa'id 29
Urwah bin al-Zubayr bin al-Awwam al-Asadi 26	Yazid bin Abu Habib 39
Uthman bin Affan 25	Zayd 81
Wahb bin Munabbih al-San'ani 38	Zayd bin Thabit 21, 26-27, 33, 38
	Zirr bin Hubaysh 34

Contoh kedua, persyaratan berpuasa untuk beriktikaf. Imam Malik meriwayatkan bahawa al-Qasim bin Muhammad dan Nafi' hamba kepada 'Abdullah bin 'Umar berkata, "tidak ada iktikaf kecuali ketika berpuasa". Dalilnya firman Allah S.W.T (al-Quran: al-Baqarah 2: 187):

وكلوا واشربوا حتى يتبين لكم الخيط الأبيض من الخيط الأسود من الفجر ثم أتموا الصيام إلى الليل ولا تباشروهن وأنتم عاكفون في المساجد

Maksudnya: "Dan makan minumlah hingga terang kepada bagimu benang putih dari benang hitam iaitu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sampai (datang) malam, tetapi janganlah kamu campuri mereka (isteri), sedang kamu beriktikaf".

Imam Malik berpegang dengan pendapat ini bersandarkan kepada pengamalan berterusan fuqaha-fuqaha Madinah yang berdalilkan ayat di atas.

- ii. Merujuk kepada hadis: contohnya, Imam Malik meriwayatkan dalam kitab *al-Muwattā'* bahawa Sa'id bin al-Musayyib ditanya tentang seorang wanita yang mensyaratkan kepada suaminya, bahawa suaminya tidak boleh membawanya keluar dari negerinya, lalu Sa'id bin al-Musayyib menjawab, si suami boleh membawanya keluar jika dia mahu. Dengan erti kata lain si suami tidak tertakluk dengan syarat isterinya. Dalilnya ialah apa yang diriwayatkan oleh 'A'ishah R.A, bahawa Nabi SAW berkhotbah kepada orang ramai, lalu baginda berkata di dalam khutbahnya:

كل شرط ليس في كتاب الله فهو باطل وإن كان مائة شرط¹⁴

Maksudnya: "Setiap syarat yang tidak ada di dalam kitab Allah maka ianya tidak terpakai walaupun ia seratus syarat".

Syarat yang dibuat oleh si isteri tadi tidak terdapat di dalam kitab Allah dan juga tidak menepati kehendak syarak, maka ianya tidak sah.

ALIRAN AL-HADĪTH DAN ALIRAN AL-RA'Y DALAM FIQH



Irwan bin Mohd Subri, dilahirkan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada tahun 1976. Anak sulung daripada lima adik-beradik ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ladang Lunas, Kedah. Seterusnya melanjutkan pelajaran di Ma'had al-Azhar, Pokok Sena, Pulau Pinang selama empat tahun. Pada tahun 1992 beliau menduduki peperiksaan empat Thanawi di Madrasah Khairiah Islamiah, Pokok Sena, Pulau Pinang yang melayakkan beliau menyambung pelajaran di Universiti al-Azhar cawangan Damanhur, Mesir. Beliau menamatkan pengajiannya pada tahun 1996 dengan mendapat Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang (Islamiyyah) dengan kepujian. Pada tahun 2002 beliau telah mendapat Sarjana Pengajian Islam (Syariah) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau pernah bertugas sebagai guru tahfiz dan bahasa Arab di Sri Ayesha Islamic Primary School, Bandar Baru Bangi daripada tahun 1999 hingga 2001. Pada tahun 2001 beliau memulakan kerjayanya sebagai tutor di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia sebelum menjadi pensyarah di fakulti yang sama pada tahun 2002.

Antara artikel beliau yang diterbitkan ialah: *Reda Dan Paksa Dalam Akad: Pandangan Islam Dan Konvensional, Etika Kedokteran Dari Perspektif Islam Dan Perubatan Konvensional, Ke Arah Fiqh Yang Berakhlak, Konsep Kepimpinan Dalam Pengurusan Islam, Pengajian Usul Fiqh Berdasarkan Kajian Kes, al-Taw'iyat al-Qanuniyyah Wa Atharuha Fi al-Hadd Min Zahirat al-Talaq Fi al-Mujtma' al-Maliziyy, Fiqh al-Waqi' Dalam Ijtihad, Langkah Pencegahan Sars: Satu Masalah.*

ISBN 983-2950-23-6



9 789832 950233